

Jilid IV
Bil. 11



Hari Rabu
27hb Jun, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1589]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1590]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1591]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) [Ruangan 1679]

Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) [Ruangan 1710]

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) [Ruangan 1717]

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) [Ruangan 1721]

Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) [Ruangan 1727]

Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir [Ruangan 1731]

Rang Undang-undang Syarikat Amanah Labuan [Ruangan 1738]

MALAYSIA

PARLIMEN KETUJUH—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN, P.M.N., P.N.B.S., D.S.N.B. (Brunei), J.B.S., A.M.N., A.B.S. (Sarawak).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK HAJI HUSSEIN BIN AHMAD, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, DATO DR K. S. NIJHAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF, D.I.M.P., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM, D.M.S.M., K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ PUAN HAJIAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).
- „ TUAN P. BALARAM, A.M.N., A.M.K. (Kedah Darulaman).
- „ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ DR CHONG ENG LEONG (Sabah).
- „ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).

Yang Berhormat PUAN HAJJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).

- „ TUAN HASSAN BIN HARUN, A.M.N. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNDAN, B.S.K. (Sabah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG, P.P.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN KUAN PENG SOON, A.M.N. (Perak).
- „ TUAN LAU KENG SIONG *alias* JOSEPH LAU KENG SEONG, K.M.N., A.M.N., P.I.S. (Johor).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ TUAN LIM CHIEN AUN (Pulau Pinang).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN MOHAMAD WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, J.P. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., A.K. (Kelantan).
- „ TUAN MUSTAFA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Dilantik).
- „ DR NG KHEK KIUNG (Selangor Darul Ehsan).
- „ TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).
- „ DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- „ TUAN G. RAJOO (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM, A.M.N., P.C.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).

- „ TUAN SIVALINGAM A/L ARUMUGAM KARUPPIAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID BIN SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHAI HO, A.M.N. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ DR TAN CHONG KENG (Dilantik).
- „ DATO' TAN PENG KHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TIONG HIEW KING, P.B.S. (Dilantik).
- „ PUAN VALLI MUTHUSAMY, P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHAYA, D.P.M.S., K.M.N., S.M.S., P.J.K., P.P.N. (Selangor Darul Ehsan).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 27hb Jun, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUAPERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“27hb Julai, 1990

Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir;
2. Rang Undang-undang Syarikat Amanah Labuan;
3. Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir;
4. Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir;
5. Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan;
6. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand; dan
9. Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja.

Yang Ikhlas,
Tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN
RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya dalam mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir;
2. Rang Undang-undang Syarikat Amanah Labuan;
3. Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir;
4. Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir;
5. Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan;

6. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan)(Pindaan);
8. Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand;
9. Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**JALAN BATU CAVES
KE GOMBAK—PEMBESARAN**

1. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah beliau sedar bahawa jalan dari Batu Caves ke Gombak itu sekarang ini merupakan jalan yang terlalu sesak dengan kereta-kereta. Jika sedar adakah perancangan untuk membesarkan jalan itu dan jika ada bila agaknya projek itu akan dimulakan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jalan dari Batu Caves ke Gombak adalah di dalam perancangan untuk diperbesarkan. Pada masa ini pihak JKR sedang mengambil tindakan untuk melantik Juruperunding bagi menyiapkan kerja-kerja reka-bentuk jalan berkenaan kepada enam lorong dua hala. Pihak JKR juga sedang mengambil tindakan untuk pengambilan balik tanah bagi kawasan yang terlibat dengan projek pembesaran jalan tersebut. Jika tiada apa-apa halangan, tender bagi projek berkenaan dijangka akan dipanggil pada penghujung tahun 1990.

**HOSPITAL ESTET—KEADAAN
KURANG MEMUASKAN**

2. Tuan V. K. Sellappan minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan serta rancangan Kerajaan dalam mempertingkatkan keadaan hospital-hospital di kawasan- kawasan estet memandangkan bahawa di kebanyakan estet, keadaan hospital adalah kurang memuaskan; dan
- (b) adakah bilangan hospital-hospital akan ditambah dalam Rancangan Malaysia Keenam khususnya di kawasan-kawasan estet.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk melesenkan hospital-hospital estet dalam usaha untuk meningkatkan lagi keadaan di hospital-hospital tersebut. Dalam urusan perlesenan ini, hospital-hospital estet diperlukan memenuhi keperluan-keperluan fizikal serta kakitangan yang telahpun ditetapkan;
- (b) Terlebih dahulu saya ingin maklumkan bahawa di bawah Kanun Buruh, pembinaan hospital-hospital di estet adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan. Dengan demikian, Kerajaan tidak ada rancangan untuk membina hospital-hospital di dalam kawasan-kawasan estet. Bagaimanapun, penduduk-penduduk estet bolehlah menggunakan hospital-hospital Kerajaan yang berdekatan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam Kerajaan akan membina beberapa hospital baru dan hospital-hospital ini bolehlah juga memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk estet.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat memberitahu serba sedikit secara mendalam rawatan-rawatan yang terdapat di hospital-hospital estet?

Kedua, satu tuduhan yang dibuat oleh pekerja-pekerja ladang ialah ubat yang diberi di hospital-hospital di estet dan gudang-gudang ubat hospital itu, mutunya ada dua jenis. Satu jenis kepada pengurus dan kerani-kerani ladang dan ubat yang kurang mutu diberi kepada pekerja-pekerja. Untuk memastikan ini bolehkah Kementerian Kesihatan menghantar Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian Kesihatan untuk menyiasat tuduhan-tuduhan ini dan untuk memberi rawatan yang baik kepada pekerja-pekerja ladang?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi saya mengatakan bahawa mengikut Kanun Buruh, pembinaan hospital di estet adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan.

Mengenai jenis rawatan yang diberikan di estet-estet bergantunglah kepada pengurusan estet tersebut. Walau bagaimanapun jika sekiranya terdapat penyelewengan berkenaan dengan cara atau jenis ubat yang diberi, maka laporan-laporan boleh dibuat kepada Kementerian dan kita boleh menyiasat.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini bekas Timbalan Menteri Kesihatan telahpun mengumumkan bahawa hospital-hospital estet akan diambilalih oleh Kementerian Kesihatan. Adakah apa-apa cadangan bagi Kementerian Kesihatan untuk mengambilalih hospital-hospital estet ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN

3. Tuan Chong Chi Siong [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah berikut:

- (a) penyelarasan aturan dan peraturan (rules and regulations), dasar, rancangan dan program pelancongan dengan dan di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan lain untuk mengurangkan pertindihan (duplications) dan persaingan yang tidak perlu;
- (b) penyelarasan dan penyegeraan pelaksanaan program pembangunan infrastruktur pelancongan, khususnya mengenai masalah pengangkutan ke tempat-tempat terpencil seperti Kelantan dan Terengganu; dan penjagaan dan pengurusan keadaan persekitaran di tempat-tempat tumpuan pelancongan;
- (c) penyelarasan peranan dan tanggungjawab Bahagian Pelancongan Kementerian dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) supaya:
 - (i) Kementerian lebih menumpu kepada perkara-perkara dasar dan strategi, bukan perkara remeh-temeh;
 - (ii) TDC tertumpu kepada pemasaran secara profesional, khususnya dalam

memajukan "product image" Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang unik; dan

- (iii) TDC menjalin hubungan yang rapat (rapport) dengan pihak pengusaha pelancongan swasta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Datuk Abdul Raman bin Suliman):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) salah satu tugas yang penting yang dilaksanakan oleh Kementerian ini ialah merancang dan menyelaras aktiviti-aktiviti dan pembangunan projek-projek pelancongan yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak di negara ini, termasuk Jabatan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan sektor swasta. Oleh itu, penyelarasan usaha antara Jabatan dan tugas agensi-agensi ini perlu diselarasakan supaya industri pelancongan ini dapat berjalan dengan baik dan menguntungkan negara. Pada masa ini terdapat beberapa Jawatankuasa Penyelaras yang ditubuhkan di peringkat Kementerian yang keahliannya melibatkan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan sektor swasta. Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Induk Pelancongan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan sendiri dan keahliannya adalah terdiri dari ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai pelancongan; dan

- (ii) Jawatankuasa Pembangunan Produk atau "Product Development", peringkat pegawai yang keahliannya terdiri dari beberapa agensi Kerajaan dan sektor swasta. Selain daripada itu, Kementerian ini juga telah mempertanggungjawabkan untuk membuat penilaian dan perakuan terhadap projek-projek pelancongan yang dikemukakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk tempoh masa Rancangan Malaysia Keenam sebelum ianya diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Dengan penyelarasan yang sedemikian rupa diharapkan soal-soal pertindihan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan percanggahan dapat dikurangkan.

- (b) Mengenai penyelarasan dan penyegeraan pelaksanaan program-program pembangunan infrastruktur pelancongan, usaha-usaha telah dibuat di bawah Rancangan Malaysia Kelima di mana \$536.98 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan infrastruktur pelancongan di seluruh negara, termasuk di negeri Kelantan dan Terengganu, di mana masalah pengangkutan di tempat-tempat pelancongan terpencil di negeri ini sedang dipertingkatkan seperti mengadakan kemudahan perhubungan feri daripada Pengkalan Kubur ke Taa Bai di Selatan Thailand dan mengadakan hubungan jalanraya tar ke Giawi di pusat pelancongan Tasik Kenyir.

Usaha untuk mempertingkatkan pembangunan infrastruktur pelancongan ini akan terus diberi keutamaan dan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam kelak.

- (c) Berkaitan dengan pembahagian tugas antara Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC), pada dasarnya telahpun dipersetujui oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan juga TDC supaya pihak Kementerian lebih menumpukan kepada perkara-perkara dasar dan strategi serta pembangunan produk pelancongan dan industri pelancongan pada keseluruhannya. Sementara TDC pula menumpukan perhatian sepenuhnya kepada bidang-bidang promosi dan pemasaran.

Untuk membolehkan pembahagian tugas ini dilaksanakan dengan sepenuhnya, Kementerian dan TDC sedang mengambil tindakan untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Tahun 1972 dan merangka penyusunan semula struktur organisasi Kementerian dan juga TDC selaras dengan beban tugas yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dan juga TDC di masa hadapan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan mengenai soalan (c) (ii) di mana beliau ada menyebut bahawa memang penelitian dan penumpuan diberikan kepada perkara-perkara satu dan dua, terutamanya dalam bidang promosi dan juga pemasaran.

Sejak kita melancarkan Visit Malaysia Year, dengan izin, sehingga pada hari ini, adakah peningkatan dari segi kehadiran atau kedatangan atau kebanjiran pelancong kerana kita rasa selepas CHOGM dan kemudian diikuti dengan persidangan lain, termasuk yang terbaru iaitu Persidangan Selatan-Selatan, dirasakan seolah-olahnya ada sedikit kesunyian kebanjiran pelancong ini. Jadi, saya ingin penjelasan.

Datuk Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemasukan pelancong-pelancong dalam negara kita adalah tidak tepat jika dikatakan telah berlaku kelembapan kemasukan pelancong-pelancong ke negara kita bahkan sebenarnya kesan daripada mengadakan CHOGM dan juga baru-baru ini Persidangan G—15 telah memperkenalkan lagi Malaysia. Dan ini terbukti pada tahun ini apabila kita mengadakan persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa, baru ada di kalangan peserta-peserta yang telah memberitahu, mereka baru sahaja mengenali Malaysia. Jadi, mereka juga memberitahu bahawa selepas ini mereka akan datang bukan sahaja berkali-kali bahkan mereka akan datang dengan keluarga mereka.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diumumkan bahawa kita telah dapat melihat iaitu kedatangan pelancong-pelancong jika dibandingkan dengan 5 bulan dalam tahun 1989 yang lalu dengan 5 bulan tahun ini iaitu Januari hingga Mei tahun ini, kita dapati pertambahan pelancong amatlah menggalakkan di mana hampir keseluruhan pelancong-pelancong dari setiap negeri yang pada tahun lalu datang ke negara kita, dari angka tunjuk yang kita dapat lihat, semuanya adalah melebihi daripada jumlah tahun lalu. Ini adalah satu perkembangan yang baik. Walau

bagaimanapun kita akan meneruskan promosi serta penggalakan bagi meneruskan khidmat kita memperkenalkan Malaysia kepada pelancong-pelancong supaya "trend" ini dapat diteruskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa memang dalam mana-mana negara—ini kita lihat daripada pengalaman negara-negara lain yang telah menganjurkan "Tahun Melawat Negara" mereka—bahawa tahun promosi, iaitu tahun 1990 bagi negara kita ini bukanlah menjadi sebagai tahun semestinya pelancong datang tetapi tahun-tahun yang berikut. Sebab itu kita akan teruskan lagi memperkenalkan perkara ini di samping seperti yang saya sebutkan tadi, kita menentukan bahawa produk-produk ataupun destinasi-destinasi pelancongan yang ada di negara kita mestilah kita kekalkan dengan sebaik mungkin.

Tuan A. K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pelancong-pelancong yang melawat negara kita menimbulkan masalah kepada kita? Pernahkah mereka terlibat dalam kes-kes jenayah di negara kita?

Datuk Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang kita ketahui, tidak ada laporan-laporan yang serius yang mengatakan bahawa terdapat pelancong-pelancong yang datang ke sini dengan tujuan untuk melakukan jenayah dan sebagainya. Tetapi sepertimana yang kita tahu bahawa jenayah ini bukan sahaja dilakukan oleh pelancong, ianya juga dilakukan oleh sesiapa sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 4.

BANK RAKYAT—BAYARAN DIVIDEN

4. Tuan Haji Shuaib bin Lazim [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) adakah benar bayaran dividen terakhir yang pernah dibuat oleh Bank Rakyat ialah pada tahun 1974; dan
- (b) adakah disebabkan oleh halangan perundangan yang berpunca dari Akta Bank Kerjasama Rakyat 1978 belum diatasi atau apakah selama ini sejak tahun 1974 Bank Rakyat tidak pernah mengalami keuntungan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kali terakhir Bank Rakyat membuat bayaran dividen kepada ahli-ahlinya adalah dalam tahun 1975.
- (b) Bank Rakyat membuat keuntungan sejak tahun 1982 tetapi dividen tidak boleh dibayar oleh kerana peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia 1978. Pihak Bank perlu memohon Perintah Pengubahsuaian dari pihak berkuasa untuk menggunakan Rizab Modal bagi maksud menghapuskan kewangan terkumpul, barulah Bank Rakyat dapat membuat dividen kepada ahli-ahlinya.

**PENDATANG HARAM
VIETNAM—DASAR MALAYSIA**

5. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pendirian beliau terhadap tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu mengenai dasar penolakan “secara paksa dan tidak berperikemanusiaan” yang kononnya diamalkan oleh Malaysia sekarang terhadap “pelarian” Vietnam yang cuba mendarat di Malaysia; dan.
- (b) apakah tindakan yang sudah dan akan diambil, memandangkan kesan tuduhan-tuduhan itu kepada imej negara, walhal negara-negara lain yang tidak memberi layanan terhadap “pelarian” atau layanan setakat di bibir sahaja, dan tidak menanggung beban yang berat seperti Malaysia terpelihara daripada tekanan antarabangsa.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato’ Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya menolak sama sekali sebarang dakwaan kononnya Malaysia mengamalkan dasar penolakan secara paksa dan tidak berperikemanusiaan terhadap pendatang haram Vietnam (PHV). Sebenarnya sudah lebih 15 tahun Malaysia menjadi tempat perlindungan sementara bagi lebih daripada 250,000 PHV. Sekarang masih ada lebih daripada 17,000 PHV di Malaysia. Kira-kira 13,000 darinya diberi perlindungan sementara dalam tahun lepas. Pada masa yang sama Malaysia memberi bantuan perikemanusiaan kepada PHV yang ingin meneruskan perjalanan mereka.

Bagi menjawab soalan (b), Malaysia memang sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang sesuai bagi menjelaskan keadaan yang sebenarnya supaya imej

baik negara kita terpelihara. Malaysia mengambil semua kesempatan untuk menerangkan pendiriannya mengenai pendatang haram Vietnam. Kita telah menekankan bahawa Comprehensive Plan of Action (CPA) dengan izin, yang telah diterima oleh Persidangan Antarabangsa Bagi Orang-orang Pelarian IndoChina hanya akan beroleh kejayaan sekiranya semua provisinya dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Kegagalan Vietnam untuk menyekat dengan efektif keluarnya warganegara mereka secara haram dan penentangan Vietnam dan Amerika Syarikat untuk melaksanakan penghantaran balik secara paksa pendatang haram Vietnam yang bukan pelarian tulen telah menjejaskan keberkesanan CPA. Walau bagaimanapun, penerangan kita seperti di atas tidak diberi sebaran luas atau diterima oleh pengkritik Malaysia. Kita akan terus dalam usaha untuk memperolehi persefahaman mengenai pendirian Malaysia terhadap soal ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajjah Habidah binti Jusoh.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 61.

**BAHASA INGGERIS DI KELAS
MATRIKULASI USM**

6. Tuan P. Balaram (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapakah kelas-kelas Matrikulasi USM (Universiti Sains Malaysia) Pulau Pinang terlalu menekankan bahasa Inggeris sebagai matapelajaran wajibnya setelah pelajar-pelajar berkenaan diterima masuk ke kelas-kelas matrikulasi itu, sedangkan waktu penapisan awal tidak diisyaratkan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris (SPM), tidakkah ini satu cara untuk menyekat anak-anak Melayu

dari kawasan Pantai Timur menyertai dalam bidang ke-doktoran kerana memang anak-anak dari kawasan ini kurang mampu dalam bahasa Inggeris disebabkan pergaulan mereka sehari-hari; dan

- (b) benarkah terdapat ramai pensyarah bahasa Inggeris di USM anti Bahasa Kebangsaan dan anti Bumiputera.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengajaran matapelajaran bahasa Inggeris di peringkat matrikulasi di Universiti Sains Malaysia adalah bertujuan untuk kita mempertingkatkan keupayaan pelajar-pelajar kita untuk menguasai bahasa Inggeris supaya mereka ini dapat memahami bahan-bahan rujukan dalam bahasa tersebut dengan lebih mudah. Pelajar-pelajar ini diberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk menguasai bahasa tersebut (bahasa Inggeris) seperti makmal bahasa, tenaga pengajar yang terlatih, bahan bacaan dan sebagainya. Jadi, oleh itu tidaklah wajar tujuan seperti ini dianggap sebagai satu cara menyekat kemajuan pelajar-pelajar Bumiputera, bahkan tindakan-tindakan ini perlu kita lihat dari segi perspektif yang positif.

Untuk soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa mengawasi dan meneliti prestasi serta keupayaan pensyarah-pensyarah di universiti. Jadi, dakwaan yang mengatakan pensyarah Inggeris di Universiti Sains Malaysia sebagai anti Bahasa Kebangsaan dan anti Bumiputera adalah tidak benar. Jika sekiranya kejadian seperti itu terbukti berlaku, tidak kira di universiti mana sekalipun, Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

TELEFON—MASALAH VANDALISM

7. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan yang dibuat untuk mengatasi masalah-masalah telefon yang dirosakkan dan apakah tindakan yang diambil bagi memerangkap penjenayah-penjenayah tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kejadian kecurian dan laku musnah, dengan izin, vandalism, adalah seperti berikut:

- (1) memasang aksesori tambahan pada semua alat telefon awam jenis berpeti duit seperti heavy duty cast iron bracket, dengan izin, dan mangga kunci;
- (2) memperkenalkan sistem perkhidmatan kadfon. Sistem ini dapat mengurangkan kejadian laku musnah ke atas telefon awam, kerana alat sistem kad tidak menggunakan wang syiling untuk membuat panggilan;
- (3) kajian kerja ubahsui rekabentuk mekanisme alat telefon awam bagi menghindar perbuatan laku musnah; dan
- (4) Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah mengarahkan Syarikat Telekom Malaysia dan Syarikat Uniphone untuk menganjurkan kegiatan kemasyarakatan yang boleh meningkatkan kesedaran tanggungjawab bersama untuk memelihara kemudahan awam.

Untuk memerangkap penjenayah-penjenayah, pihak Uniphone dan juga Syarikat Telekom Malaysia telah

menambahkan kumpulan tenaga pekerja bagi menjalankan operasi membanteras kejadian laku musnah. Operasi ini dijalankan sama ada oleh pihak syarikat-syarikat secara sendiri atau dengan bantuan polis di kawasan yang kerap berlaku kejadian jenayah laku musnah. Syarikat Telekom Malaysia meminta bantuan polis dari masa ke semasa untuk cuba memerangkap mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

KEHILANGAN KERETA DI KOMPLEKS BELI-BELAH

8. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kes kehilangan kereta di tempat letak kereta di pasaraya, kompleks beli-belah, hotel dan sebagainya dalam 5 tahun kebelakangan ini;
- (b) bagaimana kereta-kereta boleh hilang di kompleks beli-belah dan lain-lain tempat letak kereta swasta; dan
- (c) tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan kereta-kereta dicuri dengan cara-cara yang disebutkan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini terdapat sejumlah 17,458 buah kereta telah hilang di tempat letak kereta di pasaraya, kompleks beli-belah, hotel dan sebagainya;
- (b) sebab-sebab kehilangan adalah seperti berikut:
 - (i) pendapatan yang lumayan dan segera mendorong

kegiatan sindiket mencuri kereta;

- (ii) ada pembeli kereta-kereta curi melalui sindiket;
 - (iii) harga kereta yang mahal sama ada baru atau terpakai mendorong kegiatan ini untuk mendapat keuntungan yang tinggi;
 - (iv) sikap pembeli kereta yang sanggup membeli kereta yang diberi tawaran harga yang murah tanpa mengira sama ada kereta tersebut kereta curi ataupun tidak;
 - (v) ketinggian harga alat-alat ganti kereta juga mendorong kegiatan ini untuk menjadikan alat-alat ganti; dan
 - (vi) selain daripada itu tuan-punya kereta juga boleh dipersalahkan kerana tidak mengambil langkah-langkah keselamatan untuk mengelakkan kecurian.
- (c) tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan kereta-kereta dicuri ialah dengan menasihatkan pengguna-pengguna kereta supaya memastikan kenderaan sentiasa berkunci, memasang kunci tambahan di bahagian penting seperti pemacu roda, meletakkan kereta di tempat yang mudah dilihat dan tidak terpencil serta di tempat-tempat berlampu pada waktu malam.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan pernahkah ada setengah pegawai polis yang terlibat di dalam kes-kes kecurian kereta? Jikalau ada, saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana terlewat sampai. Bagaimanapun saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mohamed Farid kerana telah menjawab soalan ini.

Untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat itu, setakat ini kita belum dapat memastikan bahawa ada pihak-pihak polis yang telah terlibat dengan kecurian kereta ini. Kalau ada, kita akan mengambil tindakan yang setimpal.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak, kalau belum lagi, undang-undang yang menekankan kepada tempat-tempat meletak kereta seperti di supermarket yang mana mereka itu menerima duit tetapi mereka tidak terima tanggungjawab untuk menentukan kenderaan-kenderaan itu ada di dalam selamat dan tidak dicuri dengan sewenang-wenangnya oleh orang luar. Kalau kita menumpang motokar di rumah orang, orang itu terima tanggungjawabnya, apatah lagi kalau dibayar wang untuk menyimpan kereta itu. Saya menumpang tanya sahajalah, ada kemungkinan agaknya satu undang-undang yang boleh dibuat menekankan tanggungjawab kepada mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh disebabkan tidak ada undang-undang sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu, itu sebabnya di tiap-tiap tempat letak kereta walaupun dibayar atau tidak ada notis diletakkan di situ bahawa pihak-pihak yang berkuasa bangunan ini tidak bertanggungjawab di atas kecurian dan sebagainya seperti di dalam bahasa Inggerisnya "park at your own risk".

PROGRAM KHAS UNTUK GURU

9. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah program-program khas sudah diberikan kepada guru-guru supaya mereka dapat menjadi model kepada murid-murid.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang mengambil berat tentang masalah ini dan mengadakan program khas kepada guru-guru supaya mereka dapat dijadikan contoh atau model kepada pelajar-pelajar.

Di antara program yang dikendalikan untuk guru-guru termasuklah:

- (i) kursus orientasi guru-guru baru yang diselenggarakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri;
- (ii) kursus kepada bakal-bakal guru di maktab-maktab perguruan dan universiti tempatan, khususnya fakulti pendidikan;
- (iii) kursus pengurusan pengajaran-pembelajaran;
- (iv) kursus membina insan;
- (v) kursus Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah oleh Pusat Perkembangan Kurikulum;
- (vi) kursus perkembangan staf;
- (vii) program pembangunan iklim sekolah;
- (viii) kursus dalam perkhidmatan di Institut Aminuddin Baki dan lain-lain kursus sejenis.

TERNAKAN ARNAB

10. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan apakah pencapaian ternakan arnab dan kegunaan daging arnab. Berapakah bilangan maksima boleh diternak arnab dalam satu-satu masa oleh seorang petani.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bilangan penternak arnab ialah seramai 217 orang dengan jumlah ternakan sebanyak 75,867 ekor. Secara keseluruhan terdapat pengurangan dari segi bilangan penternak dan ternakan arnab kerana masalah pemasaran, harga baka yang mahal dan masalah makanan arnab.

Walau bagaimanapun, di kawasan tengah seperti Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang telah menunjukkan tanda-tanda yang menggalakkan dari segi bilangan penternak dan bilangan arnab. Adalah dianggarkan pada masa ini lebih kurang 12,000 ekor telah disembelih pada setiap bulan dan kebanyakannya di kawasan tengah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha promosi melalui ekspo dan latihan kepada penternak-penternak yang berminat untuk menternak arnab sedang dan terus dijalankan untuk meningkatkan penggunaan daging arnab dengan kerjasama Jabatan dan Agensi-agensi seperti FAMA dan Kementerian Pendidikan. Antara jenis-jenis masakan daging arnab ialah rendang, tanduri, satay dan burger.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bilangan maksima yang boleh diternak dalam satu-satu masa, sebenarnya tidak ada bilangan maksima yang tertentu. Penternak boleh menternak mengikut jumlah jualan yang boleh dibuat pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, untuk penternakan sederhana adalah digalakkan 100 ekor penjantan dan 20

ekor induk sementara untuk komersial pula digalakkan 1,000 ekor penjantan dan 200 ekor induk yang berupaya menghasilkan 4,000 ekor arnab daging.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini apakah galakan yang diberi ataupun bantuan daripada Kementerian Pertanian kepada penternak-penternak arnab ini bagi meluaskan usaha ini dan membanyakkan lagi pengeluaran daging arnab?

Yang kedua, apakah benar setengah anggapan mengatakan bagi mereka yang memakan daging arnab ini akan subur melahirkan anak. Ini saya rasa kalau benar akan mempercepatkan lagi pertumbuhan 70 juta dasar yang Kerajaan adakan. Terima kasih.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bantuan-bantuan yang telah diberi atau sedang diberi oleh Kementerian Pertanian ialah dalam promosi-promosi melalui ekspo dan juga latihan-latihan melalui kursus yang telah diberi kepada penternak-penternak yang berminat dalam perusahaan ini. Kementerian Pertanian juga bercadang hendak mengimport baka-baka arnab yang bagus untuk diagihkan kepada penternak-penternak yang berminat dalam bidang ini.

Berkenaan dengan soalan kedua itu, setakat ini kita tidak ada maklumat tentang perkara ini.

PENYAKIT TAUN DAN KEPIALU

11. Dr Ng Khek Kiung minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kementerian telah mengenalpasti sumber-sumber dan sebab-sebab berlakunya penjangkitan penyakit demam kepialu dan taun baru-baru ini;
- (b) bilangan pesakit yang terlibat di setiap negeri;

- (c) langkah-langkah pengawasan yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengelakkan berulangnya penjangkitan penyakit-penyakit tersebut pada masa yang akan datang; dan
- (d) anggaran pembelanjaan yang telah digunakan untuk memeringi penjangkitan penyakit demam kepialu dan taun baru-baru ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Yang di-Pertua, punca utama yang menyebabkan taun dan kepialu merebak ialah adanya kes-kes sub-klinikal dan pembawa kuman. Oleh kerana mereka tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit tersebut, mereka lebih berkemungkinan mencemari makanan dan minuman, yang boleh dijangkiti kepada orang lain yang memakan ataupun meminumnya.

Terdapat juga faktor-faktor lain yang turut memainkan peranan di dalam merebaknya wabak baru-baru ini, seperti musim kemarau, pergerakan orang ramai yang lebih pesat semasa musim cuti dan amalan memakan makanan dari penjaja-penjaja yang tidak mengutamakan kebersihan diri dan kebersihan makanan.

Bilangan kes yang terlibat mengikut negeri sehingga 31 Mei 1990 ialah seperti berikut:

Bagi taun, pecahannya ialah:

| <i>Negeri</i> | <i>Kes</i> |
|-------------------------------|------------------|
| Kelantan | 300 |
| Sabah - (a) orang-orang Sabah | 478 |
| (b) pendatang | 832 |
| Pahang | 46 |
| Kedah | 28 |
| Pulau Pinang | 8 |
| Terengganu | 6 |
| Perak | 3 |
| Selangor | 2 |
| Wilayah Persekutuan | 1 |
| Negeri-negeri lain | - |
| Jumlah: | 1,704 kes |

Bagi kepialu, pecahannya ialah:

| <i>Negeri</i> | <i>Kes</i> |
|---------------------|----------------|
| Johor | 546 |
| Kedah | 86 |
| Selangor | 34 |
| Kelantan | 41 |
| Perak | 30 |
| Pahang | 14 |
| Terengganu | 18 |
| Perlis | 10 |
| Pulau Pinang | 7 |
| Wilayah Persekutuan | 5 |
| Negeri Sembilan | 5 |
| Melaka | 3 |
| Sabah | 16 |
| Sarawak | 102 |
| Jumlah: | 917 kes |

Ingin saya jelaskan di sini bahawa selain daripada kejadian wabak di Johor, Kedah dan di Selangor, bilangan kes di negeri-negeri lain adalah ditahap endemik atau kejadian biasa penyakit ini.

Untuk mengelakkan wabak kepialu daripada berulang di masa hadapan, pihak Kementerian Kesihatan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) meneruskan pengawasan yang rapi ke atas kejadian penyakit ini di semua daerah di seluruh negara;
- (ii) mengkaji semula dari masa ke semasa langkah-langkah yang pernah diambil dan memperbaikinya lagi jika didapati wajar dan perlu;
- (iii) bekerjasama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain untuk meningkatkan liputan bekalan air bersih dan selamat kepada semua lapisan masyarakat;
- (iv) meneruskan usaha-usaha di dalam bekalan subsidi tandas iaitu tandas curah supaya najis manusia dibuang dengan cara sanitasi;

- (v) meneruskan program kawalan mutu makanan khususnya dari segi pencemaran makanan-makanan sedia ada dimakan dan yang dijual, dan kebersihan pengendali-pengendali makanan tersebut;
- (vi) memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai khususnya komuniti-komuniti yang lebih berkemungkinan dijangkiti penyakit tersebut; dan seterusnya
- (vii) memberi latihan kepada kakitangan hospital dan hospital di dalam aspek pencegahan, rawatan kepialu.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan yang dikeluarkan untuk memerangi wabak baru-baru ini ialah lebih kurang \$3.1 juta. Ini adalah untuk rawatan pesakit di hospital-hospital dan untuk aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan.

Izinkan saya membuat penjelasan di sini bahawa anggaran-anggaran yang saya sebutkan tadi tidak termasuk kos input-input yang sukar untuk diukur ataupun diukur, seperti perkhidmatan perhubungan, perkhidmatan lebih masa, dan khidmat-khidmat serta sumbangan yang diberi oleh beberapa pegawai-pegawai dan kakitangan kesihatan untuk membantu mengawal wabak-wabak tersebut. Sumbangan dan kerjasama yang diterima oleh pihak Kerajaan Negeri, Penguasa Tempatan, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi lain juga sukar diukur.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tentang pencegahan wabak kepialu, walau bagaimanapun tindakan sudah diambil, tetapi saya difahamkan ada setengah-setengah kawasan ataupun daerah di

mana setengah-setengah penjaja tidak menjalankan suntikan untuk pencegahan wabak kepialu dan apakah tindakan yang akan diambil dan sama ada Kementerian Kesihatan sedia maklum berkenaan dengan penjaja-penjaja yang tidak mendapat suntikan sebelum lesen penjaja mereka dibaharui.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pengawalan penjaja di tempat menjaja itu sebenarnya adalah di bawah Kerajaan-kerajaan Tempatan, terutama Jabatan-jabatan Kesihatan tersebut. Walau bagaimanapun, kita telahpun bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Tempatan untuk menentukan supaya pengendali-pengendali makanan, terutama yang dijual kepada orang ramai mesti menerima suntikan tersebut dan jika sekiranya mereka tidak mahu maka mungkin boleh kita membuat sesuatu.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri bagi pihak Kementerian beliau yang begitu peka dan telah mengambil tindakan-tindakan gerak cepat bagi mengawal penyakit demam kepialu.

Soalan saya yang pertama, daripada pendatang luar yang disebutkan oleh Timbalan Menteri 480 lebih itu, adakah pelancong-pelancong atau pendatang-pendatang haram atau mereka yang bertugas di negara kita ini melalui permit kerja. Dan adakah penyakit yang dihadapinya dibawa dari negeri masing-masing atau kejangkitan di negara kita? Soal yang kedua, di antara angka yang telah disebutkan tadi adakah yang telah membawa maut?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membuat pembetulan sedikit tentang

kenyataan yang dibuat oleh Senator Aionon Ariffin, iaitu penyakit taun, bukan kepialu. Penyakit taun yang terlibat pendatang negeri asing di Sabah, sebenarnya mereka ini kebanyakannya adalah pendatang-pendatang haram di mana sanitasi tempat mereka duduk itu agak mengecewakan sedikit. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sabah telahpun mengambil tindakan-tindakan yang patut untuk mengurangkan mereka ini mendapat penyakit tersebut. Daripada bilangan mereka yang terlibat itu ada yang telahpun meninggal dunia, di Kelantan ada 1, dan di Sabah lebih daripada 1, hampir 20.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan selain daripada pencegahan yang dibuat ialah dengan cara memberi pendidikan kepada orang ramai. Adakah pendidikan ini meluas ke peringkat Pusat Kesihatan Kecil dan juga Klinik-klinik Desa, kerana saya rasa ini lebih hampir daripada orang ramai mendapat kesihatan ini dan ini berkesan daripada lain-lain cara pendidikan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, cara kita memberi pendidikan kepada orang ramai ialah dengan cara pergi ke akar umbinya, sebab itulah kita telah menggunakan Klinik-klinik Desa yang terdapat di seluruh negara. Kita juga tidak ketinggalan menggunakan sekolah-sekolah untuk memberi pendidikan tersebut. Alhamdulillah, infrastruktur Kementerian Kesihatan dan juga infrastruktur Kementerian Pendidikan telahpun memberi banyak kerjasama, dan juga peluang untuk kita merebakkan pengetahuan berkenaan dengan punca-punca penyakit yang saya maksudkan.

LESEN BAS KILANG

12. Tuan P. Balaram minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapakah permit-permit Bas Kilang dikeluarkan pada tahun 1988 dan 1989;
- (b) sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa permit-permit yang dikeluarkan oleh Kementerianya itu tidak mencukupi dan tidak seimbang dengan penubuhan dan perkembangan kilang-kilang baru; dan
- (c) untuk kesenangan bas-bas masuk dan keluar ke dalam kampung-kampung pedalaman, adakah Kementerian bercadang untuk mengeluarkan permit-permit itu untuk van-van kecil.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lesen bas kilang yang dikeluarkan pada tahun 1988 ialah 75 dan untuk tahun 1989 ialah 431 menjadikan jumlah keseluruhan lesen bas kilang yang dikeluarkan untuk Semenanjung Malaysia sehingga 31.12.1989 sebanyak 2,332.
- (b) Kementerian saya memang sedar akan kekurangan bas kilang di kawasan-kawasan perindustrian. Sebab utama timbulnya masalah kekurangan bas kilang ialah oleh kerana hanya sejumlah kecil pemegang-pemegang lesen bas kilang telah mendaftarkan kenderaan mereka. Misalnya untuk tahun 1989, daripada jumlah 431 lesen yang dikeluarkan hanya 95 sahaja telah mendaftarkan kenderaan mereka iaitu lebih kurang 22% sahaja. Jika semua pemegang lesen bas

kilang mendaftarkan kenderaan mereka, jumlah lesen bas kilang adalah mencukupi dan seimbang dengan kadar penubuhan kilang-kilang di negara ini.

- (c) lesen bas kilang yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sememangnya meliputi penggunaan van-van kecil kerana kenderaan van-van juga boleh dilesenkan sebagai bas kilang jika muatannya melebihi 8 orang.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, mungkin pengeluaran lesen kepada Bas Mini ataupun bas pada keseluruhannya mencukupi untuk kegunaan orang ramai, mungkin tidak. Saya bertanya ini oleh kerana ada nampak lagi pada tiap-tiap hari saya melalui bus stand, ramai yang menunggu bas.

Yang keduanya, bas itu telahpun diisi melampaui sangat muatannya, kalau hendak mengikut undang-undang saya rasa tentu sekali ada kesalahannya. Namun demikian oleh kerana bas itu sangat perlu kepada mereka yang hendak menumpang balik dengan membawa anak dan sebagainya, jadi terpaksa menggunakan bas. Maksud saya di sini ialah mungkin kalaulah pengeluaran lesen bas itu memang mencukupi dalam pandangan pihak yang berkuasa, mungkin juga tuannya bas itu tidak menggunakan bas itu dengan sepenuhnya. Oleh kerana itulah kekurangan bas dan apabila kekurangan bas, banyak rakyat yang menggunakan bas terpaksa menunggu seperti waktu hujan dan sebagainya. Adakah kemungkinan perkara ini berlaku, dan sekiranya ada, harus kita menekankan kepada tuannya bas itu yang mana lesen telah dikeluarkan dan perjalanan bas itu sepatutnya seimbang dengan penggunaan sehari-hari. Terima kasih.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya permit-permit yang dikeluarkan sepatutnya didaftarkan kenderaannya dengan secepat mungkin, sepertimana yang kita telah sebutkan selalu hanya setakat 22% sahaja permit-permit yang kita luluskan telah didaftarkan kenderaannya. Misalnya, pada tahun 1989 sebanyak 9,409 jenis permit telah dikeluarkan tetapi hanya 2,052 sahaja yang didaftarkan, bermakna lebih kurang 22%, selebihnya tidak didaftarkan.

Kementerian telahpun mengambil tindakan iaitu memendekkan masa kebenaran untuk mendaftarkan keretanya (kenderaan) ini daripada 2 tahun kepada 6 bulan, sebagai langkah untuk menentukan supaya tidak lagi timbul kelengahan ataupun kelambatan untuk mendaftarkan kenderaan.

Sekiranya pemegang-pemegang ataupun mereka yang telah mendapat kelulusan permit ini tidak mendaftarkan kenderaan-kenderaan mereka dalam masa 6 bulan, maka Kementerian akan mengambil tindakan tegas untuk menarik balik permit-permit yang diluluskan melainkan sekiranya mereka dapat memberikan penjelasan-penjelasan yang sesuai dan boleh memberi puas hati kepada Kementerian.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka mengemukakan satu maklumat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam berkenaan dengan bas kilang. Memandangkan Kerajaan kita sedang berusaha untuk menarik lebih ramai pelabur asing untuk menubuhkan kilang di negara kita nampaknya disambut baik. Saya timbulkan masalah ini ialah kerana ia berlaku di Melaka iaitu kekurangan bas-bas kilang. Ada setengah-setengah pihak operator bas kilang telah dengan secara suka hati meningkatkan tambang ataupun menambahkan

tambang-tambang untuk mengangkut pekerja-pekerja dan kilang-kilang telah menghadapi masalah sukar untuk mendapatkan bas-bas kilang untuk mengangkut pekerja-pekerja. Dan baru-baru ini ada beberapa kilang yang menghadapi satu yang serius, yang mana ada beberapa orang operator bas kilang bila meminta menaikkan tambang untuk mengangkut pekerja, pihak kilang itu enggan memberi tambahan, maka pada minggu yang lepas seramai 40 orang lebih yang bekerja yang diangkut oleh pihak operator dan dihantar pekerja itu ke kilang lain pula, maka ia telah menjadikan satu masalah bahawa suatu kilang senang menghilangkan pekerja mereka kerana operator bas kilang itu ingin meningkatkan tambang. Jadi apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Perusahaan Awam sama ada akan menarik balik kepada pemohon-pemohon yang telah berjaya mendapatkan lesen yang tidak didaftarkan beroperasi lesen yang telah dikeluarkan oleh Kementerian? Adakah Kementerian akan melonggarkan syarat-syarat untuk membenarkan pihak-pihak kilang merekomen, mencadangkan pihak-pihak ataupun operator-operator yang benar-benar hendak menjalankan perniagaan perusahaan bas kilang untuk membantu Kerajaan mengatasi di setengah-setengah kawasan yang kekurangan pekerja-pekerja kilang.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, dari segi jumlah permit bas kilang yang telah diluluskan, pada pendapat Kementerian dan pendapat Lembaga adalah lebih daripada mencukupi, kerana setakat ini pun, setakat 22% sahaja yang telah didaftarkan. Bayangkanlah kalau 100% didaftarkan, bermakna 4 kali ganda.

Di Melaka misalnya, ada 148 bas kilang yang telah didaftarkan dan mungkin banyak lagi yang belum didaftarkan. Kalau diambil peratusan—22%.

Dari segi pemberian permit bas kilang ini, Kementerian memang memberikan seluas-luas peluang kepada mereka yang berkemampuan dan berminat untuk melibatkan diri dalam bas kilang, kerana di dalam keadaan ekonomi kita yang bergerak dengan begitu pesat sekali, memang menjadi matlamat kita untuk membantu supaya keadaan suasana pelaburan di negara kita berada dalam keadaan yang sungguh sesuai dan syarat-syarat telahpun kita jelaskan, dan ianya tidak menjadi masalah kepada mereka yang berminat. Masalahnya ialah mereka yang telahpun diberikan peluang untuk mendapat permit-permit ini telah tidak bertanggungjawab untuk mendaftarkannya. Itulah masalahnya.

INDUSTRI PELANCONGAN DI NEGARA ASEAN

13. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) apakah itu “segi tiga emas” di antara negara-negara Singapura, Indonesia dan negara itu yang diumumkan oleh beliau baru-baru ini; dan
- (b) adakah zon pembangunan “segi tiga emas” itu hanya tertumpu kepada meningkatkan industri pelancongan di ketiga-tiga negara itu sahaja. Bagaimana pula dengan kerjasama di bidang lain. Sila nyatakan bidang tersebut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, “segi tiga emas” (golden triangle), dengan izin, ataupun dengan lebih tepat lagi Pertubuhan Tiga Segi (Gross Triangle) adalah satu konsep kerjasama yang dicadangkan oleh Singapura bagi pembentukan dan pembangunan sebuah zon perindustrian yang melibatkan Pulau Batang, Indonesia; Johor, Malaysia dan Singapura sendiri.

Tujuannya adalah untuk menubuhkan satu kawasan pelaburan bersama bagi pelabur-pelabur asing dan bagi mengelakkan persaingan diantara ketiga-tiga negara tersebut dalam bidang pelaburan demi untuk kepentingan bersama. Cadangan ini juga menjangkakan satu kawasan yang "competitive" bagi pelaburan di bidang "high tech" berasaskan kemudahan-kemudahan yang terdapat di ketiga-tiga buah negara yang berkenaan seperti tanah, gas, air dan buruh di Malaysia dan Indonesia serta kepakaran pengurusan Singapura.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah jelas bahawa bidang kerjasama yang dicadangkan itu adalah luas dan tidak sahaja tertumpu kepada industri pelancongan, namun demikian, pada masa ini cadangan Singapura itu masih lagi di peringkat awal dan di dalam kajian serta pertimbangan oleh semua pihak.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memahami benar maksud "segi tiga emas" dalam hubungan perdagangan, perkembangan pembangunan dan lain-lain, tetapi mengapa namanya "segi tiga emas" juga, sedangkan "the golden triangle" terkenal di Laos dan Burma sebagai tempat pengeluaran dadah yang terbesar di dunia dan saya bimbang nanti perkataan ini disalah mengertikan oleh negara-negara lain atau oleh pelabur-pelabur asing yang hendak dihubungkan nanti, kerana apabila mendengar perkataan "the golden triangle". Tidakkah boleh dinamakan dengan nama-nama lain yang lebih sesuai?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Atas pandangan Yang Berhormat yang begitu tepat sekali, saya pun telah nyatakan awal-awal tadi bahawasanya nama yang mungkin lebih tepat ialah "gross triangle" ataupun "Pertubuhan Tiga Segi". Ini kita rasa dapat mengelakkan kekeliruan antara

"triangle dadah" dengan "gross triangle" iaitu antara Singapura, Malaysia dan Indonesia.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu sekarang ini masih dalam kajian dan mengikut hemat Kementerian, apakah keuntungan ini akan dapat diperolehi oleh Malaysia daripada "Tiga Segi" ini—Malaysia, Singapura dan juga Indonesia. Sebagai contohnya, Johor adalah merupakan negeri yang paling hampir dengan tiga segi ini, apa yang kita dapat maklumat baru-baru ini di Johor hotelnya tidak cukup bilik untuk pelawat-pelawat ataupun peniaga-peniaga untuk menginap di Johor Bahru. Jadi, kalau ini tidak dikaji dengan lebih mendalam, saya fikir mungkin Malaysia tidak akan mendapat apa-apa faedah. Kemungkinan pelabur-pelabur akan ke Singapura dan sebagai pertanyaan saya, apakah perancangan yang rapi dari Kerajaan bagi mengatasi supaya Malaysia juga akan dapat menikmati keuntungan bersama dalam "tiga segi" ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Pihak Kerajaan kita masih lagi sedang mengkaji tentang cadangan untuk menubuhkan Pertubuhan Gross Triangle ini dan kalau pun kita bersetuju, kita juga akan memastikan bahawasanya ia tentu akan menguntungkan Malaysia. Saya kira bahawasanya kita akan dapat untung sekiranya kita wujudkan satu kawasan pertubuhan yang tertentu untuk kita mempelawa berbagai-bagai kemudahan, untuk kita bersaing dengan lain-lain kawasan untuk menarik pelaburan.

Bagi negeri Johor pula kita tidak akan tinggalkan untuk pembangunan negeri Johor itu, umpamanya dari segi pembangunan, menaikkan pelaburan dan sebagainya. Ini satu lagi tambahan untuk kita mempertingkatkan lagi

bidang pelaburan dan industri dirantau ASEAN, khususnya di Singapura, Indonesia dan Malaysia. Pendeknya, kita tidak rugi dan kita percaya kalau kita setuju tubuhkan golden triangle ini, kita akan dapat faedah daripadanya.

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

14. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di luar negeri dan nyatakan juga:

- (a) agihan bilangan mengikut bidang-bidang kursus yang diambil; dan
- (b) bagaimanakah pengiktirafan dan jaminan terhadap ijazah-ijazah yang mereka miliki.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negeri dianggarkan seramai lebih kurang 52,000 orang. Saya sebutkan anggaran kerana sebahagian dari pelajar-pelajar kita tidak mendaftar atau tidak memaklumkan kepada Kerajaan dan Jabatan-jabatan berkenaan tentang status mereka sebagai pelajar di Universiti atau di Institusi Pengajian tersebut. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 26% atau 13,500 orang adalah pelajar-pelajar yang dihantar oleh Kerajaan atas tajaan pelbagai agensi dan jabatan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA, Kementerian Pendidikan, Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melanjutkan pelajaran mereka di semua peringkat dan disiplin pengajian.

Umumnya, pelajar-pelajar yang dikirim ke universiti tersebut memang dipastikan telah mendapat pengiktirafan terlebih dahulu oleh Kerajaan.

Oleh yang demikian, jaminan terhadap ijazah mereka diiktiraf kelak, tidak timbul.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kalau soalan saya terkeluar, tetapi ada kenamengena dengan pertanyaan ini. Adakah Kerajaan bercadang hendak menambah scholarship untuk penuntut-penuntut kita di luar negeri?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ada dua langkah yang diambil, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan beban Kerajaan, kerana jumlah pembiayaannya tinggi sekali. Yang pertama, ialah untuk menganjurkan program "Pengajian Bersama" (Twinning Programme) di antara universiti-universiti yang berkenaan di luar negeri di Amerika Syarikat dan United Kingdom, khususnya, dengan Kolej Persediaan yang dibuat di sini, sepertimana "KPP" di ITM.

Mengenai jumlah biasiswa yang diberikan kepada pelajar-pelajar, sekarang diteliti oleh agensi yang terlibat, termasuk Kementerian Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan. Kita tidak berasa terlalu cenderung untuk cepat menaikkan sehingga kita benar-benar yakin bahawa kawasan-kawasan yang terlibat itu memang agak membebaskan pelajar-pelajar sekiranya tidak ditingkatkan jumlah pembiayaan.

Yang kedua, ialah kerana jumlah pelajar yang dikirim setiap tahun bertambah dan kita harus juga mengambil kira jumlah pelajar di universiti tempatan yang juga bertambah, dan yang harus diberikan perhatian yang wajar.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang akhir, Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

PELABUHAN BEBAS CUKAI LABUAN

15. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa Pelabuhan Bebas Cukai Labuan, Wilayah Persekutuan telah diisytiharkan, sejauh manakah kerja-kerja persediaan oleh Kerajaan dalam hal ini dan bilakah ia akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas. Sekiranya apa yang dimaksudkan dengan Pelabuhan Bebas Cukai ialah status Pelabuhan Bebas, Labuan memang telah lama diisytiharkan sebagai Pelabuhan Bebas Cukai sejak zaman pemerintahan British lagi dan apabila Labuan menjadi sebahagian daripada Malaysia, status Pelabuhan Bebas ini terus dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun sekiranya Pelabuhan Bebas Cukai yang dimaksudkan ialah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, dengan izin, International Offshore Financial Centre yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan November 1989, persediaan-persediaan dari segi perundangan-perundangan berkaitan dengannya telah pun dibentangkan dalam Dewan Rakyat baru-baru ini dan juga akan dibentangkan dalam Dewan ini bagi sesi sekarang untuk diluluskan. Mengenai pelaksanaannya pula ia akan diumumkan kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa untuk Jawab Soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 58 adalah diberi di bawah ini)

SAHAM KEPADA PEKERJA LADANG

16. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan lanjut yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk menentukan para pekerja di estet diberikan saham oleh majikan seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban): Dengan menyedari hakikat bahawa pekerja-pekerja ladang telah memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan sektor perladangan negara ini, maka Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menggesa supaya majikan-majikan ladang menawarkan saham-saham syarikat ladang kepada pekerja-pekerjanya. Ini adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada khidmat pekerja ladang serta untuk meningkat komitmen mereka kepada kerja. Walau bagaimanapun, majikan-majikan ladang diseru menyahut seruan ini secara positif untuk menarik minat pekerja-pekerja bekerja di ladang. Kerajaan tidak akan memaksa pihak majikan berbuat demikian.

PERUNTUKAN TAHUNAN KEMENTERIAN

17. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah sumber kewangan untuk Kementerian selain peruntukan tahunan dan adakah pendapatan dari sumber luar dan peruntukan itu cukup.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak ada sumber kewangan yang tetap selain daripada peruntukan tahunan yang diluluskan di bawah Anggaran Mengurus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebajikan Masyarakat pernah menerima sumber-sumber luar seperti daripada pihak swasta dan badan kebajikan antarabangsa dari masa ke semasa untuk membiayai projek-projek yang khas. Walau bagaimanapun, sumber ini tidaklah tetap dan Kementerian Kebajikan Masyarakat tidaklah bergantung kepada sumber ini untuk membiayai perkhidmatan kebajikan di bawah tanggungjawabnya.

Peruntukan tahunan yang diterima oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah mencukupi untuk membiayai perkhidmatan kebajikan yang dikendalikan kini oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat.

PENYAKIT AIDS

18. Tuan Lau Keng Seong minta Menteri Kesihatan menyatakan hingga sekarang berapa orang telah dijangkiti AIDS, dan berapa orang telah mati kerana AIDS.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 24.5.1990, sejumlah 14 kes AIDS telah dikesan dan 10 daripadanya telah meninggal dunia. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan telah meningkatkan pengawasan ke atas kumpulan berisiko tinggi khususnya penagih dadah yang mengguna jarum suntikan. Hasil daripada pengawasan ini, Kementerian Kesihatan sehingga 24.5.1990 telah dapat mengesan 440 pembawa HIV.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

19. Puan Aionon binti Ariffin minta Menteri Penerangan menyatakan apakah tindakan dan usaha gigih yang dijalankan terutama melalui media

massa Kerajaan ke arah Dasar Kebudayaan Kebangsaan, yang berteraskan Kebudayaan Melayu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Memanglah menjadi tanggungjawab Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Ini telahpun dilaksanakan secara terus menerus melalui kegiatan-kegiatan yang dibuat melalui Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran baik dari segi penerangan mengenai dasar itu sendiri dan juga penerapan dasar itu dalam segala rancangan dan kegiatan-kegiatan.

Jabatan Penyiaran khususnya Radio dan TV merupakan agensi utama yang melaksanakan dasar ini. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai unsur terpenting bagi pencapaian Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah gigih dilaksanakan oleh Radio & TV di dalam rancangan-rancangannya. Selain daripada itu program-program yang berunsurkan budaya nasional jua dibuat dan dikembangkan dari semasa ke semasa.

Menimbangakan pembentukan suatu budaya nasional merupakan suatu proses yang terus menerus dan panjang maka pelaksanaannya akan terus dilaksanakan dengan gigih sehingga tercapai matlamatnya.

EMPANGAN TIMAH TASOH

20. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Pertanian menyatakan apakah kedudukan rancangan Timah Tasoh di Perlis dan bilakah projek tersebut akan siap.

Tuan Ong Tin Kim: Kontrak asal bagi kerja pembinaan empangan Timah Tasoh adalah terlewat daripada jadual dan telah ditamatkan pada September

1989. Kini kerja pembinaan telah disambung semula iaitu mulai 21 Jun 1990 untuk menyiapkan pembinaan 60% yang tertinggal dari kontrak yang ditamatkan itu. Projek ini dijadualkan siap pada Ogos 1991.

PENGURUSAN DALAM BADAN SUKAN

21. Dr Nordin Selat minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dilakukan untuk membetulkan kelemahan pengurusan dalam badan-badan sukan di negara kita.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Langkah-langkah yang sedang dilakukan untuk membetulkan kelemahan pengurusan dalam badan-badan sukan di negara ini ialah:-

- (a) Menyediakan bantuan Setiausaha Eksekutif sepenuh masa untuk berkhidmat di Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan. Langkah ini dilakukan adalah kerana hampir kesemua Persatuan-persatuan Sukan ditadbir dan diuruskan secara sukarela dan mereka tidak dibayar gaji/elaun bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Persatuan.

Setiausaha-setiausaha Eksekutif ini diberi elaun dan mereka ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran disamping pengawasan dan menilai program-program pembangunan sukan masing-masing.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan menganjurkan dengan kerjasama United States Sports Academy kursus Pengurusan Sukan peringkat persijilan sejak tahun 1986 lagi. Kursus ini yang mengandungi enam (6) module

termasuk Pentadbiran dan Kewangan, Kakitangan, Komputer, Pemasaran, Kemudahan Sukan dan Perhubungan Awam diadakan khusus kepada Setiausaha-setiausaha Eksekutif Persatuan-persatuan Sukan dan pegawai-pegawai sukan di badan-badan sukan yang lain ke arah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka bagi membantu menjalankan pentadbiran dan pengurusan Persatuan Sukan masing-masing.

LESEN PERNIAGAAN PETROLEUM, BAJA KIMIA DAN BERAS

22. Dr Tan Chong Keng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kriteria yang digunakan untuk meluluskan permohonan permit atau lesen untuk perniagaan minyak, bahan-bahan petroleum, baja kimia dan beras. Juga diminta Menteri nyatakan bilangan lesen yang ada sekarang di setiap negeri.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Rafidah Aziz):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan keperluan Seksyen 6(3) Akta Kemajuan Petroleum 1974, Kementerian ini mengeluarkan kebenaran di bawah Akta tersebut bagi jenis perniagaan seperti berikut:-

- (i) Memasar secara borong bahan-bahan Petroleum (seperti diesel, petrol, minyak tanah, LPG, Baja Petrokimia, Asphalt, Bitumen dan sebagainya).
- (ii) Mengusahakan stesen minyak.

- (iii) Membekalkan perkhidmatan pengangkutan seperti lori tangki dan kapal tangki kepada syarikat minyak.
- (iv) Membekalkan perkhidmatan bunkering (bekalan bunker fuel ke kapal-kapal).
- (b) Antara kriteria-kriteria yang digunakan untuk meluluskan permohonan ialah:-
- (i) Mendapat surat sokongan daripada syarikat minyak, syarikat pengeluar atau pembekal baja.
- (ii) Mendapat kelulusan tukar syarat tanah kepada stesen minyak daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.
- (iii) Mendapat kelulusan Majlis Daerah/Penguasa Tempatan dari segi kegunaan tapak dan Plan Bangunan.
- (iv) Mendapat lesen permit "A" daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (dalam kes lesen pengangkutan lori minyak).
- (v) Mendapat lesen perkapalan daripada Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri Malaysia (dalam kes kapal tangki).
- (c) Bagi baja kimia, antara kriteria yang digunakan adalah seperti berikut:-
- (i) Mendapat surat sokongan daripada syarikat pengeluar atau pembekal baja.
- (ii) Kawasan yang dipohon tidak mempunyai Persatuan Peladang Kawasan (PPK) yang aktif mengedar baja yang sama.
- (iii) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) atau Pertubuhan Peladang Negeri tiada halangan.

(iv) Pemohon telah lama menjalankan perniagaan.

- (d) Sehingga 31 Mac 1990 kementerian telah mengeluarkan lesen kebenaran perniagaan bahan keluaran petroleum mengikut negeri seperti berikut:-

| | |
|---------------------|--------------|
| Perlis | 72 |
| Kedah | 418 |
| Pulau Pinang | 441 |
| Perak | 995 |
| Selangor | 1,046 |
| Wilayah Persekutuan | 1,098 |
| Negeri Sembilan | 399 |
| Melaka | 244 |
| Johor | 948 |
| Pahang | 518 |
| Kelantan | 410 |
| Terengganu | 420 |
| Sabah | 682 |
| Sarawak | 557 |
| Jumlah Besar | <u>8,248</u> |

WABAK TAUN DAN DEMAM KEPIALU

23. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah puncanya menyebabkan wabak taun dan demam kepialu berlaku di negara ini baru-baru ini;
- (b) jumlah pesakit dari kedua-dua wabak ini dan yang meninggal dunia; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang dijalankan bagi mengatasi wabak tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua penyakit taun dan kepialu adalah disebabkan oleh

makanan atau minuman yang telah dicemari oleh kuman penyakit-penyakit tersebut.

- (a) Punca utama yang menyebabkan taun dan kepialu merebak ialah kes-kes subklinikal dan pembawa kuman. Oleh kerana mereka tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit tersebut, mereka lebih berkemungkinan untuk mencemari makanan dan minuman, yang boleh dijangkiti kepada orang lain yang memakan atau meminumnya.

Faktor-faktor yang memudahkan merebaknya penyakit-penyakit ini termasuklah pembuangan najis yang tidak sempurna, tidak mengamali kebersihan diri, pengendalian makanan yang tidak bersih dan kekurangan bekalan air yang selamat. Semasa wabak baru-baru ini, faktor-faktor lain seperti musim kemarau, pergerakan orang ramai semasa bercuti dan amalan memakan makanan dari penjaja turut memainkan peranan.

- (b) Jumlah kes taun di seluruh negara sehingga 31 Mei 1990 ialah 1,704 kes dan jumlah kepialu pula ialah 917 kes. Ingin saya jelaskan di sini bahawa daripada jumlah taun yang saya sebutkan tadi, 832 adalah kes-kes di kalangan pendatang negara asing yang dilapor oleh Sabah. Bilangan kes taun yang meninggal dunia ialah 34 kes di Sabah dan satu kes di Kelantan. Ingin dijelaskan di sini bahawa 23 daripada 34 kematian di Sabah adalah di kalangan pendatang dari negara lain. Bilangan kematian yang disebabkan oleh kepialu pula ialah 6 kes.

- (c) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal wabak baru-baru ini ialah seperti berikut:-

- (i) Mengesan kes secara aktif di kalangan masyarakat untuk diagnosis dan rawatan awal kes-kes yang disyaki. Untuk maksud ini beberapa pasukan mencari kes telah diwujudkan di tempat-tempat yang terlibat.
- (ii) Penyiasatan kes yang segera untuk mengenalpasti punca jangkitan dan cara penularan.
- (iii) Pengesanan kontek untuk mengenalpasti serta memeriksa orang-orang lain yang mungkin telah terdedah kepada jangkitan.
- (iv) Disinfeksi premis-premis untuk membunuh kuman dan mencegah orang lain dari mendapat jangkitan.
- (v) Pendidikan kesihatan kepada orang awam serta kumpulan-kumpulan sasaran tertentu mengenai cara-cara pencegahan dan kawalan penyakit tersebut.
- (vi) Bekerjasama dengan agensi-agensi dan Jabatan-jabatan berkaitan termasuk media massa untuk memastikan pengambilan makanan dan minuman yang selamat dan untuk mendidik masyarakat.
- (vii) Kakitangan di peringkat negeri dan daerah yang tidak terjejas dengan wabak telah dihantar untuk membantu mengawal wabak di kawasan-kawasan yang terlibat. Pegawai-pegawai

kanan dari Kementerian Kesihatan juga telah melawat kawasan-kawasan terlibat untuk meninjau keadaan dan untuk memastikan segala usaha dijalankan untuk mengawal wabak tersebut.

SKIM PERNIAGAAN PIRAMID

24. Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) sama ada Kerajaan sedar atau tidak tentang berleluasanya Perniagaan Penerima Simpanan Deposit tidak berlesen di Negeri Perak;
- (b) kalau sedar apakah tindakan dan langkah yang telah dibuat bagi menentukan supaya tidak ramai peminat dan penyimpan yang terlibat dan bagi menentukan bentuk perniagaan ini tidak berterusan;
- (c) sejauh manakah bentuk perniagaan "Skim Perniagaan Piramid" ini telah menarik minat para pelabur kalau dibandingkan dengan Skim Amanah Saham Bumiputra; dan
- (d) sudahkah pihak Kerajaan menyasat dan mengenalpasti jumlah wang pelabur yang terlibat di dalam Skim Perniagaan ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Jawapan ke atas pertanyaan ini telahpun dibuat semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin pada 26 Jun 1990. Dengan demikian, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan tersebut.

OPERASI MESIN FOTO AUTOMATIK

25. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau pernah menerima rayuan dari mana-mana pihak supaya disemak semula dasar sekarang tentang operasi mesin foto automatik di Jabatan-jabatan Pendaftaran Negara dan Imigresen, jika ada, apakah reaksi Kementerian beliau terhadap rayuan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini Kerajaan/Kementerian Dalam Negeri akan mempertimbangkan dan mengkajinya jika ada sebarang rayuan pada masa akan datang.

PIALA THOMAS—LATIHAN SKUAD BADMINTON

26. Tuan V. K. Sellappan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada peruntukan untuk latihan skuad badminton ke Piala Thomas akan dinaikkan pada masa-masa akan datang khususnya dari tahun 1990-1992 memandangkan bahawa prestasi skuad badminton adalah pada tahap yang tinggi khususnya di Tokyo baru-baru ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Memang Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan untuk latihan skuad Badminton ke Piala Thomas di masa-masa akan datang khususnya dari tahun 1990-1992 memandangkan kejohanan Piala Thomas adalah pertandingan yang berprestij kepada negara.
- (b) Setakat ini, Kementerian Belia dan Sukan telah menyumbangkan sebanyak \$200,000 untuk skuad Piala Thomas dan

jumlah ini tidak termasuk program Pelapis, Projek TEO dan program Bakat yang giat dijalankan oleh pihak Persatuan Badminton Malaysia.

- (c) Kerajaan menggalakkan serta menaruh harapan agar syarikat-syarikat swasta akan menabur budi untuk tampil ke hadapan bagi membiayai perbelanjaan latihan skuad Piala Thomas sejajar dengan konsep persyarikatan Malaysia. Adalah penting sukan badminton ini diberi perhatian dan penekanan yang serius oleh semua pihak kerana badminton telah mengharumkan nama negara dan meletakkan negara di tempat yang tinggi di peringkat dunia dan ianya haruslah dikekalkan.

ROMPAKAN BERSENJATA

27. Tuan P. Balaram minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah perompakan bersenjata berlaku dalam negara kita dalam tahun 1988 dan 1989;
- (b) berapa orangkah terbunuh dalam rompakan-rompakan bersenjata itu;
- (c) berapakah jumlah nilai harta yang dirompak; dan
- (d) apakah langkah-langkah keselamatan dirancang oleh Kerajaan untuk menghapuskan atau menyekat perompakan-perompakan bersenjata itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:-

- (a) Dalam tahun 1988, sebanyak 855 kes samun telah dilakukan di seluruh negara. Dari jumlah tersebut 85 kes telah dilaporkan telah dilakukan oleh

perompakan secara berkumpulan (gang). Sementara dalam tahun 1989 pula, sebanyak 704 kes samun telah dilaporkan dan dari jumlah tersebut sebanyak 64 kes telah berlaku secara berkumpulan.

- (b) Pada tahun 1988 sebanyak 68 nyawa telah terkorban dan sementara bagi tahun 1989 pula seramai 54 orang telah terkorban. Dari jumlah yang dinyatakan di atas tadi, termasuklah juga sebilangan anggota-anggota polis yang turut sama terkorban.
- (c) Dalam kejadian rompakan-rompakan bersenjata yang dilakukan, bukan sahaja banyak nyawa yang terkorban malahan juga melibatkan kerugian jumlah nilai harta yang besar. Perangkaan menunjukkan pada tahun 1988 telah mencatat jumlah kerugian sebanyak \$14,390,331.00 sementara bagi tahun 1989 pula, jumlah kerugian ialah \$12,129,827.00.
- (d) Dalam usaha membanteras dan mencegah jenayah seterusnya, pihak polis telah merancang pendekatan baru secara bersepadu dan berterusan dengan melibatkan semua peringkat dalam Pasukan Polis dan juga masyarakat. Penggunaan "intelligence" yang tepat dan berkesan terhadap "targets" yang tertentu telah menghasilkan beberapa kejayaan. Selain dari itu, tugas-tugas asas polis seperti bit, rondaan, lawatan sektor, pemeriksaan/pengawasan/pemerhatian, sekatan jalanraya dan lain-lain telah dipergiatkan dan dilipatgandakan terutama di kawasan-kawasan yang mudah terdedah kepada sasaran penjenayah. Orang ramai juga diseru dan digalakkan tampil ke hadapan

bagi membantu polis dalam penyiasatan dan pencegahan. Ceramah, dialog, pameran pencegahan jenayah telah pun dilaksanakan untuk menyedarkan orang ramai memperketatkan keselamatan diri dan harta-benda dari sasaran penjenayah.

JEMAAH HAJI MENGUNAKAN VISA UMRAH

28. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) kenapakah terdapat ramai lagi jemaah-jemaah haji masih lagi pergi ke Makkah melalui kumpulan visa umrah dan tidak melalui Tabung Haji;
- (b) setakat ini berapakah bilangan mereka sebenarnya yang pergi melalui visa umrah sama ada pergi melalui Subang atau melalui Thailand, ataupun rakyat Malaysia yang pergi haji ikut negara-negara lain; dan
- (c) apakah langkah Kerajaan bagi menyekat penangkapan dan penghantaran balik oleh Kerajaan Arab Saudi melalui kapal terbang mereka supaya Kerajaan mencari jalan membiarkan mereka ini membuat haji dahulu untuk tahun ini dan tindakan seterusnya untuk tahun hadapan eloklah dikaji mulai kini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) Ramai lagi jemaah haji yang masih pergi ke Makkah melalui visa umrah adalah disebabkan adanya pihak-pihak penganjur yang tidak bertanggungjawab yang mengelirukan mereka

dengan mengatakan bahawa pemergian ke Makkah dengan menggunakan visa umrah dan tidak melalui Tabung Haji lebih menguntungkan dari segi:-

- (i) tambangnya adalah lebih murah di luar musim haji;
 - (ii) kononnya mereka boleh tinggal lebih lama di Arab Saudi; dan
 - (iii) kononnya mereka boleh berpuasa di sana dalam bulan Ramadhan dan seterusnya menunaikan fardu haji.
- (b) Pada masa ini, tidak ada peraturan yang tertentu untuk mengesan bilangan rakyat Malaysia yang pergi ke Tanah Suci dengan menggunakan visa umrah bagi menunaikan fardu haji sama ada melalui lapangan Terbang Subang ataupun melalui negara Thailand atau negara-negara lain.
- (c) Penangkapan dan penghantaran balik rakyat Malaysia yang cuba menunaikan fardu haji dengan menggunakan visa umrah yang telah luput tarikhnya adalah urusan dalaman Kerajaan Arab Saudi. Malaysia tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam perkara itu dan undang-undang Kerajaan Arab Saudi perlu dihormati.

Mereka yang memegang visa umrah dinasihatkan untuk mengikut peraturan Imigresen Kerajaan Arab Saudi seperti mana juga Islam menuntut umatnya patuh kepada peraturan dan bertatertib.

Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku lagi, usaha untuk memberi penerangan yang meluas melalui media massa akan dipertingkatkan lagi. Di samping itu, pihak MAS dan

juga agensi-agensi pelancongan yang mengendalikan umrah akan juga diarah supaya tidak mengeluarkan tiket-tiket terbuka kepada pelanggan-pelanggan mereka yang pergi mengerjakan umrah. Dengan adanya tiket-tiket balik yang telah ditetapkan tarikh kepulangan mereka ke Malaysia setelah mereka selesai mengerjakan umrah, mereka akan terhindar daripada terus tinggal di Arab Saudi sehingga musim haji.

PERSIDANGAN G-15— KEJAYAAN

29. Tuan G. Rajoo minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) kejayaan yang dicapai oleh Malaysia dalam menganjurkan Persidangan sulung G-15 (Group of 15) baru-baru ini di Kuala Lumpur; dan
- (b) secara ringkas keputusan yang diambil dan objektifnya ke atas negara G-15 untuk kemajuan negara Selatan-Selatan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Bagi menjawab bahagian (a) soalan ini, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penubuhan G-15 merupakan satu langkah ke arah meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan secara lebih berkesan dan bermakna. Dalam hal ini, Malaysia telah diberi mandat oleh negara-negara anggota G-15 yang lain untuk menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak sulung atau perintis Kumpulan ini. Ini dengan sendirinya telah menunjukkan kepercayaan yang telah diberikan oleh masyarakat antarabangsa atas kemampuan kita untuk mengelolakan satu persidangan yang begitu penting dan bersejarah. Ini juga merupakan satu pengiktirafan terhadap komitmen serius kita dalam memupuk kerjasama Selatan-Selatan.

Di samping itu sebagai tuan rumah, selain dari dapat menampilkan diri ke hadapan, kita dapat juga menyuarakan pendirian dan pendapat kita dengan cara yang lebih berkesan. Sebagai contoh, Sidang Kemuncak G-15 di Kuala Lumpur telah menerima dua cadangan projek Malaysia untuk dilaksanakan dengan serta-merta. Projek-projek ini telah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri secara terperinci kepada Dewan yang mulia ini pada 25hb Jun yang lalu semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

Bahagian (b) soalan ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri seperti yang saya nyatakan di atas. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

FILEM LUCAH DAN GANAS DI TV

30. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Penerangan menyatakan apakah cadangan pihak Kementerian bagi mengatasi penayangan filem-filem lucah dan ganas yang disiarkan oleh RTM menerusi TV. Adakah Kementerian sedar bahawa penayangan filem tersebut boleh meningkatkan kes-kes jenayah dan perogolan dalam masyarakat dan ia juga bertentangan dengan falsafah pendidikan negara melahirkan insan yang soleh.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Kementerian Penerangan tidak sedar akan adanya filem-filem atau rancangan-rancangan yang dianggap lucah dan ganas oleh RTM mahupun oleh TV3. Ini ialah kerana semua filem dan rancangan TV yang digunakan oleh RTM dan TV3 mesti ditapis dan diluluskan terlebih dahulu oleh Lembaga Penapisan Filem sesuai dengan peraturan serta panduan-panduan yang ditetapkan oleh Lembaga

Penapisan Filem. Di samping itu sebelum filem-filem atau rancangan-rancangan TV yang telah diluluskan oleh Lembaga Penapisan filem ditayangkan melalui TV, ianya mestilah ditapis sekali lagi oleh Kementerian Penerangan agar sesuai dengan Etika Penyiaran dan panduan-panduan yang terkandung di dalamnya. Dengan hal yang demikian masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul melainkan tanggapan yang mungkin berbeza di antara apa yang dikatakan itu kelucahan atau "obscene" dan keganasan atau "violence".

Saya ingin menegaskan bahawa kelucahan yang bermaksud "obscene" dan keganasan yang bermaksud "violence" dalam filem-filem dan rancangan-rancangan TV akan sentiasa dielakkan sesuai dengan matlamat Kerajaan bagi mewujudkan nilai-nilai yang baik lagi mulia untuk Malaysia dan rakyatnya. Kalaupun ada babak-babak yang boleh dianggap ganas terutama dalam rancangan-rancangan yang memaparkan jenayah ia semata-mata bertujuan untuk mengingatkan orang ramai bahawa "crime does not pay".

KEMUDAHAN GSP— MENANGKIS PERMINTAAN AFL-CIO

31. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangkis permintaan AFL-CIO kepada Kerajaan Amerika Syarikat supaya menarik balik keistimewaan Perdagangan yang diberikan kepada Malaysia (GSP); dan
- (b) kenapakah perkara ini ditimbulkan lagi oleh pihak berkenaan.

Dato' K. Pathmanaban: Pertanyaan ini seperti juga pertanyaan daripada Yang Berhormat Dr Ng Khek Kiung telahpun dijawab dengan sepenuhnya di Dewan ini pada 26 Jun 1990. Saya tidak ada apa-apa perkara untuk ditambah kepada jawapan itu.

TOL DI JALAN CHERAS— KUTIPAN

32. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan kutipan tol di Jalan Cheras atau bercadang hanya akan mengenakan kadar bayaran yang paling minima sahaja demi manfaat rakyat jelata.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan jejambat di Jalan Cheras adalah sangat penting di dalam usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Memandangkan projek ini perlu dilaksanakan dengan segera, maka Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk menswastakan projek ini.

Mengenai tol pula, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan kutipan tol kerana ianya akan menjejaskan pelaksanaan projek ini. Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengurangkan kadar bayaran tol oleh kerana kadar tersebut adalah berpatutan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya kajian yang telah dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menunjukkan projek ini apabila siap nanti akan membawa faedah kepada pengguna dari segi penjimatan masa perjalanan dan juga kos pengendalian kenderaan setelah diambilkira pembayaran tol tersebut.

**BEKALAN ELEKTRIK, AIR
DAN TELEFON DI LUAR
BANDAR**

33. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilangan kampung di luar bandar yang telah diperuntukkan diberi kelulusan projek bekalan tenaga elektrik, air dan telefon bagi tahun 1989; dan
- (b) bilakah agaknya kerja pelaksanaan dijangka siap.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Bilangan kampung di luar bandar yang telah diperuntukkan dengan bekalan tenaga elektrik, air dan telefon bagi tahun 1989 adalah seperti berikut:

| Bekalan | Jumlah Kampung | Peruntukan |
|-----------------|-------------------|---------------|
| Tenaga elektrik | 872 | \$204.22 juta |
| Air | 1174 | \$ 90.00 juta |
| Telefon | 684 | \$ 6.84 juta |

- (b) Dari segi pelaksanaannya semua projek bekalan elektrik akan disiapkan keseluruhannya pada tahun 1991. Bagi projek bekalan air pula setakat ini sebanyak 886 telah disiapkan dan bakinya pada 1990. Mengenai bekalan telefon sebanyak 227 kampung telah disiapkan dan bakinya pada tahun 1990.

**PENANAMAN PADI DI NEGERI
CHINA**

34. Tuan Ibrahim bin Jendol meminta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) kajian kemungkinan (feasibility studies) yang positif terhadap rancangan Kementerian hendak menyewa dan mengusahakan tanaman padi seluas 30,000 hektar di Negara China;

- (b) sejauh mana rancangan-rancangan tersebut boleh mengurangkan penggantungan import beras dari negara luar.

Tuan Ong Tin Kim:

- (a) Sebenarnya idea penanam padi di Negara China telah timbul semasa perbincangan Menteri Pertanian dengan pegawai-pegawai dalam rangka lawatan ke Negara China bagi menghadiri Persidangan Wilayah Pertubuhan Makanan Sedunia. Keluasan tanah yang dibincang untuk dipajak ialah dalam sekitar 30,000 hektar untuk jangkamasa 70 tahun oleh kerana cadangan menanam padi di negara China hanyalah merupakan satu idea maka tindakan sekarang ialah mengadakan satu kajian kemungkinan terhadap rancangan tersebut yang memerlukan pertimbangan yang lebih mendalam. Beberapa pertimbangan perlu diberi perhatian seperti kos yang terlibat, faedah ekonomi kepada negara, jaminan bekalan beras yang berterusan, modus operandi dan lain-lain.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, idea cadangan projek ini masih lagi di peringkat awal, di mana perbincangan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada perundingan formal dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China. Selain daripada pertimbangan ekonomi pihak Kerajaan juga perlu menimbangkan implikasi-implikasi politik dan sosial serta aspek-aspek teknikal, kesesuaian tanah, tenaga kerja, kepakaran dan juga kewangan.

- (b) Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tahap saradiri pengeluaran beras negara ialah di antara 75-80%. Kadar

saradiri adalah sangat bergantung kepada perkembangan penggunaan per kapita dan perubahan citarasa dan juga kemajuan produktiviti (daya pengeluaran sehektar). Jika diandaikan tahap kadar saradiri ini dan juga tahap mengimport beras negara ada tahun 1989 sebanyak 375,000 tan metrik tidak berubah (ramain constant), maka kita boleh menganggarkan rancangan ini boleh mengurangkan penggantungan import beras sebanyak 46%. Ini berdasarkan kiraan daripada keluasan 30,000 ha. yang ditanam dua kali setahun dengan mempunyai purata pengeluaran padi yang setanding di MADA sebanyak 4.5 tan metrik sehektar akan mengeluarkan sebanyak 175,000 tan metrik beras setahun (270,000 x 0.65%).

TELEFON KAD— PERKHIDMATAN

35. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah perkhidmatan telefon kad dapat dinikmati oleh rakyat seluruh Malaysia. Setakat ini telefon kad hanya terdapat di sekitar kawasan Kuala Lumpur.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang perkhidmatan telefon kad dikendalikan oleh dua buah syarikat iaitu, Uniphone Sdn. Bhd. (USB) dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM).

Setakat ini sebanyak 600 buah telefon awam sistem perkhidmatan kadfon di bawah kendalian USB telah dipasang di Kuala Lumpur, Shah Alam, Kota Kinabalu, Kuching dan Johor Bahru. Pemasangan telefon awam

sistem perkhidmatan kadfon untuk seluruh negara akan tercapai di akhir bulan Ogos 1990.

STM merancang untuk memasang telefon awam jenis kad di semua kedai telekom di seluruh negara, di tempat-tempat pelancongan serta di sekitar pekan-pekan kecil yang terletak di dalam kawasan kendaliannya.

Sebagai permulaan STM telah memesan sebanyak 125 buah telefon awam jenis ini untuk dibahagi-bahagikan seperti berikut:

| | |
|-----------------|-----------|
| Kawasan Utara | - 40 unit |
| Kawasan Tengah | - 15 unit |
| Kawasan Selatan | - 20 unit |
| Kawasan Timur | - 20 unit |
| Kawasan Sabah | - 20 unit |
| Kawasan Sarawak | - 10 unit |

Kesemua telefon-telefon ini akan dipasang secara berperingkat-peringkat mulai Julai 1990.

Untuk maklumat Yang Berhormat, STM telah memasang sebanyak 20 buah telefon jenis kad di Pulau Langkawi untuk kegunaan pelancong dan penduduk setempat.

IKLAN ROKOK DI TV

36. Tuan V. K. Sellappan minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) mengapa jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk pengawalan iklan-iklan rokok di media massa tidak mengambil tindakan atau menetapkan peraturan yang ketat kepada syarikat-syarikat pengusaha tembakau dari segi pengiklanan khususnya di TV; dan
- (b) adakah dicadangkan supaya amaran "Merokok Membahayakan Kesihatan" sebagaimana yang tercatat dalam kotak-kotak rokok yang ditulis pada botol-botol minuman keras.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya mohon memaklumkan bahawa pengiklanan rokok di televisyen telahpun diharamkan oleh Kerajaan lebih 10 tahun yang lalu. Namun begitu demi kepentingan industri tembakau dan sumbangan industri rokok dalam mengurangkan kadar pengangguran, Kerajaan telah menghalalkan iklan-iklan jenama rokok yang berbentuk barangan dan perkhidmatan di radio dan televisyen.

Kawalan mengenai iklan jenama rokok ini sedang diperbaiki melalui pelaksanaan kod pengiklanan yang baru yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Mengenai cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan menampalkan tanda amaran "Minum Arak Membahayakan Kesihatan" saya mohon memaklumkan bahawa Kerajaan belum ada cadangan berbuat demikian.

PEMBELIAN KAPALTERBANG DENGAN BRITAIN

37. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh minta Menteri Luar Negeri menyatakan tidakkah terjejas hubungan baik dengan Britain (U.K.) apabila Perdana Menteri menarik balik perjanjian pembelian kapalterbangnya dan apakah sebabnya Kerajaan berbuat demikian.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Ingin saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia bahawa hingga masa ini, Kerajaan masih lagi belum membuat keputusan muktamad mengenai soal pembelian kapalterbang dari Kerajaan Britain. Walaupun Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani, Kerajaan mempunyai pilihan untuk membuat penelitian yang terperinci sebelum sebarang ketetapan

diambil tentang jenis-jenis kelengkapan ketenteraan yang perlu dibeli. Oleh itu, soal terjejasnya hubungan dengan Britain tidaklah timbul.

PERARAKAN BERHALA TAHUNAN

38. Tuan G. Rajoo minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar, kebenaran tidak diberi kepada pihak Kuil Hindu Tanjung Rambutan untuk perarakan berhala tahunan (annual chariot procession) masuk ke kawasan kediaman pekerja-pekerja Hospital Bahagia Tanjung Rambutan pada bulan April tahun ini;
- (b) jika sedar, apakah sebabnya kebenaran tidak diberi, dan tindakan yang diambil ke atas pegawai yang terlibat itu; dan
- (c) nyatakan sama ada Kementerian akan memberi kebenaran pada masa-masa hadapan memandangkan perarakan berhala itu telah berlangsung setiap tahun selama 60 tahun kebelakangan ini dan tindakan menghalang masuk perarakan berhala telah menimbulkan sentimen perkauman di situ.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Keputusan untuk tidak membenarkan perarakan berhala tahunan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu masuk ke dalam kawasan Hospital Bahagia Tanjung Rambutan telahpun diambil oleh Pengarah Hospital tersebut setelah beliau berunding dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Perarakan Kuil berkenaan dan dapat persetujuan Ahli-ahli

Jawatankuasa tersebut. Sebab utama kenapa perarakan tersebut tidak dibenarkan ialah kerana Kuil Hindu yang ada di dalam kawasan wad Hospital tersebut telahpun ditutup semenjak tahun 1988 dan perarakan seperti itu mengganggu pesakit di dalam Hospital berkenaan.

- (b) Jika ada bukti yang terang dan sah bahawa tindakan tidak membenarkan perarakan yang berkenaan masuk ke dalam kawasan Hospital Bahagia Tanjung Rambutan itu menimbulkan sentimen perkauman di situ, Kementerian Kesihatan sedia berbincang dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Perarakan Kuil yang berkenaan untuk mencapai satu keputusan yang tidak menimbulkan apa-apa sentimen perkauman.

TEMBAKAU—JUMLAH PENGELUARAN

39. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) semenjak tahun 1986 hingga hari ini, apakah jumlah pengeluaran tembakau yang telah dihasilkan dalam negara daripada jumlah penggunaannya;
- (b) apakah negeri-negeri pengeluar utama tembakau dalam negara bagi tempoh yang sama. Sila nyatakan juga keluasan tanah yang ditanam dengan tembakau di negeri-negeri tersebut; dan
- (c) jumlah tenaga buruh negara yang terlibat dalam industri tembakau setiap tahun bagi tempoh tersebut di atas.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik):

- (a) Semenjak tahun 1986 sehingga akhir tahun 1989 sejumlah kira-kira 49.315 juta kg tembakau tempatan telah dihasilkan. Dari jumlah tersebut sebanyak 45.905 juta kg adalah tembakau jenis awetan pemanas Malaysia (TAPM) dan 3.41 juta kg adalah terdiri dari lain-lain jenis tembakau. Bagi tempoh yang sama juga jumlah tembakau import adalah sebanyak 22.937 juta kg. Penggunaan tembakau tempatan dan tembakau import bagi tempoh berkenaan adalah berjumlah sebanyak 51.970 juta kg. Ini bermakna bagi tempoh tersebut pengeluaran tembakau tempatan merupakan sebanyak kira-kira 71.9% dari jumlah penggunaannya oleh pengilang-pengilang rokok. Jika diambilkira penggunaan tembakau TAPM sahaja dalam pengilangan rokok, peratus penggunaannya adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Penggunaan TAPM (%)</i> |
|--------------|--------------------------------|
| 1986 | 57.4 |
| 1987 | 64.3 |
| 1988 | 70.4 |
| 1989 | 66.3 |

- (b) Negeri-negeri pengeluar utama tembakau ialah Kelantan dan Terengganu dengan menyumbangkan lebih daripada 80% pengeluaran tembakau negara. Dalam tahun 1989 kedua-dua negeri menyumbangkan 11.78 juta kg ataupun 88% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran negara sebanyak 13.38 juta kg. Negeri-negeri lain ialah Kedah, Perlis, Pahang, Melaka, Johor dan Negeri Sembilan. Sehingga ke akhir tahun 1989,

keluasan tanah yang digunakan bagi penanaman pokok-pokok tembakau ialah seluas 12,311 hektar. Pecahan kawasan mengikut negeri adalah seperti berikut:

| <i>Negeri</i> | <i>Keluasan (Hektar)</i> | <i>% Daripada Jumlah Keluasan</i> |
|-----------------|------------------------------|---|
| Kelantan | 7,992 | 64.9 |
| Terengganu | 2,697 | 21.9 |
| Kedah | 585 | 4.8 |
| Perlis | 492 | 4.0 |
| Melaka | 213 | 1.7 |
| Johor | 36 | 0.3 |
| Negeri Sembilan | 35 | 0.3 |
| Jumlah | 12,311 | 100.00 |

- (c) Industri tembakau negara telah dapat mewujudkan pekerjaan di dalam 3 sektor pekerjaan iaitu pengeluaran, pengawetan dan perkilangan akhir (pembuatan rokok). Di dalam sektor pengeluaran, ia telah dapat memberikan pekerjaan kepada keluarga-keluarga petani kecil di luar bandar. Adalah dianggarkan purata seramai 3 orang ahli keluarga petani terlibat dalam proses pengeluaran bagi setiap keluarga petani yang terlibat dalam penanaman tembakau. Dalam sektor pengawetan daun tembakau pula, terdapat pekerjaan di stesyen-stesyen awet manakala sektor perkilangan pula menyediakan pekerjaan di tiga (3) buah syarikat perkilangan rokok utama di Malaysia. Jumlah purata tenaga buruh yang terlibat di dalam industri tembakau negara setahun bagi tempoh 1986-1989 adalah seramai lebih kurang 76,000 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak mengambilkira mereka yang terlibat dalam sektor peredaran

rokok dan lain-lain sektor yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam industri tembakau dan rokok.

SKIM PEMILIKAN PERUMAHAN PEKERJA

40. Tuan P. Balaram minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapa banyakkah skim-skim perumahan (House Ownership Scheme) untuk pekerja-pekerja mereka telahpun dilaksanakan oleh Syarikat-syarikat Guthrie dan Sime Darby; dan
- (b) berapakah Skim Perumahan baru dirancang untuk pembinaan dalam tiga tahun akan datang.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Kumpulan Guthrie Berhad telah melancarkan 4 skim pemilikan perumahan pekerja di mana sejumlah 850 unit rumah kos rendah dan separuh rendah serta 8 buah rumah kedai telah dan sedang dibina. Sementara itu Sime Darby Plantations Berhad juga telah melaksanakan 4 skim pemilikan perumahan pekerja di mana sejumlah 506 unit rumah kembar dan teres kos rendah serta 15 buah rumah kedai telah dan sedang dibina.
- (b) Sehingga kini sebanyak 14 buah ladang dan 2 buah lombong telah berjaya mengadakan rancangan Skim Pemilikan Rumah Pekerja. Beberapa skim perumahan ini sedang dalam berbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan di 18 estet dengan lebih 2,849 unit rumah dicadangkan untuk dibina peringkat demi peringkat.

KEJORA—MATLAMAT PENUBUHAN

41. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah matlamat KEJORA ditubuhkan; dan
- (b) berapakah ramai rakyat yang dapat peluang di KEJORA dalam menyertai bidang:
 - perusahaan pertanian;
 - pelancongan;
 - perniagaan;
 - pengangkutan; dan
 - perindustrian.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Kasitah bin Gaddam):

- (a) Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) telah ditubuhkan pada 1hb Jun 1970 di bawah Akta Parlimen 1975 (Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972) dan Enakmen Negeri (Enakmen Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972). Seksyen 4 kepada Akta 75/1972 telah menetapkan fungsi KEJORA adalah seperti berikut:
 - (i) memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Johor Tenggara;
 - (ii) memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perusahaan dan perdagangan dalam kawasan Johor Tenggara;
 - (iii) mengawal dan menyelaras pelaksanaan kegiatan-kegiatan yang tersebut di atas dalam kawasan Johor Tenggara;

Berdasarkan kepada fungsi ini, objektif utama KEJORA ialah:

- mengurangkan jurang ekonomi di antara yang berada dan yang kurang berada dan di dalam konteks pembangunan negara mengurangkan jurang ekonomi kaum bumiputera dengan lain-lain kaum;
- mewujudkan peluang-peluang pekerjaan;
- meninggikan pertumbuhan ekonomi negara keseluruhannya.

Selaras dengan fungsi dan objektif KEJORA seperti di atas peranan KEJORA adalah seperti berikut:

- membuat perancangan hadapan (forward planning), menentukan polisi-polisi pembangunan, menyelaras dan mengawal kegiatan yang dijalankan oleh berbagai agensi Kerajaan dan juga oleh pihak swasta di dalam kawasan Johor Tenggara;
- melaksanakan secara langsung projek-projek tertentu di mana tiada terdapat agensi yang sedia ada bagi menjalankan sesuatu projek ataupun apabila difikirkan perlu untuk mencapai sesuatu objektif pembangunan kawasan KEJORA.

Berhubung dengan peranan kedua di atas, KEJORA menumpukan aktivitinya dalam bidang pertanian, pembinaan bandar baru, penubuhan kompleks pelancongan dan industri-industri yang berasaskan sumber asli.

(b) (i) *Perusahaan Pertanian*

Perusahaan Pertanian adalah merangkumi tanaman kelapa sawit, getah, tanaman campuran, ternakan dan ternakair yang diusahakan oleh syarikat anak KEJORA, usahasama KEJORA dengan sektor swasta, sektor awam, sektor swasta dan orang persilangan. Bilangan peluang pekerjaan yang telah diwujudkan adalah seperti berikut:

| | |
|--------------------------------|----------|
| Syarikat anak KEJORA/Usahasama | - 1,680 |
| FELDA | - 14,239 |
| Sektor Awam Lain | - 1,514 |
| Sektor Swasta | - 412 |

(ii) *Pelancongan*

Dengan berkembangnya aktiviti pelancongan yang berpusat di DESARU pada masa ini, seramai kira-kira 2,000 orang rakyat menikmati faedah sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada aktiviti ini. Daripada jumlah tersebut kira-kira 820 orang menerima faedah langsung iaitu menerusi peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan penyertaan di projek-projek yang dilaksanakan termasuk 634 orang daripadanya melalui pekerjaan yang diwujudkan di kompleks pelancongan Desaru sama ada pekerja tetap atau sambilan.

Manakala seramai 1,180 orang selebihnya menerima faedah secara tidak langsung khususnya di bidang perniagaan dan pekerjaan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan di DESARU.

(iii) *Perindustrian*

Seramai 3,500 peluang pekerjaan telah diwujudkan di Bandar Tenggara di kilang papan, kilang perabot dan kilang elektronik.

(iv) *Perniagaan*

Peluang-peluang perniagaan di bandar baru KEJORA telah dapat mewujudkan 316 pekerjaan.

(v) *Pengangkutan*

Dalam bidang pengangkutan, 3 buah syarikat pengangkutan bas telah diwujudkan di dalam kawasan KEJORA. Syarikat-syarikat ini mempunyai kakitangan seramai 100 orang.

SISTEM KEJARA—KESAN

42. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- apakah kesan-kesan dari "Demerit System" yang telah dijalankan oleh Kementerian;
- jumlah lesen kereta yang telah digantung dan lesen yang dibatalkan; dan
- tindakan yang diambil untuk menghindarkan pemandu-pemandu daripada membelok ke kiri-kanan dan memotong kenderaan lain semata-mata untuk kepuasan diri hati.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik):

- Sistem KEJARA (Demerit System) dapat ditinjau keberkesanannya melalui pengurangan kadar kemalangan jalan raya di negara kita. Sebelum pelaksanaan Sistem KEJARA mulai April 1984, kadar kemalangan jalan raya meningkat daripada 59,084

dalam tahun 1980 kepada 72,634 dalam tahun 1983. Selepas pelaksanaannya, terutama tahun kedua dan seterusnya, kadar-kadar kemalangan jalan raya telah menurun daripada 73,727 dalam tahun 1984 kepada 65,127 dalam tahun 1988.

Sistem ini memberi kesan positif dalam menyedarkan para pemandu kerana pesalah-pesalah di bawah Sistem KEJARA akan diberi notis amaran setelah mereka mencapai 10 mata kesalahan ke atas. Dengan ini ianya akan memberi peringatan kepada pemandu-pemandu supaya lebih berhati-hati. Apabila mereka mencapai 20 mata kesalahan, mereka akan menerima notis tunjuk sebab mengapa lesen memandu mereka tidak boleh digantung. Pengeluaran notis-notis ini mengingatkan pemandu-pemandu supaya tidak lagi melakukan kesalahan lalulintas. Penggantungan lesen memandu akan menjejaskan tugas, pergerakan harian serta mata pencarian, terutamanya bagi pemandu-pemandu kenderaan perdagangan.

- (b) Sejak Sistem KEJARA diperkenalkan dalam tahun 1984 hingga bulan Mei, 1990 sejumlah 126 lesen memandu telah digantung. Penggantungan lesen memandu dibuat untuk tempoh tidak lebih dari 3 bulan.
- (c) Tindakan yang diambil untuk menghindari pemandu-pemandu membelok atau memotong kenderaan lain sesuka hati ialah melalui:
- (i) Peruntukan undang-undang kaedah 6 di bawah Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan 1959 yang melarang

pemandu dari memandu secara demikian. Pihak polis mengambil tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

- (ii) Menayang filem di televisyen yang menunjukkan betapa bahayanya memandu dengan tidak mengikut peraturan lalulintas.
- (iii) Memberi ceramah dan penerangan berkaitan keselamatan jalan raya dan etika memandu kepada orang ramai khususnya pemandu.
- (iv) Mempertingkatkan mutu latihan memandu yang diberi oleh sekolah-sekolah atau institut memandu kepada pelajar-pelajar memandu dengan pengajaran teori serta praktikal memandu.

TINDAKAN PERUSAHAAN

43. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak, kerapnya berlaku piket-piket. Jika ya, apakah tindakan beliau dalam mengatasi masalah ini kerana ia akan merugikan negara, sekiranya masalah ini berlarutan.

Dato' K. Pathmanaban: Pada amnya suasana perhubungan perusahaan di negara ini adalah aman dan harmoni. Pertikaian-pertikaian perusahaan yang wujud dapat diselesaikan melalui rundingan damai yang dijalankan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan atau melalui timbangtara di Mahkamah Perusahaan. Oleh yang demikian, tindakan perusahaan seperti piket hanya sekali sekala berlaku. Di mana piket berlaku, Jabatan Perhubungan Perusahaan sentiasa

berusaha menyelesaikan sebarang masalah yang timbul bagi tidak menjejaskan suasana perhubungan perusahaan.

PERTAHANAN NEGARA— MENINGKATKAN KEUPAYAAN

44. Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali bin Dato' Mohd. Seth meminta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan sinario politik dunia yang kian berubah terutama ketegangan perang dingin (cold war) kini makin kendur, ditambah dengan penyerahan senjata Parti Komunis Malaysia baru-baru ini, adakah ini memungkinkan pihak Kementerian menukar hala organisasi pertahanan kita. Apakah peranan baru yang mungkin dimainkan dalam sinario politik dunia masa kini.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Walaupun penekanan yang berkurangan terhadap persaingan berasaskan ideologi seperti perkembangan politik di Eropah Timur, kekenduran perang dingin dan tamatnya ancaman Parti Komunis Malaysia tidak bererti keperluan meningkatkan keupayaan pertahanan negara tidak perlu lagi kerana masih terdapat isu-isu yang boleh menyebabkan ketidakstabilan dan ancaman kepada negara.

SISTEM JURI— MEMANSUHKAN

45. Tuan G. Rajoo minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk memansuhkan sistem juri dalam sistem penghakiman negara. Jika ya, bilakah ianya dilaksanakan dan jika tidak kenapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Pada masa ini Kerajaan tidak

mempunyai apa-apa rancangan untuk memansuhkan sistem juri dalam sistem penghakiman negara. Jika perlu, perkara ini akan diberi pertimbangan sewajarnya.

ALAM SEKITAR—KESEDARAN

46. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) daripada kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian, setakat manakah orang ramai mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap masalah dan isu persekitaran alam semulajadi;
- (b) memandangkan bahawa negara telah banyak menerima kritikan mengenai pupusan hutan rimba negara, apakah tindakan negara terhadap kritikan-kritikan tersebut; dan
- (c) sejauh manakah Pengisytiharan Langkawi Mengenai Alam Sekitar, Oktober 21, 1989 itu telah berjaya menepati tujuan/matlamat pengisytiharan tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):

- (a) Mengenai soalan (a) mengikut kajian-kajian yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, isu-isu alam sekitar kini kian mendapat perhatian dan sokongan dari pelbagai lapisan masyarakat. Ini dapat dilihat dari:
 - (i) meningkatnya bilangan aduan-aduan mengenai alam sekitar yang diterima oleh Kementerian ini dari orang ramai melalui surat, telefon atau perantaraan agensi-agensi lain. Masyarakat telah sedar dan ingin

- sama-sama memperbaiki kualiti alam sekitar dengan membuat laporan tentang masalah alam sekitar yang berlaku di sekeliling tempat kediaman mereka;
- (ii) bilangan permintaan bagi ceramah-ceramah peringkat sekolah-sekolah juga bertambah. Setiap tahun lebih kurang 50 buah sekolah menengah di seluruh negara telah menjemput pegawai-pegawai Alam Sekitar bagi memberi ceramah mengenai alam sekitar. Dari sini dapat disimpulkan bahawa kesedaran alam sekitar telah mula dipupuk di peringkat persekolahan lagi;
- (iii) penganjuran seminar dan bengkel mengenai alam sekitar oleh agensi-agensi Kerajaan dan swasta disambut dengan baik oleh pelbagai kumpulan sasaran;
- (iv) pertimbangan alam sekitar oleh agensi-agensi pihak Kerajaan dan pihak swasta semasa perancangan projek telah meningkat dan;
- (v) penglibatan Jabatan ini di dalam aktiviti pameran yang dianjurkan oleh agensi swasta dan Kerajaan lain. Ini adalah salah satu cara meningkatkan kesedaran alam sekitar. Bagi tahun 1989, sebanyak 16 jemputan untuk mengadakan pameran telah diterima oleh Kementerian ini.
- (b) Soalan (b) adalah lebih sesuai dijawab oleh Kementerian Perusahaan Utama. Walau bagaimanapun di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:-
- (i) penyediaan buku, filem dan risalah mengenai sektor perhutanan dan sistem pengurusan hutan di Malaysia untuk diedarkan ke luar negeri;
- (ii) mengatur misi-misi khusus ke luar negeri untuk membetulkan tanggapan mengenai isu pengurusan hutan di negara ini serta mendapatkan persefahaman dan sokongan daripada Kerajaan-kerajaan asing. Di peringkat serantau, satu misi di peringkat Menteri ASEAN telah dipersetujui untuk dihantar ke beberapa negara bermula dengan beberapa negara di Eropah bagi membanteras kempen tersebut;
- (iii) membantu panel pakar daripada ITTO untuk membuat penilaian ke atas sistem pengurusan hutan di Sarawak untuk membanteras tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ke atas pengurusan hutan negeri itu;
- (iv) melalui saluran diplomatik dan perhubungan dua hala untuk memperolehi persefahaman dan kerjasama dari Kerajaan-kerajaan berkaitan.
- (c) Mengenai soalan (c) adalah sukar untuk menilai sejauh manakah Pengisytiharan Langkawi telah berjaya menepati tujuan/matlamatnya. Walau bagaimanapun, Pengisytiharan Langkawi telah mendapat sambutan yang baik di peringkat antarabangsa di mana prinsip-prinsip yang diisytiharkan telah diterima dan digunakan sebagai garis-panduan untuk mengenalpasti strategi-strategi bagi mengatasi masalah-masalah alam sekitar dunia.

MASYARAKAT BERKUALITI

47. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang sedang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan untuk melahirkan Masyarakat Berkualiti sepertimana yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang menjadi dasar dan matlamat Pendidikan Negara untuk melahirkan manusia yang berkualiti. Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian Pendidikan telah menyatakan Falsafah Pendidikan Negara secara bertulis. Gambaran manusia yang ingin dihasilkan dari sistem pendidikan kita tercermin dengan jelas dalam Falsafah tersebut. KBSR dan KBSM pula digubal dan dilaksanakan untuk menjayakan hasrat tersebut.

Di dalam KBSR dan KBSM tumpuan diberikan kepada usaha memupuk potensi pelajar secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Pendekatan yang digunakan ialah pendekatan yang bercorak sepadu dengan menekankan kepada prinsip ketuhanan, nilai-nilai murni, perkembangan daya berfikir, budaya ilmu, semangat bertanggungjawab, setia negara dan semangat perpaduan.

Bagi menjayakan KBSR dan KBSM, sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran dan bahan-bahan lain telah disediakan. Kursus-kursus diberi kepada semua guru. Pendedahan juga diberi kepada pihak luar, termasuk ibu bapa dan masyarakat.

Walau bagaimanapun, kejayaan KBSR dan KBSM bukan hanya bergantung kepada Kementerian Pendidikan, pihak sekolah dan guru-guru sahaja tetapi kejayaan kedua-dua program ini juga bergantung kepada kesedaran, kerjasama dan sokongan orang ramai, khasnya ibu bapa.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI

48. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan ekonomi telah pulih, beberapa projek pembangunan perumahan yang terbengkalai telah dipulihkan semula sehingga hari ini. Ada berapa projek yang sememangnya tidak dapat dan tidak mungkin dipulihkan. Berapa jumlah nilai wang terlibat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Lee Kim Sai): Sehingga 31.12.1989 sebanyak 76 projek perumahan terbengkalai telah dapat dipulihkan. Ini melibatkan sebanyak 12,416 unit rumah berbagai jenis dan seramai 8,460 orang pembeli dengan anggaran nilai projek sebanyak \$733 juta. Dalam tahun 1989 sahaja sebanyak 30 projek telah dapat dipulihkan. Ini melibatkan sebanyak 5,583 unit rumah dan seramai 4,225 orang pembeli dengan anggaran nilai projek sebanyak \$359 juta.

Daripada jumlah 249 projek perumahan swasta yang masih terbengkalai sehingga 31.12.1989 didapati 35 projek yang mungkin tidak dapat dipulihkan. Anggaran nilai projek tersebut ialah sebanyak \$504.3 juta.

KENAIKAN SEWAAN LORI

49. Tuan Dol bin Dollah minta Menteri Pengangkutan menyatakan dengan kenaikan tambang/sewa lori baru-baru ini, yang akan menaikkan kos binaan, apakah tindakan Kementerian terhadap perkara ini.

Dato' Seri Dr Ling Liong Sik: Kerajaan sedar bahawa kenaikan kadar sewaan lori boleh menaikkan harga barangan dan mempunyai kesan yang kurang baik kepada para pengguna, khususnya rakyat yang berpendapatan

rendah. Sebenarnya kenaikan kadar sewaan ini berlaku oleh kerana permintaan perkhidmatan lori yang telah meningkat disebabkan pertumbuhan ekonomi dan tindakan oleh pengusaha-pengusaha lori untuk membawa muatan mengikut had yang dibenarkan dalam lesen-lesen mereka. Tindakan oleh pengusaha-pengusaha lori ini telah mengakibatkan keupayaan pengangkutan lori-lori yang sedia ada di negara ini menjadi berkurangan.

Kerajaan telah mengenalpasti beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan keupayaan ini. Sebagai langkah sementara, Kerajaan telah membenarkan kenderaan barangan membawa lebih muatan sehingga 25% daripada had berat dengan muatan (BDM) yang dilesenkan kepada kenderaan tersebut. Kebenaran tersebut adalah untuk tempoh mulai 20 Jun 1990 sehingga 31 Disember 1990.

Di samping itu Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk mengeluarkan lebih banyak permit jenis "A" kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan sekarang; dan juga permit "C" kepada pengeluar-pengeluar barangan atau pekilang-pekilang untuk mengangkut barang mereka sendiri.

PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

50. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah kanak-kanak yang dianiaya atau terbiar telah dimasukkan ke dalam rumah-rumah kebajikan di seluruh negara dari tahun 1985 hingga 1989;
- (b) jumlah kanak-kanak itu yang telah menjadi anak angkat; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk

mencari ibubapa angkat khususnya suami isteri yang mandul untuk kanak-kanak itu.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Soalan yang sama telah dijawab dalam mesyuarat Dewan pada 26.6.1990 semasa menjawab pertanyaan mulut daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah. Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jawapan tersebut.

PERNAMA—KEMUDAHAN KEPADA BEKAS PERAJURIT

51. Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Pertahanan menyatakan perkembangan mengenai cadangan Kerajaan untuk membenarkan bekas-bekas perajurit menggunakan kemudahan PERNAMA sepertimana Ahli-ahli tentera yang masih berkhidmat. Persatuan Bekas Perajurit Malaysia berasa hampa kemudahan yang kecil ini masih ditahankan lagi.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Kemudahan membeli-belah di kedai-kedai PERNAMA kepada bekas-bekas perajurit masih lagi dalam kajian Kerajaan. Kajian ini akan mengambil masa kerana ianya melibatkan masalah perundangan dan kewangan.

ETIKA KERJA DAN TATATERTIB

52. Puan Ainon binti Ariffin minta Perdana Menteri menyatakan mengenai langkah-langkah yang konkrit bagi mengatasi dan mengawal:

- (a) kejadian melanggar Etika Kerja dan Tatatertib oleh kakitangan Kerajaan yang kian berleluasa itu;

- (b) kejadian Jemaah Haji yang melanggar peraturan Kerajaan Malaysia dan Saudi Arabia untuk menunaikan Haji— termasuklah yang menggunakan visa umrah untuk Haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):

- (a) Kejadian melanggar Etika Kerja dan Tatatertib oleh kakitangan Kerajaan tidaklah boleh dikatakan berleluasa seperti mana yang didakwa kerana purata jumlah kakitangan Kerajaan yang dikenakan tindakan tatatertib setiap tahun adalah kurang daripada 0.3% daripada jumlah kakitangan Kerajaan keseluruhannya. Ini adalah satu angka yang kecil.

Walau bagaimanapun langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal keadaan ini ialah melalui kursus-kursus dan ceramah-ceramah kepada kakitangan Kerajaan. Penerangan mengenai peraturan-peraturan yang ada dan mesti dipatuhi diberikan kepada kakitangan Kerajaan di kursus-kursus dan ceramah-ceramah ini.

- (b) Jemaah haji yang melanggar peraturan Kerajaan Malaysia dan Arab Saudi itu terbahagi kepada 2 kategori:
- (i) mereka yang menggunakan visa umrah untuk haji;
 - (ii) mereka yang tidak mematuhi peraturan Tabung Haji.

Langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah kategori pertama adalah seperti yang telah diberi dalam jawapan kepada soalan (c) daripada Yang Berhormat Senator Dr Nawawi Mat Awin pada 26.6.1990. Bagi mereka dalam kategori kedua,

langkah-langkah akan diambil untuk menentukan semua syarikat swasta yang diberi kebenaran oleh Tabung Haji untuk mengendalikan jemaah haji mematuhi sepenuhnya peraturan Tabung Haji, seperti menguruskan perkara-perkara berikut dalam tempoh yang ditetapkan:

- (i) mendapatkan surat kebenaran sewa rumah di Makkah dan Madinah daripada pihak Muassasah;
- (ii) mengemukakan nama-nama jemaah haji mereka;
- (iii) menetapkan jadual penerbangan mereka;
- (iv) menandatangani surat perjanjian dengan Tabung Haji;
- (v) menguruskan visa haji.

TENTERA BERKHIDMAT DI LUAR NEGARA

53. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah bilangan tentera kita bertugas di luar negara sejak 2 tahun yang lalu. Apakah imbuhan-imbuhan atau insentif-insentif istimewa yang mereka dapat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Jumlah anggota tentera yang bertugas di luar negara sejak dua tahun yang lalu ialah seramai 934 orang. Dari jumlah tersebut seramai 45 orang anggota terlibat dalam kumpulan pemerhati tentera Bangsa-bangsa Bersatu Iran-Iraq (UNIMOG) dan seramai 889 anggota terlibat dengan kumpulan bantuan peralihan Bangsa-bangsa Bersatu (UNTAG) di Namibia.

Imbuhan atau insentif yang diperolehi oleh anggota yang terlibat berupa elaun seberang laut, elaun pakaian seragam, elaun harian, elaun

cuti rekreasi, elaun perjalanan dan sara hidup bagi individu yang membuat tugas rasmi PBB serta tiket penerbangan balik untuk anggota yang dibenarkan balik atas dasar kebajikan dan perubatan.

Kementerian Pertahanan akan meneruskan hala organisasi pertahanannya yang bercorak peperangan konvensional disamping meneruskan peranannya yang sedia ada.

MAS—PESAWAT DARI WORLD AIRWAYS

54. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) setakat manakah benarnya tuduhan-tuduhan bahawa pesawat-pesawat yang dipajak oleh MAS daripada World Airways tidak memenuhi kehendak-kehendak keselamatan udara;
- (b) jika benar, apakah tindakan yang telah atau akan diambil; dan
- (c) jika tidak benar, apakah tindakan yang telah atau akan diambil terhadap mereka, terutamanya pekerja MAS sendiri, yang sengaja memburuk-burukkan nama baik syarikat penerbangan nasional kita.

Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:

- (a) Adalah tidak benar bahawa pesawat-pesawat kepunyaan World Airways, yang dipajak oleh Penerbangan Malaysia (MAS) adalah tidak memenuhi kehendak-kehendak keselamatan udara. Untuk makluman Yang Berhormat, semua pesawat yang disewa, adalah diperiksa tentang keselamatannya oleh "inspection team" dari Bahagian Kejuruteraan Penerbangan Malaysia (MAS).

Pesawat-pesawat hanya akan disewa selepas MAS berpuas hati tentang keadaan keselamatan pesawat-pesawat. MAS juga akan memperolehi kelulusan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Negara di mana pesawat didaftarkan dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.

Pesawat-pesawat dari World Airways telah disewa selepas pemeriksaan teliti dibuat oleh MAS, disamping kelulusan diperolehi dari Federal Aviation Authority (Amerika Syarikat) dan Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia. Dengan demikian soal tidak memenuhi kehendak-kehendak keselamatan udara tidaklah timbul.

- (b) Memandangkan tuduhan-tuduhan tersebut tidak benar, tidak ada apa-apa tindakan yang perlu diambil mengenai perkara yang dibangkitkan.
- (c) Pekerja-pekerja MAS, adalah tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian perkhidmatan yang dimeterai di antara Majikan dan Pekerja-pekerja. Sekiranya terdapat mana-mana kakitangan yang tidak mematuhi perjanjian ini, tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

PENAGIH DADAH DI PUSAT SERENTI

55. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah berkurangan atau bertambah penagih-penagih dadah di Malaysia sejak tahun 1988, 1989. Negeri manakah yang banyak sekali terlibat dengan najis dadah ini. Berapa ramaikah penagih-penagih yang berada di Pusat-pusat Serenti di seluruh negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan penagih memang berkurangan sejak tahun 1988 dan 1989. Bilangan penagih dadah yang dikesan pada tahun 1988 ialah 21,856 (9,710 adalah penagih baru) dan pada tahun 1989 ialah 17,729 (6,960 merupakan panagih baru). Bagi tahun 1988 dan 1989 Wilayah Persekutuan mempunyai bilangan penagih yang teramai sekali berbanding dengan negeri-negeri lain. Seramai 4,179 penagih sedang menerima rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Serenti seluruh negara.

SIMPANAN SIBANKRAP— PENGELUARAN

56. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Kehakiman menyatakan apakah benar bahawa simpanan siBankrap dikeluarkan oleh pihak Pejabat Pemegang Harta untuk menyelesaikan hutang siBankrap dengan kreditor.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Adalah benar bahawa simpanan seseorang bankrap itu dikeluarkan atau dihasilkan oleh Pegawai Pemegang Harta untuk menyelesaikan hutang-hutang sibankrap kepada pemiutang-pemiutangnya. Mengikut Akta Kebankrapan 1967, tafsiran "harta" adalah merangkumi wang (simpanan). Oleh yang demikian wang simpanan tersebut adalah terletak kepada Pegawai Pemegang Harta dan boleh digunakan untuk faedah pemiutang-pemiutangnya.

PERKHIDMATAN POS LUAR BANDAR

57. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa banyak

perkhidmatan pos di luar bandar setakat ini dan keseluruhannya, memandangkan mutu perkhidmatan itu yang tidak memuaskan sama sekali.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pos disediakan untuk orang ramai melalui rangkaian-rangkaian kemudahan pos seperti berikut:

- (a) Pejabat Pos; menyediakan semua jenis perkhidmatan pos yang lengkap kepada orang ramai termasuk perkhidmatan mel dan kaunter;
- (b) Pejabat Pos Mini; menyediakan semua jenis perkhidmatan kaunter sebagaimana sebuah pejabat pos biasa kecuali perkhidmatan Bank Simpanan Nasional, Kiriman Wang Telegraf dan Amanah Saham Nasional;
- (c) Pejabat Pos Bergerak; menyediakan semua jenis perkhidmatan kaunter sebagaimana yang diberikan oleh sebuah kaunter di pejabat pos biasa.
- (d) Wakil Pos; menyediakan perkhidmatan kaunter yang terhad kepada perkhidmatan penjualan stem dan Wang Pos Malaysia, pengeposan surat biasa, benda pos berdaftar dan bungkusan.

Mengikut definisi yang diberi di dalam Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980, kawasan "bandar" bermaksud satu kawasan yang mempunyai lebih 10,000 penduduk dan "luar bandar" bermaksud kawasan-kawasan yang lain. Berdasarkan definisi ini, bilangan kemudahan pos di seluruh negara pada masa ini

mengikut pengkelasan bandar dan luar bandar adalah seperti berikut:

| Jenis Kemudahan Pos | Bilangan | | Jumlah |
|----------------------|-------------|--------|--------|
| | Luar Bandar | Bandar | |
| Pejabat Pos | 353 | 186 | 539 |
| Pejabat Pos Mini | 90 | 65 | 155 |
| Pejabat Pos Bergerak | 208 | 24 | 232 |
| Wakil Pos | 1,445 | 76 | 1,521 |

Berdasarkan perangkaan di atas, lebih banyak kemudahan pos dari segi bilangan pejabat atau, dengan izin, "establishment" disediakan di kawasan-kawasan luar bandar berbanding dengan di kawasan-kawasan bandar.

Bilangan kemudahan ini akan ditambah dari semasa ke semasa berdasarkan permintaan atau, dengan izin, "demand" yang bertambah terhadap perkhidmatan. Mengikut rancangan, dalam tempoh 1990-1991 sebanyak 44 buah pejabat pos baru akan ditubuhkan. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), sebanyak 51 buah Pejabat Pos dan 270 buah Pejabat Pos Mini tambahan dicadangkan diadakan. Rangkaian kemudahan pos yang lain seperti Pejabat Pos Bergerak, Wakil Pos dan Wakil Penjual Stem juga akan ditambah bilangannya selaras dengan pertambahan permintaan. Semua usaha-usaha ini dijalankan bagi menentukan liputan rangkaian kemudahan pos ditambahkan dengan secara yang memadai selaras dengan pertumbuhan permintaan terhadap perkhidmatan pos dari semasa ke semasa.

Usaha-usaha untuk menyediakan suatu perkhidmatan pos yang memuaskan dijalankan bukan sahaja dengan cara menambahkan bilangan kemudahan pos agar ianya lebih hampir dan lebih mudah didapati oleh orang ramai tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan ekonomi dan dayamaju. Usaha-usaha yang lain juga dijalankan termasuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan.

Di dalam bidang perkhidmatan mel, perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai termasuklah perkhidmatan penerimaan dan penyerahan surat. Sistem Peredaran Mel Kebangsaan yang sedang diamalkan sekarang telah diperkenalkan pada tahun 1976 dengan dua objektif utama, pertama; penyerahan mel pada keesokan harinya atau hari kedua di antara bandar-bandar utama di Malaysia; dan kedua; penyerahan mel pada hari ketiga di antara tempat-tempat lain. Setakat ini, analisa mutu penyerahan surat menunjukkan bahawa peratus surat-surat yang dapat diserahkan pada keesokan harinya ialah 63%, hari ketiga 22% dan hari keempat 15%. Ini menunjukkan bahawa 2/3 dari surat-surat disampaikan kepada penerima pada hari keesokan dan hanya 15% diserahkan pada hari keempat selepas diposkan. Selaras dengan usaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan mel ini, sistem peredaran mel ini telah dan akan dikaji semula dari semasa ke semasa dengan tujuan untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang wujud dan seterusnya memperbaiki pencapaian di atas.

Perlu juga disebutkan di sini, selain daripada itu, usaha-usaha meningkatkan mutu perkhidmatan mel juga dijalankan terutamanya melalui Program Mekanisasi Mel. Di bawah Program Mekanisasi Mel ini, Sistem Poskod Kebangsaan telah diperkenalkan pada tahun 1985 dan pengenalan serta penggunaan alat pengisah automatik di Pejabat-pejabat Pos Besar mulai tahun 1988. Melalui usaha-usaha pemodenan di atas, mel-mel yang sentiasa bertambah dari semasa ke semasa akan dapat diproses dan diserahkan dengan lebih cepat. Kesemua pejabat-pejabat pos besar di seluruh negara akan dibekalkan dengan alat pengisah tersebut menjelang tahun 1991.

Perkhidmatan POSLAJU yang telah diperkenalkan pada tahun 1982 kini telah diluaskan ke 65 buah pejabat pos di seluruh negara memandangkan sambutan yang sangat menggalakkan dari orang ramai, khasnya bagi perkhidmatan POSLAJU di dalam negeri. Melalui perkhidmatan ini, orang ramai boleh menghantarkan segala surat, dokumen, bungkusan, bahan-bahan contoh dan sebagainya dengan cepat setanding dengan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat-syarikat kurier.

Di bawah bidang Perkhidmatan Kaunter, selain daripada perkhidmatan jualan setem, penerimaan dan penyerahan Surat-surat Berdaftar, Bungkusan, Kiriman Wang dan Wang Pos, mulai tahun 1982 Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) juga menjadi agen kepada 21 buah agensi Kerajaan yang lain dalam memberikan kemudahan kepada orang ramai. Antara agensi-agensi yang dimaksudkan termasuklah LLN, STM, Jabatan Bekalan Air, Majlis-majlis Bandaran, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Bank Simpanan Nasional dan Amanah Saham Nasional.

Di bawah Program Komputer JPP, mulai 1.1.1991 sebanyak 280 buah pejabat pos di seluruh negara akan dilengkapi dengan sistem komputer. Orang ramai akan mendapat kemudahan perkhidmatan secara cepat dan berkesan mulai tarikh tersebut bagi perkhidmatan-perkhidmatan pembayaran bil-bil, LLN, STM, Majlis-majlis Bandaran dan Jabatan Bekalan Air; kutipan KWSP, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Amal Jariah, Pembayaran Deraf-deraf Tentera; Penjelasan Waran KWSP, RISDA dan SOCSO; penerima dan penyerahan Telegram; penerimaan dan pembayaran Kiriman Wang dan Wang Pos dan urusan Amanah Saham Nasional serta Amanah Saham Bumiputra.

Jika dibanding dengan perkhidmatan pos di negara-negara yang di peringkat

pembangunan yang sama dengan Malaysia bolehlah dikatakan perkhidmatan pos di Malaysia adalah setanding dengan yang terdapat di negara-negara itu. Di bawah bidang perkhidmatan mel, sebagai contoh, kadar pos atau, dengan izin, "postal rates" bagi "surat" yang dikenakan kepada orang ramai adalah di antara yang terendah di dunia kecuali berbanding dengan negara Pakistan, Nepal dan Filipina. Bagi "poskad" dan, dengan izin, "aerogramme" kadar pos yang dikenakan adalah yang terendah di dunia. Di samping itu, mengikut kajian oleh UPU (Universal Postal Union) pada tahun 1989, menunjukkan bahawa penggunaan poskod di Malaysia adalah berjaya di mana dalam tempoh 4 tahun selepas pelaksanaan 86% surat-surat adalah menggunakan poskod. Di samping itu bilangan aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam berhubung dengan perkhidmatan pos ialah sebanyak 23 aduan. Jumlah ini adalah kecil berbanding dengan 792 juta benda-benda yang diposkan telah dikendalikan oleh JPP pada tahun 1989.

Di bawah bidang perkhidmatan kaunter, sebanyak 21 jenis perkhidmatan agensi bagi pihak agensi Kerajaan yang lain dijalankan oleh JPP. Jumlah jenis perkhidmatan ini adalah tinggi berbanding dengan yang dijalankan oleh pentadbiran pos di negara-negara lain. Mengikut kajian bertajuk "Laporan Hasil Kajian Pendapat Umum Mengenai Tanggapan Masyarakat Terhadap Perkhidmatan Awam Di Peringkat Negara", 1985 oleh pihak MAMPU menunjukkan bahawa "perkhidmatan pos adalah mempunyai prestasi yang paling baik". Kajian ini adalah meliputi aspek-aspek kemudahan di kaunter, masa menunggu, kejujuran kakitangan, budi bahasa kakitangan, ketepatan masa bekerja dan pendapat am mengenai mutu perkhidmatan secara keseluruhan.

Berdasarkan perbandingan pencapaian-pencapaian oleh JPP dan aduan-aduan yang diterima, kenyataan-kenyataan di atas dapat menunjukkan sama ada perkhidmatan pos ini memuaskan ataupun sebaliknya dan begitu juga dari segi rangkaian perkhidmatan.

KES REMAND

58. Tuan Lim Chien Aun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan beberapa kes-kes remand yang masih belum dibicarakan bagi 3 tahun kebelakangan ini dan apakah tindakan yang sedang dan akan diambil supaya kes-kes ini dapat dibicarakan dengan segera.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah kes-kes remand (termasuk kes-kes remand yang dibicara dan ditangguh) sehingga 30.4.1990 ialah 4,815 kes. Ini berdasarkan kepada jumlah banduan remand yang ditahan di seluruh institusi penjara sehingga 30.4.1990. Berhubung dengan tindakan supaya kes-kes ini dibicarakan dengan segera, pihak polis sedang berurusan dengan pihak mahkamah supaya disegerakan mengikut "merit of the case".

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK (SYARIKAT PENGGANTI)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb Jun, 1990).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk menyambung ucapannya.

3.32 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 9 Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa setiap orang yang sebelum ini berkhidmat dengan dan telah memilih untuk berkhidmat dengan Syarikat Pengganti hendaklah digaji oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan Lembaga Letrik Negara.

Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 ini pada amnya adalah sama seperti Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985 yang telah diluluskan untuk memperbadankan Syarikat Telekom Malaysia sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini pada rumusannya adalah diperlukan untuk pihak Kerajaan memperbadankan Lembaga Letrik Negara sebagai sebuah syarikat di mana syarikat tersebut akan nanti mengambilalih segala harta, segala tanggungan dan juga kakitangan yang membuat pilihan untuk masuk sebagai kakitangan syarikat tersebut.

Saya juga ingin menambah sedikit tentang implikasi daripada memperbadankan Lembaga Letrik Negara ini sebagai sebuah syarikat di mana kuasa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos masih lagi kekal untuk mengawasi perjalanan syarikat tersebut melalui fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah, Jabatan Bekalan Elektrik dan Menteri juga diperuntukkan kuasa untuk

menentukan kadar tarif yang dikenakan oleh syarikat itu nanti. Bermakna di sini bahawa syarikat tidak boleh dengan sewenang-wenangnya menentukan kadar tarif elektrik dengan tiada persetujuan daripada pihak Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Selain daripada itu pihak Menteri juga diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada syarikat pengganti ini sebagai syarikat yang akan membekalkan elektrik. Dan apabila lesen itu dikeluarkan nanti maka ada peruntukan-peruntukan yang akan ditentukan oleh pihak Menteri untuk memastikan bahawa kepentingan negara, kepentingan pengguna dan Kerajaan akan lebih terjamin melalui peruntukan-peruntukan yang lebih terperinci lagi di dalam lesen yang akan dikeluarkan nanti.

Seterusnya melalui Menteri Kewangan akan diberikan kuasa melalui Memorandum dan Article of Association syarikat pengganti itu nanti peruntukan-peruntukan seperti saham khas ataupun the golden share yang akan dipegang oleh pihak Kerajaan atas nama Menteri Kewangan.

Menteri Kewangan juga diberi peruntukan untuk melantik Ahli-ahli Lembaga Syarikat Pengganti itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kejayaan ke arah memperbadankan Lembaga Letrik Negara ini juga bergantung kepada sumbangan yang boleh diberikan oleh pihak kakitangan yang akan membuat pilihan untuk masuk sebagai pekerja syarikat. Pihak Kerajaan sedia maklum bahawa kakitangan ini yang merupakan satu harta yang besar ertinya kepada sesebuah perbadanan. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan sekarang ini sedang pun merundingkan tentang terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar dan agak menarik supaya kakitangan dengan kerelaan mereka

akan membuat pilihan untuk menjadi pekerja dan staf kepada syarikat pengganti itu nanti.

Oleh yang demikian maka pihak Kerajaan sudah pun membuat jaminan bahawa terma dan syarat itu tidak kurang daripada apa yang ada dan kita harapkan akan lebih menarik lagi untuk diterima oleh pihak kakitangan dan staf.

Dan akhirnya saya ingin menekankan di sini apabila menjadi sebuah syarikat maka kejayaan syarikat tersebut juga bergantung kepada kepimpinan syarikat itu nanti. Apabila pihak Kerajaan memberi peruntukan melalui Rang Undang-undang ini untuk membolehkan Lembaga Letrik Negara menjadi sebuah syarikat maka tanggungjawab, pentadbiran, pengurusan, harian ataupun bulanan maka terserah kepada budibicara, kebijaksanaan, kepimpinan syarikat itu daripada Lembaga Pengarahnya kepada pihak pengurusannya.

Oleh yang demikian, kita mengharapkan bahawa siapa jua yang akan diserahkan tanggungjawab tersebut akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka itu dari segi kepimpinannya supaya akhirnya kakitangan keseluruhannya akan menerima syarikat itu sebagai satu tempat untuk mereka berkhidmat dengan penuh dedikasi dan sambil itu pula syarikat itu nanti akan dapat membawa kejayaan bukan sahaja dari segi perkiraan kewangannya tetapi juga sumbangan kepada negara dan juga memelihara kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentangan Rang Undang-undang ini. Saya dengan ini mohon mencadangkan.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakan harta, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Ainon.

3.41 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu berikan jalan kepada sahabat saya Dato' Azumu yang katanya ingin bercakap waktu menyokong tadi, tetapi terima kasih kerana memberikan saya peluang yang pertama dalam membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 dengan susunan fasal-fasalanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ini adalah untuk menyokong, jangan bimbang Timbalan Menteri muda, Timbalan Menteri yang handsome dari Kementerian berkenaan bahawa tujuan saya bangun ini ialah menyokong kepada Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 yang mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III yang tertera dan tertulis di kertas Akta yang berkenaan iaitu DR 25/90.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya setelah mendengar pembentangan yang begitu panjang lebar dan terperinci, jelas dan nyata daripada Timbalan Menteri yang berkenaan sejak semalam maka saya dan mungkin semua orang yang ada keraguan sebelum ini, yang ada merasakan kekeliruan atau lain-lain lega dengan penjelasan itu dan

wajarliah kita menyokong penuh akan Rang Undang-undang ini yang bertujuan, pertama-tama untuk meningkatkan produktiviti dan juga kepada prestasi di LLN sendiri sesuai dengan dasar negara, iaitu pen-swastaan. Cuma saya ingin menyentuh beberapa perkara yang diterakan dan ingin membuat beberapa pertanyaan sebagai satu penjelasan.

Kita mendengar tadi bahawa peralihan atau apabila LLN ini dijadikan sebuah syarikat nanti untuk mengendalikan hal ehwal LLN sendiri, termasuk semua perkara yang dibentangkan dalam Akta yang sebelum ini dan yang ini juga, maka beberapa tanggungjawab-tanggungjawab masih dipegang oleh Menteri dan ada juga kuasa-kuasa tertentu diberikan kepada Menteri Kewangan dan nyata sekali di dalam fasal-fasal yang tersebut di dalam pindaan Rang Undang-undang ini ada jaminan untuk para pekerja iaitu satu harta, kata Timbalan Menteri tadi, satu harta hak asasi rakyat yang sedang berkhidmat atau mungkin akan diambil berkhidmat di LLN masa akan datang. Bagi saya inilah perkara utama selain daripada ingin melihatkan prestasi yang lebih baik, kemajuan yang lebih dinamik dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih mulia atau lebih berkesan daripada Lembaga Letrik Negara ini yang menjadi satu sumber yang merupakan kemudahan asas terpenting dan kemudahan asas yang perlu dipelihara demi untuk negara dan rakyatnya, terutama mereka yang masih belum dapat menikmati sepenuhnya akan kemudahan asas yang berkaitan dengan khidmat LLN ini.

Saya melihat di sini, iaitu mengenai Fasal 3 memperuntukkan bahawa pada tarikh pemindahan yang ditetapkan oleh Menteri dan disiarkan dalam Warta segala harta, hak dan liabiliti yang kepadanya Lembaga Letrik Negara adalah berhak atau tertakluk hendaklah menjadi harta, hak dan

liabiliti syarikat pengganti. Ini kita amat faham, bila dia sudah ambil alih, dialah semua yang berhak atas segala harta benda, perjalanan dan lain-lainnya seperti yang dijelaskan tadi. Tetapi ada sedikit saya ingin bertanya iaitu mengenai syer-syer. Walaupun ada disebut di dalam penjelasan bahawa syer-syer tidak terjejas dan akan terpelihara dengan baiknya tetapi bagaimanakah nanti perkembangan kepada pemindahan syer-syer yang disebutkan di Fasal 5, saya bacakan di sini, iaitu memperuntukkan bahawa jika mana-mana orang yang memegang syer dalam Lembaga di bawah seksyen 17(1) Akta Elektrik 1949 sebelum sahaja tarikh pemindahan maka semua syer itu hendaklah mulai dari tarikh pemindahan dipegang oleh orang itu dalam syarikat pengganti. Syarikat pengganti hendaklah kemudiannya menerbitkan syer kepada orang itu dari suatu nilai yang tidak kurang daripada nilai syer yang kepadanya dia berhak sebelum tarikh pemindahan. Ayat ini ayat lama, Tuan Yang di-Pertua, kita dahulu "dibawa kepadanya", berbelit sedikit, tetapi pemahaman saya, ertinya seseorang yang mempunyai syer atau sesiapa yang mempunyai syer di dalam LLN terpelihara syernya, tidak ada ubahan dari segi keuntungan atau dividennya atau ianya dikira mati. Apabila peralihan itu dibuat, katalah satu haribulan berapa, berapa, maka syer yang dahulunya terus mati maka dikira syer baru atau bagaimana. Ini saya inginkan penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan.

Kemudian mengenai Fasal 9 membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan. Tiap-tiap orang yang diberi pilihan oleh Lembaga dan memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja Syarikat Pengganti hendaklah digajikan oleh syarikat itu atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia adalah berhak sebelum sahaja

tarikh pemindahan. Jadi bagaimana tentang rekod? Katalah seseorang itu telah mempunyai rekod bertahun-tahun di sana, adakah apabila ia diserapkan di dalam Syarikat Pengganti dengan pilihannya sendiri maka rekodnya itu hilang, bagaimana dengan gratuitynya dan juga imbuhan-imbuhan lainnya dan bagaimana pula dengan kemudahan-kemudahan hak pekerjaannya seperti umpamanya pinjaman perumahan ataupun loan kereta atau lain-lain perkara dan bagaimana pula dengan hal ehwal kebajikan mereka terutamanya mengenai kesihatan kalau sakit, adakah mereka ini dipercumakan atau ada panel doktornya atau bagaimana?

Saya amat berbesar hati dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kawalan yang dibuat oleh Kerajaan walaupun ianya akan diswastakan di mana disebut tadi bahawa kuasa Menteri kekal melalui Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Elektrik, syabas sebab al-maklum biasanya bila diswastakan, bila dia hendak mempertingkatkan prestasi, hendak meninggikan mutu perkhidmatan hendak memperbaiki lagi kelemahan-kelemahan yang sedia ada pastilah mereka terpaksa menggunakan modal al-fulus yang banyak dan dengan ini mereka mesti juga menentukan pulangan kepada modal dan pasti juga perhatian penuh akan diberikan kepada keuntungan. Kita bimbang kalau-kalau dalam mengejar keuntungan terdapat beberapa kelalaian dan penindasan atau apa sahaja perkara yang boleh menyusahkan:

- (a) para pekerja; dan
- (b) rakyat ramai.

Kalau benar kuasa itu dapat diselaraskan dengan tepatnya dan diperundangkan, alhamdulillah, syukur kepada Allah, insya Allah tidak akan berlaku apa-apa rungutan ataupun penindasan ataupun apa-apa perkara yang mengecewakan.

Kemudian menentukan kadar tarif. Saya sekali lagi hendak mengucapkan tahniah kerana kadar tarif inilah yang ditakuti oleh orang ramai. Kadar tarif ini ada dua perkara, yang pertama dikadar tarifkan sekian-sekian. Yang kedua, ini cerita tunggakan yang tak habis habis, kembali kepada rungutan ramai dalam suratkhbar rungutan orang-orang kampung di kedai kopi, Dewan Negara, Dewan Rakyat, iaitu tarikh yang bertunggak-tunggak, sudah bayar, tunggak ada lagi, bertunggak sahaja walaupun telah diselesaikan. Jadi adakah ini telah diberikan perhatian berat? Tak usah kata orang lain, saya sendiri pun kadang-kadang jadi hairan bin ajaib dan kadang-kadang hendak marah pula sedikit fasal tunggakan-tunggakan ini, sudah bayar, tunggak juga beratus-ratus ringgit, tengok bil terkejut. Jadi ini di mana silapnya, tarikh sama tetapi tunggakan-tunggakan ini kalau sudah terlampau banyak, sudah bayar, bayar lagi, saya rasa dia sudah lari daripada kadar tarif yang terkawal.

Kemudian selain daripada itu, perkara yang saya hendak sebutkan ialah mengenai saham khas, the golden share tadi itu. Jadi nampaknya Menteri Kewangan berhak atas syer yang berkenaan. Perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah pun adalah hak daripada Kementerian sendiri dan kemudian perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan juga segala hal yang berkaitan dengan perjalanan, itu syarikat berkenaan. Mengenai golden share, siapa-siapa yang boleh berhak untuk menerima golden share ini? Apakah kriteria untuk menjadi Lembaga Pengarah kepada LLN ini? Perlukah ianya seorang yang profesional dalam bidang electrical ataupun dalam bidang electronics ataupun ianya seorang yang pakar dalam hal ehwal perdagangan, perniagaan atau sahabat-sahabat handai, kawan-kawan rapat sahaja. Ini pertanyaan yang hendak saya kemukakan. Mudah-mudahan dapat

jugalah dikembangkan Lembaga Pengarah ini kepada mereka yang difikirkan sesuai dan tolonglah tengok-tengok wanita.

Dukacitalah Lembaga Pengarah ini kalau wanita terlalu kurang perhatian diberikan walaupun tidak dinafikan wanita-wanita tidak kira bangsa dalam Malaysia punya kelayakan bahkan kalau diberikan peluang lebih mantap, lebih setia, lebih jujur dan ikhlas dan tidak pula hanya hendak memikirkan bagaimana hendak mendapat saham sahaja, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, itu sahajalah pandangan dan hujah saya dan dengan harapan bahawa setelah ianya diswastakan, LLN akan dapat memberikan khidmat-bakti yang cemerlang meninggikan darjat negara dalam bidangnya, mengawal, meneliti dan memberikan peluang-peluang tanpa penindasan kepada pekerja-pekerjanya sama ada di peringkat mahir, separuh mahir atau di peringkat buruh kasar.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. K. Sellappan.

3.52 ptg.

Tuan V. K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990. Dengan pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Elektrik Syarikat Pengganti 1990 rakyat tentu akan menikmati banyak faedah apabila LLN diswastakan. Malahan, Kerajaan juga mendapat hasil dari kelebihan untung dari syarikat itu.

Saya rasa syarikat yang akan memperolehi harta, hak dan liabiliti LLN akan memperluaskan perkhidmatan yang lebih tinggi sehingga di kawasan pendalaman, termasuk estet-estet dan Skim-skim Rancangan Tanah seperti FELDA dan sebagainya. Penswastaaan LLN bukan sahaja disambut meriah oleh 23,000 orang kakitangan, bahkan seluruh rakyat Malaysia. Lebih-lebih lagi melalui Akta ini kakitangan LLN akan perolehi syer syarikatnya. Kakitangan LLN juga memberi perkhidmatan demi kepentingan masyarakat dan pembangunan negara tanpa mengira siang dan malam. Peruntukan seperti ini menunjukkan satu pengiktirafan perkhidmatan kakitangan LLN. Penswastaaan ini juga mengurangkan beban kewangan dan perbelanjaan pentadbiran Kerajaan. Dengan meluluskan Akta ini, Kerajaan menggalakkan pertandingan bebas dan meninggikan kerjaya dan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan walaupun Kerajaan ingin mengurangkan kos perbelanjaan tetapi kepentingan perbekalan elektrik ke kawasan luar bandar harus diambil kira. Apatah lagi sektor awam tidak dapat membekalkan elektrik 100% ke kampung-kampung pendalaman dan estet-estet. Di sini tidak ada peruntukan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 supaya syarikat yang akan diambil alih harta, hak dan liabiliti mesti membekalkan elektrik ke kawasan pendalaman dalam tempoh masa yang ditetapkan walaupun tidak memberi keuntungan yang banyak.

Suka saya beri satu contoh yang berlaku, bukan elektrik tetapi telefon. Apabila Jabatan Telekom membuat cadangan untuk menggunakan ibusawat Telekom bagi kawasan Sepang, Sungai Pelek dari Seremban ke Negeri Selangor dengan memberi nombor-nombor baru dailan 06-03 dalam tahun

1986, rancangan itu telah dibatalkan atau digugurkan oleh Syarikat Telekom Malaysia (STM) apabila mengambil alih perkhidmatan telekomunikasi negara kerana STM tidak ingin membelanjakan projek yang memberi keuntungan sedikit sahaja. Ini menunjukkan bahawa STM hanya mementingkan keuntungan, bukannya perkhidmatan kepada syarikat. Sistem itu masih menyusahkan pengguna-pengguna di kawasan itu yang membayar kelebihan wang bagi setiap panggilan mendailkan 03. Walaupun mereka tinggal di kawasan Selangor, pengguna-pengguna tersebut mempunyai banyak urusan di Selangor dan Kuala Lumpur sahaja, bukannya di Seremban atau Melaka. Oleh sebab itu, pengguna-pengguna di kawasan tersebut membelanjakan lebih wang. Apakah jaminan perkara seperti ini tidak akan berlaku dalam pembekalan elektrik? Saya ingin juga menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada masalah pembekalan elektrik di negeri Selangor terutama sekali di kawasan daerah Sepang sentiasanya berlaku gangguan elektrik. Kadangkala dalam satu hari gangguan elektrik berlaku dua atau tiga kali. Perkara-perkara seperti ini merumitkan pengguna-pengguna dalam aktiviti harian. Apabila pengguna menghadapi gangguan elektrik, tetapi gangguan air juga turut dihadapi kerana tanpa elektrik loji mesin berhenti secara automatik maka pengguna sibuk untuk mencari air bagi kegunaan harian.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menggambarkan tentang pembekalan elektrik ke estet-estet dan lombong. Kadar bayaran dikenakan 24 sen seunit. Bahkan kediaman dikenakan 20 sen seunit. Pengguna-pengguna dari estet-estet dan lombong juga harus menikmati kadar bayaran yang sama kerana rumah pekerja-pekerja juga ditafsirkan sebagai rumah kediaman walaupun terletak di ladang. Kerajaan haruslah menekankan pihak

syarikat supaya membekal elektrik terus ke rumah pekerja dengan kebenaran pihak majikan sepertimana dilakukan oleh STM, pihak pengguna juga dikenakan bayaran penggunaan elektrik walaupun LLN membekalkan ke estet-estet. Di sini saya suka menyatakan bahawa penswastaan LLN memberi peluang kepada syarikat-syarikat atau TEN hanya mencari keuntungan, malahan perkhidmatan juga diambil kira. Untuk menjamin syarikat TEN mementingkan perkhidmatan, Kerajaan hendaklah mengikat beberapa syarat yang tertentu. Di sini kita tahu sungguhpun Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun, tetapi ada sebilangan rakyat jelata masih tidak menikmati bekalan elektrik sepenuhnya. Saya berharap Syarikat TEN akan memenuhi hasrat Kerajaan untuk membekalkan elektrik 100% kepada semua kawasan yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990. Sekian, terima kasih.

3.58 *ptg.*

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali bin Dato' Mohd Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 dan syabas saya ucapkan kepada Kementerian Yang Berhormat. Dengan izin dan dengan hormat saya ingin beri pandangan sahaja.

Yang pertamanya, saya senang betul apabila mendengar penswastaan LLN ini akan dijalankan dari peringkat ke peringkat. Ini perlu oleh kerana saya percaya penswastaan STM dan yang lain-lain juga tentu sekali telah menimbulkan banyak masalah dan kita tidak ingin melihat penswastaan elektrik bernasib demikian. Saya juga

ingin beri pandangan terhadap golden share yang pada faham saya Kerajaan akan memegang juga sungguhpun tidak begitu banyak, akan tetapi Kerajaan masih lagi berkuasa khususnya, apabila masa kecemasan ataupun emergency. Ini yang penting sekali. Saya ingat dalam perjanjian mengalih kepunyaan, ini harus ditekankan oleh kerana kalau ada peperangan, kalau tidak dengan persefahaman dalam perjanjian itu tidak dapat nanti electricity itu berjalan, despite war, so to speak.

Satu lagi yang ingin saya tambah di sini berkait dengan penswastaan juga ada berkait dengan kalau tidak salah saya ada empat essential services, dengan izin, iaitu electricity, water, KTM dan satu lagi STM. Empat ialah essential services yang mana ada juga dalam empat essential services itu diadakan satu pasukan Simpanan Tentera dan Pasukan Simpanan Tentera itu perlu diadakan dalam empat organisasi itu termasuklah LLN ini dan apabila ada satu-satu kecemasan ataupun emergency pasukan itu yang mengandungi kakitangan ataupun pekerja dalam itu boleh dipanggil kerja sungguhpun ada emergency atau curfew dan sebagainya. Ini saya harap difahami dalam pertukaran kepunyaan penswastaan ini.

Kalau tidak, nanti kita akan menempuhi satu emergency of panic, dengan izin, oleh kerana tidak ada orang yang bekerja. Ada peperangan, ada emergency, tetapi pekerja tidak boleh keluar sebab ada curfew dan sebagainya. Dengan adanya pasukan ini—sekarang ini memang ada dalam organisasi STM dan juga LLN—itu hendak ditentukan supaya ianya akan digunakan dalam masa kecemasan.

Itulah saya hendak sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sokong penuh Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

4.00 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta bercakap tentang Rang Undang-undang ini dan saya menyokong supaya ianya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lalu sebelum pengumuman berkenaan dengan pengswastaan ini dibuat oleh Kerajaan, Kerajaan telah memutuskan untuk mengambil alih sebuah syarikat bernama Perak River Hydro Electric Power Co. Ltd yang berpusat di Perak dan pada ketika itu Kerajaan mengumumkan supaya semua bekalan elektrik ini disatukan di seluruh negara. Cuma yang menghairankan apabila baru tiga tahun Syarikat Perak River Hydro ini diambil oleh Kerajaan, maka pada hari ini pula Kerajaan mengumumkan untuk menubuhkan sebuah syarikat bagi menswastakan apa yang ada dari LLN pada hari ini. Saya fikir sebagai sebuah Kerajaan yang bijak maka program pengswastaan ini haruslah dibuat secara kajian yang mendalam, yang agak lama, dan bukannya suatu keputusan yang dibuat dengan sekelip mata sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan di dalam pembentangan yang dibuat oleh Timbalan Menteri tadi tidak menyebut nama syarikat baru yang akan diswastakan ini. Tetapi pengumuman telah dibuat di dalam akhbar. Sepatutnya di dalam Dewan yang mulia inilah tempatnya di mana diumumkan nama syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan itu juga disebutkan bahawa kepentingan pekerja-pekerja seramai 24,000 orang lebih itu akan dijaga dengan sepenuhnya dan sebilangan saham juga akan diberi kepada pekerja-pekerja ini supaya

mereka itu ada "sense of belonging" sepertimana yang disebutkan oleh Menteri semalam. Ini disambut dengan baiknya, dan saya yakin pekerja-pekerja LLN pun amat berpuas hati tentang pengeluaran seumpama ini. Tetapi pengumuman tentang caranya haruslah diberi dengan jelas daripada sekarang ini supaya mereka bersedia apabila tiba masanya untuk membeli saham-saham tersebut nanti. Kita tidak mahu pekerja-pekerja terperanjat seperti pengeluaran syer EON baru dua hari sudah di mana pekerja-pekerja terpaksa membuat pinjaman untuk membeli syer mereka dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang baru ini ialah syarikat yang besar di dalam negara kita sepertimana syarikat-syarikat yang lain yang ada seperti STM, EON dan sebagainya. Sungguhpun saya bersetuju dengan pendapat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Puan Ainon tadi supaya wanita-wanita ada di dalam Lembaga ini, tetapi Kerajaan telah memberitahu semalam bahawa Lembaga Pengarah syarikat ini akan mengandungi cuma 6 orang ahli sahaja. Tentulah orang yang enam ini adalah orang-orang yang bijak-bijak di dalam negara kita ini dan saya mengalu-alukan mereka sebagai ahli Lembaga ini. Saya yakin mereka akan bekerja dengan sepenuhnya dan memikirkan kepentingan syarikat yang baru ini dan juga untuk kepentingan negara kita.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, biasanya sesebuah syarikat yang besar itu banyak masalahnya. Ada kita dengar bahawa jika jumlah Lembaga Pengarah itu kecil, masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat itu didiamkan, tidak dihebohkan dan kadangkala Kerajaan langsung tidak tahu masalah itu sehinggalah ia menjadi besar. Apabila masalah itu tidak dapat diselesaikan, baru Kerajaan tahu dan apabila Kerajaan tahu, untuk Kerajaan hendak mengambil

tindakannya sudah terlambat kerana masalah yang disebutkan itu sudah menjadi begitu besar dan kerugian yang besar mungkin sudah berlaku.

Apa yang saya hendak sarankan, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya jumlah ini diperbesarkan daripada 6 orang. Lebih ramai sedikit supaya dengan lebih ramai ahli-ahli itu tidak senang disepakatkan. Mereka akan mempunyai pendapat-pendapat yang berbeza dan jika ada masalah seperti yang saya katakan tadi dapat diberitahu kepada sumber-sumber yang lain melalui mana-mana pihak Kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah syarikat yang besar, saya juga berharap bahawa Kerajaan akan memberitahu syarikat ini nanti supaya kepentingan peniaga-peniaga kecil juga dijaga.

Kita berdukacita terhadap STM hari ini. Sebagai sebuah syarikat yang agak besar tetapi kepentingan peniaga-peniaga kecil, kontraktor-kontraktor yang kecil ini langsung tidak diendahkan, boleh dikatakan, kerana kebanyakan kerja-kerja jika pada masa Telekom dulu, Jabatan ini memberikan kerja-kerja kecil itu kepada kontraktor-kontraktor tetapi sekarang ini STM tidak berbuat demikian. Maka saya berharap syarikat yang ditubuhkan melalui LLN ini tidak berbuat demikian. Jika pada hari ini ada kerja-kerja kecil itu dibuat melalui kontraktor-kontraktor, maka di masa hadapan pun eloklah diberi kontraktor-kontraktor menjalankan kerja-kerja yang kecil yang akan dibuat oleh syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

4.09 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti).

Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan ini telah pun diterima oleh para warganegara Malaysia. Sebelum LLN, ada beberapa agensi Kerajaan yang telah pun diswastakan. Pada permulaannya, mereka tidak terima idea penswastaaan ini. Pada hari ini mereka telah pun terima tujuan penswastaaan iaitu untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang dan untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Penswastaaan ini telah pun diwujudkan bukan sahaja di negara Malaysia, tetapi juga beberapa negara di seluruh dunia telah pun melaksanakan idea ini. Cuma satu perkara yang saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu macam mana pada masa sekarang LLN di daerah Sepang? Baru-baru ini Yang Berhormat Tuan V. K. Sellappan sendiri telah pun memberitahu Dewan ini mengenai kedudukan perkhidmatan LLN di daerah Sepang.

Daerah Sepang adalah satu daerah yang telah diwujudkan pada tahun 1975, sudahpun 15 tahun tetapi tidak ada seorang pun pegawai yang bertanggungjawab untuk mentadbirkan perkhidmatan LLN di daerah Sepang. Apabila ada Majlis Tindakan Daerah di daerah Sepang, sekiranya ada aduan mengenai perkhidmatan LLN, mereka menuduh daerah Kuala Langat, daerah Port Dickson atau daerah Ulu Langat kerana di daerah Sepang tidak ada seorang pegawai LLN untuk menjaga kerja-kerja itu. Sudah pun wujud 15 tahun tetapi daerah ini masih dibiarkan oleh LLN. Kadang-kadang pegawai-pegawai LLN yang di ketiga-tiga daerah ini pun mencuaikan tanggungjawab mereka. Seorang kata ini bukan di bawah tanggungjawabnya dan yang lain kata ini bukan di bawah

pentadbiran saya. Sebab itulah Daerah Sepang ini mengalami beberapa masalah gangguan elektrik.

Jiran saya ada bertanya, "Macam mana ini, kita terpaksa kena beli generatorkah?" Yang anih sekali, Tuan Yang di-Pertua, gangguan elektrik ini berlaku bila-bila masa sahaja di daerah Sepang, di sebelah malam, di sebelah petang, di sebelah pagi. Saya tidak tahu macam mana gangguan elektrik ini boleh berlaku di musim-musim perayaan seperti musim Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, Hari Deepavali atau Hari Krismas. Pada masa itu jugalah gangguan boleh berlaku dan bukan pada masa-masa yang lain. Saya sendiri terpaksa menjawab kepada jiran saya, dia tanya, "Macam mana Kerajaan Barisan Nasional? Macam inikah?" Saya tidak tahu sama ada dia betul pengikut parti Barisan Nasional atau parti lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telahpun membawa perkara ini di dalam Dewan ini tetapi tidak ada apa-apa jawapan yang tepat dan saya sendiri bertanya kepada Pegawai Daerah dan Pegawai Daerah mengatakan bahawa pentadbiran LLN dijaga oleh tiga pegawai daripada tiga daerah selain daripada Sepang. Kawasan Dengkil dijaga oleh Pegawai Daerah Ulu Langat, kawasan Batu Laut ataupun mukim Sepang dijaga oleh Port Dickson dan sebahagian kawasan Sungai Pelek dijaga oleh Banting.

Saya menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum diswastakan saya minta supaya diadakan seorang Jurutera di daerah Sepang. Saya sendiri mengalami ini, saya bukan duduk di Kuala Lumpur, saya duduk di Sungai Pelek, Sepang. Dalam bulan Mei 10 kali gangguan, macam gangguan TVlah, tergendala—"Minta Maaf Tergendala". Tetapi ini dia tidak minta maaf, kita tunggu tiga empat hari daripada Pejabat LLN tidak ada apa-apa notis. Saya ingat ini ikut

suka dialah, kalau dia suka hendak repair, dia repair; kalau tidak suka mereka tidak repair. Kalau boleh beri overtime pun tidak apa, tetapi janganlah ada gangguan-gangguan macam ini dan menyusahkan orang ramai pada masa musim-musim perayaan. Orang kata pekerja mahu minta overtime yang banyak itu sebab gangguan berlaku. Kalau tuduhan ini tidak benar maka apa sebab gangguan-gangguan elektrik atau bekalan elektrik yang "breakdown", dengan izin, tidak dibetulkan dengan secepat mungkin? Saya difahamkan hari ini pun beberapa jam tidak ada bekalan elektrik di Sungai Pelek dan di Sepang. Apa sebab, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau boleh sebelum hari Jumaat telefon ketiga-tiga Jurutera yang ada di Port Dickson, Banting dan Kajang minta mereka satu penjelasan apa sebab gangguan ini sering kali berlaku di daerah Sepang. Ini adalah oleh kerana tidak ada seorang pun pegawai yang bertanggungjawab di daerah itu untuk memberi satu jawapan yang tepat dalam Majlis Tindakan Daerah. Siapa yang bersalah? Warganegara salahkah atau Pejabat LLN yang salah? Saya ingin satu jawapan yang tepat daripada pihak LLN mengenai perkara ini untuk kita memenangi balik hati orang ramai di situ. Mereka memang membayar kadar bayaran itu kepada LLN dan mereka harus diberi satu perkhidmatan yang cemerlang.

Oleh sebab itu sebagai tax payers, dengan izin, mereka mempunyai hak untuk mendapat satu penjelasan daripada LLN kerana LLN masih lagi ditadbirkan oleh Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom. Saya tidak mahu dalam perkara ini "pass the buck", dengan izin, kepada penswastakan. Mungkin dia pun tidak boleh memberikan satu perkhidmatan yang baik dan ini akan menjejaskan imej bukan sahaja LLN tetapi imej Kerajaan.

Saya sungguh berharap supaya pihak LLN mengambil kira mengenai gangguan elektrik ini. Saya sedia maklum sebagai satu agensi Kerajaan yang mustahak, essential service, dengan izin, mereka menghadapi masalah bukan sahaja di daerah Sungai Pelek tetapi mungkin di seluruh tanahair berlaku satu dua kali gangguan. Tetapi bagaimanapun melalui televisyen, melalui radio mereka dapat maklumat. Di daerah Sepang, kalau satu minggu gangguan pun, kita hendak bertanya kepada siapa? Kalau kita berjumpa dengan pegawai LLN, dia pun tidak tahu.

Kita sekarang berada di dalam zaman sains dan teknologi. Kalau bekalan elektrik sudah terganggu dan kalau mereka menganggap ini akan mengambil masa yang panjang sila telefon ke TV Malaysia, TV3, Radio ataupun kalau boleh keluarkan satu statement, satu kenyataan dalam akhbar hari esok, "Gangguan ini di luar dugaan dan ini akan dibetulkan di dalam satu dua hari". Tetapi kalau mengambil masa tiga empat hari adalah cukup masa untuk memberitahu orang ramai dan sering kali berlaku dalam sebulan 10 kali. Saya ingkankah satu penjelasan yang tepat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, penswastan ini harus membawa kebaikan kepada orang ramai dan kalau boleh kadar bayaran ini apabila syarikat mengambilalih masih dikekalkan pada kadar bayaran yang ada sekarang dan kalau boleh jangan meningkatkan kadar bayaran itu tetapi kalau boleh mengurangkan kadar yang ada sekarang.

Dalam hal penswastan ini, saya sungguh-sungguh mengucapkan syabas kepada Kementerian, dan saya harap kepentingan pekerja-pekerja dan kakitangan yang masih berkhidmat akan dikekalkan dengan ganjaran-ganjaran yang tidak kurang daripada

apa yang ada pada masa sekarang. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa masalah-masalah (teething problems) yang dihadapi oleh Kerajaan ketika menswastakan agensi-agensi lain dapat diperbetulkan apabila LLN ini diswastakan.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk memberikan jawapan.

4.22 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang tiga tahun yang lepas saya mempunyai keistimewaan untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain di Dewan ini untuk membincangkan tentang Rang Undang-undang menswastakan Jabatan Telekom Malaysia. Maka banyaklah perkara-perkara yang saya sama-sama bangkitkan tiga empat tahun yang lalu di Dewan ini dan pada hari ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin, Senator V. K. Sellappan, Senator Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali, Senator Dato Azumu dan juga Senator C. Krishnan yang telah membangkitkan perkara-perkara yang ada kaitannya dan yang menyentuh tentang perkara-perkara mengenai apa yang telah kita alami dan juga apa yang kita harapkan pada masa-masa yang akan datang.

Kebetulan pula, Lembaga Letrik Negara kalau kita perhatikan merupakan agensi yang paling besar yang mungkin diswastakan oleh pihak Kerajaan. LLN merupakan satu badan yang besar dari segi tanggungjawabnya, dari segi harta tanggunganannya dan

juga peranannya dalam masyarakat. Saya tidak dapat mengesan mana lagi satu perbadanan yang serupa dari segi saiz harta tanggungan dan juga peranannya untuk diubahsuai menjadi satu syarikat. Ini merupakan satu cabaran kepada semua pihak.

Yang keduanya, kebetulan juga Lembaga Letrik Negara di ambang penswastan dalam keadaan di mana kita telahpun memerhatikan prestasi Syarikat Telekom Malaysia yang telahpun diswastakan lebih kurang tiga tahun yang lalu, maka banyak perkara yang telah kita amati dan kesan. Ada perkara-perkara yang kita terima sebagai kejayaan dan ada yang kita terima sebagai kelemahan dan ada juga pengecualian ataupun reservation, dengan izin, mengenai pengalaman tersebut.

Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik Negara adalah di antara badan-badan Kerajaan yang paling dekat sekali ke arah penswastan kerana hingga kini Lembaga Letrik Negara sudahpun menjadi satu badan berkanun yang ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Pengarah walaupun terikat kepada pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam. Tetapi dalam pentadbiran hariannya ia adalah merupakan badan berkanun yang agak lebih dekat lagi dengan cara syarikat ditadbirkan dan juga diuruskan. Oleh yang demikian, kita mengandaikan bahawa Lembaga Letrik Negara ini sewajarnya dapat menghadapi cabaran proses penswastan dengan lebih berkesan lagi. Jadi, berdasarkan kepada tiga perkara yang saya sebutkan tadi, maka banyaklah perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ingin merujuk kepada perkara-perkara khusus yang telah dibangkitkan oleh Senator Aionn. Yang pertamanya

mengenai syer pemilik asal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa selain daripada Kerajaan Persekutuan, ada satu Kerajaan Negeri yang memiliki saham di LLN sebanyak 0.3%. Jadi peruntukan dalam Rang Undang-undang ini ialah untuk memastikan bahawa jumlah syer Kerajaan Negeri Pahang sebanyak 0.3% itu dikekalkan pada jumlahnya pada nilainya, apabila LLN ini diperbadankan nanti dan apabila diswastakan. Jadi, itu adalah pengertian kepada peruntukan syer pemilik asal.

Seterusnya mengenai rekod-rekod pekerja dan kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan yang dinikmati oleh pekerja-pekerja Lembaga Letrik Negara. Mungkin Ahli Yang Berhormat sudahpun dapat memerhatikan bahawa kakitangan LLN adalah merupakan kakitangan yang mempunyai banyak keistimewaannya, banyak kemudahannya dan Kementerian adalah sensitif tentang perkara ini dan oleh yang demikian menjanjikan supaya kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh pekerja-pekerja tidak terjejas dan kalau boleh adalah lebih baik lagi untuk merupakan tarikan untuk mereka menjadi kakitangan syarikat.

Untuk beberapa lama ini, pihak Kementerian sudahpun melaksanakan proses rundingan supaya seberapa banyak maklumat sama ada daripada pihak pengurusan, pihak perundingan daripada pihak Menteri, bahkan daripada keputusan Kabinet sendiri disampaikan dalam rundingan-rundingan antara pihak Kementerian dengan wakil-wakil pekerja sama ada Kesatuan-kesatuan ataupun Persatuan-persatuan.

Jadi, berdasarkan kepada rundingan-rundingan dan maklumat-maklumat yang disampaikan, maka pihak Kementerian merasakan bahawa kakitangan tidak di dalam keadaan kegelisahan, tidak dalam keadaan

menanti-nanti tentang apa yang hendak dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Sekadarkan kita menunggu keputusan yang terakhir tentang terma-terma dan syarat-syarat, pihak Kementerian mencadangkan supaya perkara-perkara itu dirumuskan dalam masa lebih kurang sebulan yang akan datang ini dan akan membawanya kepada pihak Kabinet untuk diputuskan tentang syarat-syarat dan terma-terma ini. Kalau boleh kita hendak memastikan supaya pihak pekerja mempunyai tidak kurang sebulan untuk membuat keputusan sama ada hendak memilih menjadi kakitangan syarikat dan kita menjangka bahawa pada tarikh 1hb Septembar, maka pekerja akan membuat pendirian masing-masing sama ada untuk menerima syarikat tersebut atau pun kekal dengan syarat-syarat dan terma-terma yang sedia ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerja ini, hingga kini keadaannya agak amat menggalakkan, rata-rata penerimaannya adalah menuju ke arah memperbadankan syarikat dan men-swastakannya apabila tiba masanya nanti, sekadarkan ada beberapa perkara yang mungkin belum dapat dirumuskan hinggalah kepada tahap di mana Kabinet akan membuat keputusan yang muktamad tentang terma-terma dan syarat-syarat tersebut.

Perkara seterusnya ialah mengenai untung yang menjadi perkiraan utama dan akhirnya akan mengabaikan tentang perkara-perkara yang menjejaskan kebajikan pekerja, yang akan menjejaskan kepentingan rakyat ataupun akan membawa kepada mudarat kepada masyarakat luar bandar ataupun kepentingan kontraktor-kontraktor kecil. Itu sebabnya pihak Kementerian, Tuan Yang di-Pertua, membezakan antara dua peranan penting, dua matlamat penting yang perlu dicapai oleh badan-badan Kerajaan yang diswastakan.

Yang pertama, untuk memastikan bahawa ianya dari segi perniagaan adalah menguntungkan, maka soalnya seberapa banyak untung yang perlu dicapai oleh syarikat tersebut. Walaupun badan-badan ini di bawah bidangkuasa Kerajaan, kita masih lagi menuntut supaya syarikat-syarikat Kerajaan tidak merugikan supaya beban kewangan Kerajaan tidak berterusan, apatah lagi apabila diswastakan maka sewajarnya mereka tidak merugikan bahkan menguntungkan.

Matlamat yang kedua ialah apa yang kita panggil tanggungjawab syarikat kepada masyarakat atau, dengan izin, corporate social responsibility, tanggungjawab masyarakat oleh badan-badan korporat. Kita hendak pastikan bahawa pinjaman syarikat tersebut di semua peringkat hendaklah memastikan bahawa bukan sahaja menjaga hati pekerja-pekerja supaya mereka dapat memberi perkhidmatan dan taatsetia kepada syarikat tersebut, dengan ganjaran-ganjaran yang sewajarnya, tetapi untuk memastikan bahawa corporate social responsibility, dengan izin, juga tercapai sebegitu rupa supaya rakyat dapat menikmati bekalan elektrik seberapa luas liputannya yang dinikmati oleh rakyat pada kadar yang munasabah dan juga dengan kualiti bekalan yang tinggi sebegitu rupa supaya tidak ada gangguan-gangguan seperti keterlaluan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator C. Krishnan sebentar tadi.

Kita juga hendak pastikan bahawa bekalan elektrik luar bandar tidak terjejas, maka di sini saya ingin memberi jaminan bahawa Lembaga Letrik Negara sudahpun melaksanakan sebahagian besar daripada tanggungjawab tersebut. Sebahagian daripada tanggungjawab itu dipikul oleh Kerajaan melalui peruntukan daripada Perbendaharaan, kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tahun demi tahun untuk melaksanakan

projek membawa elektrik ke luar bandar dan lebih kurang 2 tahun kebelakangan ini setiap ringgit yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan ditambah seringgit oleh Lembaga Letrik Negara. Maka dua tahun kebelakangan ini bertambah-tambahlah peruntukan membawa elektrik ke luar bandar.

Saya ingin menyebutkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada tahun 1995 kita boleh katakan 100% elektrik akan sampai ke seluruh Semenanjung Malaysia. Kita bernasib baik kerana usaha ke arah membawa elektrik ke luar bandar ini sudahpun pada tahap yang penghujungnya. Maka kos modal yang perlu dibuat adalah pada peringkat yang penghabisannya dan kos operasinya sudahpun ditanggung sepenuhnya. Jadi, tidak sewajarnya timbul masalah bahawa Lembaga Letrik Negara yang diswastakan nanti akan merasa agak terlalu berat untuk memikul kos modal, agak terlalu berat untuk menanggung kos operasi daripada pelaburan tersebut kerana ini pun sudah di peringkat penghujungnya dan kos operasi pun sudah ditanggung sampailah ke hari ini dengan tidak banyak karehannya.

Mengenai tarif sama ada ianya bil yang kebelakangan ataupun bil yang berbentuk tunggakan, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya kita hendaklah pastikan sama ada tunggakan yang dituntut adalah sah atau tidak sah. Kalau sah maka sewajarnya kita menjelaskan tunggakan tersebut dan ada kalanya tunggakan yang tersebut dalam bil-bil kita itu mungkin kerana sistem pembayaran yang agak tidak begitu kemas, di mana ada bil-bil yang telahpun dijelaskan, tetapi tidak sampai kepada pihak Lembaga Letrik Negara, maka bil yang dijelaskan di Pejabat Pos tidak sampai kepada pihak LLN. Jadi ia masih lagi dianggap sebagai bil yang terkumpul. Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi mencari cara yang lebih kemas untuk

mempastikan bahawa tunggakan yang tidak sah itu dapat kita atasi supaya tidak merumitkan pihak pengguna.

Mengenai Golden Share, saham khas ini diperuntukkan pada nilai seringgit yang dipegang oleh pihak Menteri Kewangan, yang membolehkan Menteri Kewangan untuk membuat keputusan-keputusan yang menentukan tentang jualan saham-saham tertentu pada jumlah yang tertentu dan untuk mengizinkan pihak Kerajaan menghadiri semua mesyuarat yang dilaksanakan untuk menguruskan syarikat tersebut dan Golden Share ini ditambah pula dengan satu peruntukan dalam Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990, di mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa untuk mentadbirkan Lembaga Letrik Negara dalam keadaan yang darurat. Sambil itu pula kita juga mempunyai persiapan, Tuan Yang di-Pertua, sama ada Syarikat Telekom Malaysia ataupun Lembaga Letrik Negara apa yang dipanggil "Kor Jurutera Rejimen 70 Elektrik" yang sedia wujud di STM dan juga di LLN yang akan dikekalkan supaya dapat memenuhi apa jua keperluan negara dalam keadaan yang darurat, apa jua yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang.

Mengenai Ahli Lembaga Pengarah yang pertamanya, sama ada dihadkan kepada 6, sebenarnya tidak kurang daripada 6 dan tidak lebih daripada 12, Tuan Yang di-Pertua, dan rasa saya jumlah yang antara 6 dengan 12 ini agak cukup flexible, dengan izin, untuk mengizinkan pihak Menteri Kewangan dengan melalui consultation, dengan izin, dengan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk melantik ahli-ahli Lembaga Pengarah, daripada sumber-sumber tidak kira daripada golongan lelakinya, wanitanya, kepakarannya atau latarbelakangnya. Jadi, Tuan

Yang di-Pertua, saya percaya di kalangan masyarakat wanita ada tidak kurang kepakaran dan kebolehan, latarbelakang untuk bersama-sama dalam Lembaga Pengarah ini. Saya percaya itu adalah satu daripada sumber-sumber profesional yang ada dalam negara kita ini yang akan kita ambilkira.

Saya hendak sebutkan tentang satu perkara yang belum lagi disentuh dan ada kaitannya mengenai pemilikan iaitu ekuiti. Saya ingin memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa ekuiti pada mulanya 100% dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dan 0.3% oleh Kerajaan Negeri Pahang dan apabila tiba masanya nanti untuk diswastakan pemilikannya, maka yang pertamanya kita utamakan—maksud saya, kalau yang dahulu itu kita dahulukan. Ini bermakna bahawa kalau pada hari ini kita dapati saham-saham EON diterima oleh masyarakat Malaysia, 22 kali ganda, maka sewajarnya ekuiti Lembaga Letrik Negara ini ditawarkan kepada masyarakat tempatan terlebih dahulu. Jika sekiranya kita dapati bahawa tidak kurangnya kemampuan rakyat Malaysia memiliki saham LLN apabila diswastakan nanti, maka yang utama itu diutamakan, yang dahulu itu didahulukan, iaitu rakyat Malaysia.

Kita juga akan mendahulukan bahagian yang diperuntukkan kepada pekerja-pekerja, sambil itu pula kita juga sedang membicarakan kemungkinan untuk mendahulukan pengguna-pengguna memiliki sebahagian daripada saham-saham tersebut.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita akan dapati bahawa pekerja bukan sahaja berkhidmat dalam syarikat tersebut sebagai pekerja, tetapi juga sebagai pemilik saham. Pengguna tidak sahaja menggunakan elektrik sebagai kemudahan awam, tetapi juga sebagai pemilik syarikat tersebut. Jadi, ini adalah keutamaan yang akan kita

berikan apabila tiba masanya di mana harta ini akan diswastakan pemilikannya nanti. Saya ingin merujuk kepada . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap?

Menurut peraturan 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim untuk mempengerusikan Mesyuarat ini.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Mesyuarat)

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:
Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan elektrik di kawasan-kawasan ladang, saya ingin merujuk kepada Rang Undang-undang yang telahpun diluluskan oleh pihak Dewan Rakyat di mana ianya merujuk tentang apa yang disebutkan "Minimum Housing Standard" di ladang-ladang, maka termasuk di dalamnya satu peruntukan untuk membekalkan elektrik ke ladang-ladang. Jadi, dengan adanya Rang Undang-undang yang baru ini, Minimum Housing Standard, yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat ladang-ladang termasuk FELDA tidak akan ketinggalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa apabila saya maksudkan bekalan elektrik ke luar bandar akan dipenuhi pada tahun 1995, maka ia meliputi juga kawasan-kawasan ladang dan juga kawasan-kawasan FELDA bukanlah sekadar kawasan-kawasan kampung sahaja.

Saya merasa agak kekok untuk menyebut masalah yang dihadapi oleh masyarakat Sepang, agak "embarassing", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita sudah tiba pada satu zaman di mana masalah

seperti tersebut tidak sepatutnya berlaku. Rata-rata saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya, bahawa kualiti bekalan boleh dikatakan baik, agak meyakinkan kita, kalau ada gangguan, mungkin sekali sekala, tetapi di Sepang jauh berbeza. Sama ada Sepang merupakan satu daerah yang agak terbaharu di Selangor, walaupun sudah berumur 15 tahun, maka perlu pula LLN mengubahsuaikan pentadbirannya supaya diperlukan satu pejabat khas untuk mengendalikan bekalan elektrik di Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Senator Krishnan mengajak saya supaya membuat panggilan telefon, saya sambut ini bukan sekadar dengan panggilan telefon, tetapi insyaAllah, saya akan pergi ke Sepang sendiri pada minggu hadapan (*Tepuk*) untuk bersama-sama dengan beliau berjumpa dengan ketiga-tiga Pengurus yang ada di Port Dickson, Banting dan Kajang, untuk mengatasi rintihan masyarakat di Sepang. Jadi, saya harap Yang Berhormat Senator akan bersama-sama dengan saya apabila kita berjumpa dengan pihak LLN di ketiga-tiga daerah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyebut bahawa syarikat yang kita maksudkan untuk mengambilalih Lembaga Letrik Negara ini dipanggil Tenaga Nasional (TEN) dan syarikat itu sudahpun diwujudkan dan apabila tiba masanya nanti, maka syarikat itu akan menerima segala harta, liabiliti dan juga kakitangan yang bersetuju untuk bersama-sama dengan TEN.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang dapat saya sampaikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika sekiranya ada perkara-perkara yang tertinggal, saya memohon untuk menjawabnya dalam bentuk tulisan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Eksais 1976 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya pindaan-pindaan ini bertujuan untuk mengemaskini peruntukan-peruntukan Akta tersebut dan juga untuk memasukkan beberapa perkara baru ke dalamnya bagi menyesuaikan

dengan perkembangan semasa. Di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 2 (a) bertujuan untuk memperluaskan takrif "rokok" untuk meliputi juga rokok-rokok yang mengandungi bahan-bahan selain daripada "tembakau".

Fasal 2(b) bertujuan untuk memansuhkan takrif perkataan-perkataan "gelen", "gelen peruf" dan "spirit peruf", iaitu unit-unit sukatan berdasarkan kepada sistem imperial, kerana pada masa ini kita telahpun bertukar daripada sistem tersebut kepada penggunaan sistem metrik. Atas sebab yang sama, maka *Fasal 12(c)* dan *Fasal 13*, menukarkan perkataan "enam gelen" kepada sukatan yang bersamaan dalam sistem metrik, iaitu "dua puluh tujuh liter".

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 3* bertujuan untuk memotong perkataan-perkataan "Timbalan Pengarah" daripada senarai jawatan yang boleh melaksanakan kuasa-kuasa Ketua Pengarah Kastam di bawah Akta Eksais 1976, kerana sebenarnya, tidak ada apa-apa jawatan yang digelar "Timbalan Pengarah" dalam Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja. Selain daripada itu, *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa Ketua Pengarah Kastam yang boleh dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai Kastam yang lain itu tidaklah termasuk kuasa untuk menentukan penjenisan barang-barang supaya ianya menjadi selaras dengan peruntukan yang sama di bawah Akta Kastam 1967.

Fasal 4 bertujuan untuk membolehkan mana-mana barang yang rosak semasa dalam kawalan Kastam untuk diremitkan duti eksaisnya. Peremitan ini wajar kerana barang-barang tersebut sebenarnya tidak boleh digunakan.

Fasal 5, bertujuan untuk membolehkan barang-barang yang ditahan untuk dilelong, sekiranya pemilik barang tersebut tidak membayar duti eksais yang berbangkit, walaupun selepas notis untuk membayar telah diberi kepadanya. Wang yang diperolehi itu adalah untuk menempoh duti yang tidak dibayar itu. Tujuan perkara ini ialah untuk memudahkan pihak Kastam untuk mendapatkan apa-apa duti eksais yang dituntut. *Fasal* ini juga bertujuan untuk membolehkan Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran apa-apa amaun yang kena dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 6, 8, 10 dan 11* adalah saling berkait. Ianya bertujuan untuk mengadakan kemudahan bagi membolehkan barang-barang yang belum dibayar duti eksais untuk disimpan di tempat-tempat selain daripada premis pengilangannya ataupun di gudang yang dilesenkan.

Fasal 7 bertujuan untuk membenarkan juga ditarik balik duti yang diberi ke atas bahan-bahan pembungkusan.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 9* bertujuan untuk memastikan bahawa apabila sesebuah syarikat itu digulung, penyelesaian syarikat tersebut mestilah mengeneipkan sejumlah wang daripada aset syarikat tersebut untuk membayar apa-apa duti eksais yang masih belum dibayar. Peruntukan ini dicadangkan kerana pada masa ini tuntutan duti eksais ke atas syarikat-syarikat yang digulung tidak diberi keutamaan.

Fasal 12 bertujuan untuk mengecualikan kedai-kedai bebas cukai yang menjual minuman keras daripada keperluan pelesenan di bawah Akta Eksais, 1976. Ini disebabkan kerana barang-barang yang dijual oleh kedai-kedai ini bukanlah untuk kegunaan di dalam negara kita ini tetapi adalah untuk dieksport.

Fasal 15 bertujuan untuk membolehkan barang-barang yang dirampas dan menunggu perbicaraan untuk dikembalikan kepada tuan punyanya dengan pengenaan sesuatu cagaran. Ini bertujuan untuk mengelak daripada barang itu tersimpan lama yang akan mengurangkan nilainya. Fasal ini juga membolehkan barang tersebut untuk terus dijual sekiranya barang itu adalah berbahaya ataupun mudah rosak.

Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan satu peruntukan baru di bawah Akta Eksais, 1976 bagi membolehkan sebarang sijil yang ditandatangani oleh seseorang analyst, Pegawai Kastam ataupun orang-orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan untuk diterima di Mahkamah. Peruntukan ini diadakan untuk menyelaraskan Akta Eksais, 1976 dengan Akta Kastam, 1967.

Fasal 17 bertujuan untuk membolehkan kes-kes di bawah Akta Eksais, 1976 untuk didengar di hadapan Majistret Kelas Satu di seluruh Malaysia. Pindaan ini adalah untuk menyelaraskannya dengan pindaan yang telah dibuat terhadap Akta Mahkamah Rendah, 1948 di mana kes-kes tersebut telah dimasukkan di bawah bidang kuasa Majistret.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 18* bertujuan untuk membolehkan cagaran yang dipegang sebagai ganti kepada sesuatu barang yang terlibat dalam sesuatu kes untuk disita sekiranya kesalahan tersebut disabitkan oleh Mahkamah.

Fasal 19 bertujuan untuk membolehkan dilucuthakkan apa-apa barang yang disita, amaun yang dijamin bagi pelepasan barang-barang yang disita ataupun amaun yang dihasilkan untuk penjualannya.

Berkaitan dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 20* pula bertujuan untuk membolehkan Menteri Kewangan untuk memulangkan barang-barang yang disita ataupun amaun yang dihasilkan oleh penjualannya.

Fasal 21 bertujuan untuk menaikkan jumlah kompaun maksima yang boleh dikenakan daripada \$2,000 kepada \$5,000. Ini adalah untuk menambahkan kekesanan penalti tersebut untuk mencegah kesalahan-kesalahan yang berkaitan.

Atas sebab yang sama, *Fasal 22* bertujuan untuk menaikkan tempoh maksima hukuman penjara yang boleh dikenakan keatas kesalahan-kesalahan menyimpan alat-alat pengilangan tanpa lesen daripada 18 bulan kepada 3 tahun dan denda atas kesalahan itu dinaikkan daripada \$5,000 kepada \$10,000.

Fasal 23 pula menaikkan denda atas kesalahan-kesalahan yang tidak mematuhi kehendak Akta Eksais, 1976 secara amnya daripada \$4,000 kepada \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

5.00 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sebenarnya hanya menempuh sedikit soalan mengenai Undang-undang ini, tetapi bagaimanapun saya akan terangkan sedikit sebanyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menempuh *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk mentakrifkan semula rokok bagi memperluaskan skop takrif yang ada sekarang supaya meliputi apa-apa "ramuan lain"—ramuan lain, saya tekankan, yang dicampurkan dengan tembakau dalam membuat rokok dan memotong takrif-takrif tertentu daripada Akta.

Tuan Yang di-Pertua, seringkali kita dapati takrif untuk duti eksais ini kadangkala begitu kabur, saya telah satu dua kali menyebut, pada hari itu saya telahpun menyebut di taklimat Kementerian iaitu berkenaan dengan double tax, tetapi pada kali ini juga kita dapati mungkin ada sedikit sebanyak kerana tak jelas bila disebut "ramuan lain". Jadi kita dapati terutama macam rokok keretek yang diimport daripada Indonesia ataupun buatan tempatan, termasuk dalam itu, saya tak tahu, saya tak hisap rokok, tetapi baunya macam bunga cengkih, mungkin ada madu ataupun gula ataupun lain-lain daun lagi, mungkin daun sirih, jadi saya tak tahu apa yang sebenarnya ingredients selain daripada tembakau yang termasuk di dalam pembuatan rokok tadi.

Jadi di sini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebenarnya yang ditujukan sebagai "ramuan lain". Adakah ini termasuk barang yang tak termasuk tembakau yang mengandungi nikotin. Dan untuk tujuan cukai, apakah barang-barang selain daripada tanpa nikotin ini dikenakan cukai sebagai tembakau juga. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Tak ada lagi? Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.02 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah termasuk dalam *Fasal 2* yang menimbulkan kekeliruan ialah apa maksudnya pindaan kepada *Fasal 2* ini. Seperti kita semua maklum bahawa dahulu dalam pasaran di negara kita ini rokok yang kita maksudkan di dalam Rang Undang-undang Eksais ini adalah rokok yang mengandungi tembakau sahaja, tetapi nampaknya seperti apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa ada beberapa jenis rokok yang dijual di pasaran dalam negara kita ini mengandungi bukan sahaja tembakau tetapi ingredients lain. Jadi, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi rokok keretek itu adalah salah satu jenis rokok-rokok yang dijual di pasaran dalam negara kita ini yang telah mengakibatkan Kerajaan meminda Akta Eksais kita ini supaya meliputi rokok keretek dan sebagainya. Jadi ini adalah diperlukan supaya Akta Eksais 1976 ini akan menjadi berkesan apabila cukai dikenakan ke atas rokok keretek.

Itu sahaja yang ingin saya sentuh. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatan-kuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.07 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kastam 1967 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan buat kali kedua sekarang.

Secara amnya pindaan-pindaan ini bertujuan untuk mengemaskini peruntukan-peruntukan Akta tersebut dan juga untuk memasukkan beberapa perkara baru ke dalamnya bagi menyesuaikan dengan perkembangan semasa.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan takrif perkataan-perkataan "duty free shop" dan "inland clearance depot" di bawah Akta Kastam 1967.

Fasal 3 bertujuan untuk memastikan kelonggaran tentang penggunaan berbagai-bagai borang yang dibenarkan di bawah seksyen 145 Akta tidak disalahgunakan.

Fasal 4 bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai-pegawai kastam untuk menentukan cara bayaran duti kastam yang dituntut daripada pengimport ataupun pengeksport supaya bayaran tersebut boleh dibuat dengan cara yang lebih mudah, terutamanya dalam hal di mana jumlah duti yang terlibat adalah besar.

Fasal 5 bertujuan untuk membolehkan mana-mana barang import yang rosak semasa masih dalam kawalan kastam untuk diremitkan duti importnya. Peremitan ini wajar kerana barang-barang tersebut sebenarnya tidak boleh digunakan. Pada masa ini Akta Kastam 1967 menetapkan bahawa pendengaran kes-kes di bawahnya di Semenanjung Malaysia hanya boleh dibuat di Mahkamah Sesyen. Walau bagaimanapun, Akta Mahkamah Rendah 1948 telah dipinda di mana kes-kes ini telah juga dimasukkan di bawah bidang kuasa Majistret sebagai langkah untuk mempercepatkan pendengaran kes-kes tersebut. Dengan itu maka Akta Kastam 1967 perlulah dipinda untuk menyelaraskan peruntukannya dengan Akta Mahkamah Rendah 1948. Pindaan-pindaan ini adalah seperti dalam Fasal 6 dan 7 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 7(a)* bertujuan untuk menaikkan denda yang boleh dikenakan atas kesalahan mengenai kehilangan barang-barang yang disenaraikan dalam manifest daripada \$100 kepada \$500.

Fasal 7(b) bertujuan untuk menaikkan denda yang boleh dituntut atas barang-barang tersebut daripada had maksima sebelum \$1,000 kepada \$2,000. Kenaikan denda ini bertujuan untuk menambah kekesanan penalti ini sebagai pencegahan terhadap kesalahan tersebut.

Atas sebab yang sama juga, *Fasal 18* bertujuan untuk menaikkan had maksimum kompaun yang boleh dikenakan daripada \$2,000 kepada \$5,000.

Fasal 19 pula menaikkan denda yang boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan am di bawah Akta Kastam 1967 daripada \$4,000 kepada \$5,000.

Fasal 8 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk meluluskan perlesenan kedai-kedai bebas cukai dan depot berlepasan darat.

Fasal 9 bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Kastam untuk mengecualikan sesuatu barang import itu daripada keperluan penggodangan.

Fasal 10(a) bertujuan untuk mengadakan had tempoh Duti Kastam mesti dijelaskan oleh pengimport ataupun agennya ke atas dagangan yang diiktirafkan.

Fasal 11 bertujuan untuk membolehkan pegawai-pegawai Kastam untuk mengenakan syarat ke atas wakil-wakil penghantaran supaya kegiatan mereka dapat dikawal.

Fasal 12 bertujuan untuk mengenakan kawalan yang lebih baik atas barang-barang yang diimport melalui jalan di mana peruntukan fasal ini menyifatkan orang yang membawa barang tersebut sebagai pemiliknya yang akan bertanggungjawab sekiranya apa-apa kes berbangkit berkaitan dengannya.

Fasal 13 bertujuan untuk memperluaskan skop tarik balik duti berkaitan bahan-bahan yang digunakan dalam pengilangan dengan membenarkan juga tarik balik duti untuk diberi ke atas bahan-bahan pembungkusan. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, prosedur tarik balik

cukai dipermudahkan dengan membenarkan bahan-bahan tersebut untuk diimport oleh seseorang melalui pihak lain. Dan pergerakan bahan tersebut hanya perlu dikawal melalui rekod sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 14* bertujuan untuk membolehkan sesuatu barang yang dalam tahanan Kastam yang dianggap merbahaya untuk dijual ataupun dimusnahkan.

Fasal 15-16 bertujuan untuk membolehkan sesuatu jumlah wang yang telah diperolehi daripada penjualan barang-barang yang ditahan untuk dilucuthak. Berkait dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 17* pula bertujuan untuk membolehkan Menteri Kewangan untuk memulangkan semula wang yang dilucuthak itu kepada mana-mana pihak dalam hal-hal yang berpatutan.

Fasal 18(b) bertujuan untuk membenarkan pegawai kanan Kastam untuk memulang apa-apa barang larangan yang disita sekiranya pengimport berkenaan kemudian mendapatkan lesen import atas barang tersebut.

Fasal 20 yang akhir sekali, bertujuan untuk membolehkan Menteri Kewangan untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengawal kedai bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kastam (Pindaan) 1967 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan buat kali kedua sekarang.

Secara amnya tujuan pindaan-pindaan ini ialah untuk mengemaskini perutukan Akta tersebut dan juga untuk memasukkan beberapa perkara baru ke dalamnya bagi menyesuaikan dengan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 2* bertujuan untuk menghapuskan apa-apa ketaksahan berbangkit daripada perkataan-perkataan dalam Akta berkenaan dengan jualan barang-barang kepada seorang yang bergantung kepada orang kena cukai.

Fasal 3 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah sendiri memutuskan pertikaian-pertikaian berkenaan dengan barang-barang yang tertakluk kepada cukai jualan. Di sini saya memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 4 bertujuan untuk membolehkan Menteri Kewangan mengecualikan seseorang daripada membayar cukai jualan.

Fasal 5 bertujuan untuk mewajibkan tiap-tiap orang yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 untuk mengeluarkan invoice atas jualan supaya kawalan lebih berkesan dapat dikenakan.

Fasal 6 bertujuan untuk membolehkan Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran apa-apa amaun yang kena dibayar.

Fasal 7 bertujuan untuk membolehkan Ketua Pengarah Kastam untuk memulag kepada seseorang apa-apa penalti yang silap dibayar olehnya.

Fasal 8 adalah bertujuan untuk membetulkan kesilapan penggubalan yang didapati dalam Seksyen 69 akta Cukai Jualan 1972.

Fasal 9 adalah bertujuan untuk membolehkan semua cukai jualan yang tidak dibayar oleh sesuatu pihak yang sedang dalam penerimaan untuk dituntut daripada penerimaannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar Lajim:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

5.17 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membahaskan secara ringkas dan seterusnya menyokong di atas Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan). Tuan Yang di-Pertua, sebagai kita sudah sedia maklum terutama di dalam bidang industri high technology telah berlaku berbagai masalah di dalam tafsiran cukai jualan iaitu tafsiran yang tidak begitu tepat untuk setengah barangan, khususnya Tuan Yang di-Pertua, untuk "hi-tech downstream industry", dengan izin, begitu banyak kekeliruan berlaku iaitu bila industri ini menggunakan 100% local content dan juga menggunakan labour 100% daripada tempatan. Jadi, kalau masih ada kekeliruan ini akan membantutkan pelaburan luar ke negara kita oleh sebab pelabur asing semesti sekali bila datang ke sini hendak keuntungan yang lebih dan begitu juga untuk pelabur-pelabur tempatan sebagai import substitution mereka pun mesti mendapati faedah yang lebih daripada menggunakan barang yang diimport. Tetapi terdapat sekarang ini banyak juga barangan-barang yang dibuat tempatan yang harganya lebih tinggi daripada harga-harga yang diimport. Jadi, hasrat Kerajaan untuk meminda undang-undang ini saya rasa memanglah dengan hasrat begitu iaitu dengan membenarkan pertumbuhan industri hi-tech terutama sekali supaya barangan-barang ini dapat dikeluarkan di negara kita dengan lebih murah daripada barangan-barang import.

Jadi, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, transfer of technology, dengan izin, sekali lagi akan dapat dijalankan dengan licin walaupun oleh sebab pelabur-pelabur pun berminat untuk melabur di negara kita ini.

Satu bidang yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu mengenai kuasa Menteri untuk mengecualikan cukai jualan untuk setengah-setengah barang. Saya amat sanjung di atas kuasa yang diberi di bawah Rang Undang-undang ini untuk Menteri mengecualikan setengah barangan-barang. Jadi, saya ingin sarankan supaya barangan-barang ini termasuk kalau bolehnya 100% barangan-barang yang merupakan import substitution supaya dapat barangan-barang kita ini bersaing dengan lebih efektif dengan barangan-barang yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja yang ingin saya sentuh dan sekali lagi saya menyokong atas Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:
Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.20 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, isu ataupun masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kekeliruan atas beberapa barangan buatan tempatan supaya barangan-barangan ini dianggap harganya lebih tinggi daripada barangan-barangan yang diimport.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita ini telah memberi perhitungan yang mencukupi atas industri-industri tempatan supaya menggalakkan mereka mengeluarkan barangan-barangan yang boleh dijadikan substitute, dengan izin, atas barang-barang yang diimport. Salah satu langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, kalau saya tidak silap seperti apa yang telah dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa pengilang-pengilang yang mengeluarkan barangan-barangan yang mana jumlah jualan mereka itu tidak melebihi \$100,000 tidak dikenakan cukai jualan. Jikalau bahan-bahan mentah yang digunakan oleh mereka itu adalah bahan-bahan tempatan, jikalau industri itu termasuk di bawah industri yang saya telah sebutkan tadi, mereka tidak menghadapi apa-apa masalah melainkan masalah-masalah lain yang tidak saya dapat sebutkan di sini.

Jadi mengenai perkara ini, saya di sini ingin menjelaskan dan menegaskan bahawa Kerajaan dari masa ke semasa masih mengambil perhatian yang berat sekali atas masalah-masalah yang dihadapi oleh industri-industri tempatan dan akan mengkaji polisi-polisi Kerajaan supaya mereka tidak akan terjejas sama sekali.

Mengenai isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana Ahli Yang Berhormat telah menyanjung tinggi pindaan ini iaitu atas kuasa Menteri untuk mengecualikan seseorang daripada membayar cukai jualan. Sebenarnya ini bukan satu isu yang baru. Yang dulu itu kuasa Menteri pun diberi kepada Menteri Kewangan untuk mengecualikan sesuatu barangan daripada membayar cukai jualan. Hanya sekarang ini memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan seseorang daripada membayar cukai jualan. Ini adalah perlu oleh kerana

pengalaman-pengalaman Kerajaan atas masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian khususnya Kementerian Kewangan. Kuasa ini diberikan kepada Menteri Kewangan cuma untuk melicinkan pentadbiran sahaja. Dan dengan ini tidak ada kebimbangan perlu dibangkitkan.

Ini sahajalah saya ingin menjawab. Terima kasih.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Penjelasan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Penjelasan atas kuasa Menteri untuk mengecualikan barangan tadi. Bolehkah, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri memberitahu apakah guideline jenis barang, bagaimanakah pengecualian itu diberi, iaitu kriteria untuk mengecualikan seseorang itu daripada dikenakan cukai jualan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, guideline yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat akan dijelaskan di dalam peraturan-peraturan yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Tetapi Menteri Kewangan mempunyai common sense, dengan izin, atas beberapa jenis pengilang-pengilang yang mana barangan-barangan itu harus digalakkan oleh Kerajaan supaya apa yang saya sebutkan tadi itu perlindungan yang menyeluruh, yang mencukupi dapat diberikan kepada sesuatu pengilang atau seseorang supaya mereka tidak menghadapi masalah pentadbiran dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan sekarang. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1990 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Lembaga Pelabuhan Kelang, Lembaga Pelabuhan Johor dan Lembaga Pelabuhan Kuantan adalah tertakluk kepada Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963. Sejak pelaksanaan Akta tersebut pada tahun 1963 tidak banyak pindaan dilakukan. Kementerian saya dan pihak-pihak pelabuhan telah mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu dipinda bersesuaian dengan masa

sekarang dan juga untuk kelicinan pentadbiran.

Setelah menyemak keseluruhan seksyen-seksyen di dalam Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan 1963 di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Perenggan (*u*) dalam subseksyen 2, Seksyen 3 yang memberi Lembaga kuasa untuk meminjam wang dipindahkan ke seksyen baru 8A oleh kerana seksyen 3 pada keseluruhannya tidak ada kaitan dengan kuasa meminjam wang.

Peruntukan seksyen baru 3B bertujuan memberi kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Menteri Pengangkutan menjalankan fungsi tambahan berhubung dengan aktiviti pelabuhan seperti mentadbir pelabuhan kering dan sebagainya.

Subseksyen 1(*b*) dan Subseksyen (3) dalam Seksyen 9 yang memerlukan akaun Lembaga diaudit oleh pengaudit yang dilantik oleh Menteri Pengangkutan dibatalkan oleh kerana akaun dan audit Pelabuhan-pelabuhan dengan automatik tertakluk kepada Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Peruntukan seksyen baru 29CA membolehkan Lembaga memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemaliman untuk melesenkan mana-mana pekerja pengendali berlesen memalim vesel dalam daerah pemalimannya. Pengendalian berlesen telahpun ditakrifkan di dalam Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990, iaitu mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilesenkan oleh Lembaga Pelabuhan boleh mengendalikan operasi pelabuhan di bawah rancangan penswastaan pelabuhan. Dengan pindaan ini, perkhidmatan pemaliman bolehlah

diswastakan kerana Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990 tidak meliputi perkara-perkara berkaitan pemaliman.

Peruntukan seksyen baru 29CB membolehkan Lembaga memberi kebenaran kepada seseorang untuk memalim vesel melalui kawasan pemalimannya tertakluk kepada terma dan syarat-syarat tertentu.

Pindaan kepada Seksyen 29D, 29I dan 29J adalah bertujuan memperluaskan kuasa Jawatankuasa Pemaliman, mengadakan peperiksaan, mengeluarkan, menggantung, membatalkan lesen dan mengadakan penyiasatan ke atas kelakuan bukan sahaja malim-malim pelabuhan tetapi juga orang-orang yang dilesenkan di bawah Seksyen 29CA atau yang diberi kebenaran di bawah Seksyen 29CB.

Pindaan kepada Subseksyen (2) Seksyen 29D bertujuan menaikkan kadar denda maksima dari \$2,000 ke \$5,000 untuk kegagalan mematuhi Undang-undang Kecil Pemaliman Pelabuhan.

Pindaan kepada Seksyen 31 bertujuan menaikkan denda maksima dari jumlah \$500 ke \$2,000 ke atas pengguna-pengguna pelabuhan yang cuba mengelakkan membayar caj pelabuhan. Kenaikan ini perlu memandangkan jumlah yang dikenakan sekarang telah dibuat dalam tahun 1963 dan adalah tidak sesuai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan yang berikut juga adalah bertujuan sama untuk menaikkan denda maksima oleh kerana ianya telah dibuat dalam tahun 1963 dan tidak sesuai lagi.

Peruntukan seksyen baru 41B memberi kuasa kepada Pengurus Besar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk mengarah pemindahan kapal apabila berlakunya kebakaran. Buat masa ini, kuasa ini

dijalankan oleh Syah Bandar. Memandangkan bahawa semua kapal dalam kawasan Port limit pelabuhan adalah di bawah pengawasan Lembaga, adalah lebih baik kuasa ini diberi kepada Lembaga Pelabuhan. Ia juga dapat melicinkan pentadbiran dalam keadaan sedemikian.

Peruntukan seksyen baru 46A memberi kuasa kepada Pengurus Besar Pelabuhan mengenakan kompaun ke atas beberapa kesalahan terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini. Buat masa ini semua kesalahan di bawah Akta ini dibawa ke mahkamah. Didapati denda atau penalti yang boleh dikenakan dengan serta-merta untuk memastikan undang-undang dipatuhi. Selain daripada membawa tindakan ke mahkamah, kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun akan ditentukan oleh Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 59 bertujuan memperkenalkan satu takrif baru mengenai pengendali berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan, 1963.

Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1990 ini tidak melibatkan Kerajaan dalam beban perbelanjaan wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Shuib bin Lazim:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Jika tidak ada perbahasan, saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai perbadanan, pendaftaran dan pentadbiran syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing dan mengenai perkara-perkara berkaitan dengannya" dibaca buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya menjelaskan bahawa Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memajukan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa iaitu dengan izin, International Offshore Financial Centre (IOFC).

Untuk melaksanakan keputusan itu, beberapa aktiviti luar pesisir ataupun offshore activities, dengan izin, dikenalpasti untuk digalakkan di Labuan dan akan diberi kadar percukaian istimewa. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Operasi Urusan Bank Luar Pesisir (Offshore Banking Operations);
- (2) Syarikat Pengurusan Modal dan Amanah (Fund and Trust Management Companies);
- (3) Syarikat Insuran Luar Pesisir (Offshore Insurance Company)
- (4) Syarikat Pegangan Pelaburan Luar Pesisir (Offshore Investment Holding Company); dan
- (5) Lain-lain aktiviti Syarikat Luar Pesisir (Multi-National) tetapi tidak termasuk aktiviti luar pesisir berkaitan dengan kapal-kapal dan petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan di atas juga, lima perundangan utama dan baru serta satu Rang Undang-undang pindaan kepada Akta yang berkuatkuasa sekarang telah digubal dan akan dibentangkan untuk kelulusan Dewan dalam sesi ini juga. Rang Undang-undang berkenaan adalah seperti berikut:

- (1) Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990;
- (2) Rang Undang-undang Syarikat Amanah Labuan 1990;
- (3) Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir 1990;
- (4) Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir 1990;
- (5) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990; dan
- (6) Rang Undang-undang Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang pertama dan kedua tersebut adalah di bawah bidangkuasa Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang itu bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebagai satu pakej dalam hubungan pembangunan Labuan sebagai IOFC ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam Rang Undang-undang di atas, Kerajaan juga memutuskan untuk memberi beberapa insentif yang tidak dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini. Untuk memastikan Labuan mempunyai perkhidmatan sokongan profesional yang mencukupi dan dimajukan dengan pembangunan infrastruktur yang bersesuaian dengan statusnya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, Kerajaan memutuskan untuk memberi insentif-insentif cukai berupa 50% abatement of the tax, dengan izin, selama lima tahun mulai tahun taksiran 1992 dan dalam tahun taksiran selanjutnya ke atas pendapatan-pendapatan firma-firma perakaunan dan syarikat guaman serta syarikat-syarikat pembinaan di Labuan.

Pemberian ini akan dibuat melalui perintah pengecualian atau exemption order, dengan izin, mengikut peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, cukai setem juga akan dikecualikan ke atas sebarang transaksi ataupun urusan syarikat-syarikat luar pesisir dalam hubungan aktiviti perniagaan luar pesisir mereka di Labuan. Dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat luar pesisir kepada pemegang-pemegang sahamnya termasuk pembahagian dividen oleh amanah-amanah luar

pesisir kepada orang-orang yang ada kepentingan atau beneficiary, dengan izin, juga dikecualikan daripada cukai.

Faedah-faedah serta bayaran royalti dan bayaran teknikal ataupun pengurusan yang dibayar oleh syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan luar pesisir juga dikecualikan daripada cukai pegangan atau beholding tax, dengan izin. Kerajaan juga mengambil keputusan untuk memberi dan mengeluarkan multiple entry visa yang lebih liberal kepada pegawai-pegawai dagang (expatriates) yang bekerja dengan syarikat-syarikat luar pesisir Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC), yang berjaya seperti Bahamas, Bermuda, Guernsey, Jersey dan Hongkong, peraturan dan perundangan-perundangan di atas digubal bukan sahaja untuk memastikan pengawalseliaan yang berkesan ke atas aktiviti-aktiviti tersebut, tetapi juga merupakan peruntukan-peruntukan yang mudah selaras dengan peraturan-peraturan yang minima dan flexible yang terdapat di IOFC yang telah maju dan terkenal di dalam dunia.

Walaupun bagaimanapun, pengawasan yang rapi ke atas aktiviti-aktiviti itu diperlukan untuk mengelakkan daripada berlakunya amalan-amalan tidak sihat seperti pencucian wang (money laundering), akaun bernombor tidak bernama (numbered and unnamed account) serta amalan-amalan pelarian cukai (tax evasion and tax avoidance).

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir, 1990 seperti dibentangkan memandangkan syarikat-syarikat yang akan menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir yang digalakkan di Labuan akan

diberi beberapa keistimewaan terutamanya daripada segi cukai dan tanggungjawab. Maka adalah dicadangkan syarikat-syarikat tersebut diberi identiti yang berlainan daripada syarikat-syarikat tempatan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 melalui Rang Undang-undang ini.

Perundangan yang baru ini telah digubal sebegitu rupa supaya hanya setaraf dengan perundangan-perundangan di IOFC yang telah maju dan terkenal di mana terdapat ciri-ciri kelonggaran, mudah dan senang diikuti. Prosedur-prosedur untuk menubuhkan sesebuah syarikat luar pesisir telah dipermudah bagi membolehkan sesebuah syarikat luar pesisir itu diperbadankan dalam jangka waktu yang singkat, iaitu kurang daripada seminggu. Sesiapa sahaja boleh dengan sendirinya ataupun bagi pihaknya untuk melalui sebuah syarikat amanah memperbadankan syarikat luar pesisir di Labuan.

Hanya sejenis syarikat luar pesisir sahaja boleh diperbadankan di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, ialah syarikat berhad menurut syer. Syarikat-syarikat luar pesisir boleh ditubuhkan untuk apa juga maksud yang tidak menyalahi mana-mana undang-undang Malaysia dan boleh menjalankan perniagaan di dalam, dari ataupun melalui Labuan. Walau bagaimanapun, sebuah syarikat luar pesisir tidak dibenarkan menjalankan perniagaan luar pesisir berkaitan dengan operasi perkapalan dan petroleum. Pemastautin negara kita ini tidak dibenarkan memegang syer di dalam sesebuah syarikat luar pesisir. Walau bagaimanapun, pemastautin negara kita ini yang terdiri daripada syarikat-syarikat amanah dan syarikat-syarikat tempatan yang lain yang dibenarkan untuk menubuhkan anak syarikat di Labuan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti bank dan insurans luar pesisir boleh memegang syer di dalam sesebuah syarikat luar pesisir.

Sebuah syarikat luar pesisir tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dengan pemastautin di Malaysia kecuali dalam keadaan tertentu yang ditetapkan oleh Undang-undang. Walau bagaimanapun, sesebuah syarikat luar pesisir itu boleh membuat ataupun mewujudkan hubungan profesional dengan peguam, akauntan, syarikat amanah, syarikat pengurusan, syarikat guaman, firma akauntan, penasihat pelaburan ataupun orang-orang yang menawarkan perkhidmatan yang sedemikian di Labuan. Syarikat luar pesisir juga dibenarkan memperolehi ataupun memegang mana-mana pajakan, mana-mana harta bagi tujuan operasinya ataupun sebagai accommodation, dengan izin, untuk pegawai atau pekerjanya di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu ciri istimewa bagi sebuah syarikat luar pesisir ialah dokumen-dokumen yang telah diserahkan dengan Pejabat Pendaftar Syarikat tidak boleh diperiksa oleh orang awam, kecuali oleh ahli-ahli syarikat, pemegang debenture, pegawai-pegawai syarikat mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pegawai syarikat ataupun mana-mana orang yang boleh menunjukkan alasan yang munasabah kepada Pendaftar untuk membuat demikian. Sesebuah syarikat luar pesisir tidak dikehendaki memajukan butir-butir gadaian untuk didaftarkan, tetapi hanya perlu menyimpan daftar gadaian dengan sempurna di pejabat berdaftar dan membenarkan orang-orang yang disebut tadi membuat pemeriksaan apabila dikehendaki.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kerahsiaan diberi sehingga ke tahap tertentu di mana semua prosiding bersangkutan dengan sesebuah syarikat luar pesisir di bawah Rang Undang-undang ini selain daripada prosiding jenayah dijalankan secara tertutup melainkan mahkamah mengarahkan sebaliknya. Butir-butir prosiding tidak

dibenarkan disiarkan oleh mana-mana akhbar melainkan dengan kebenaran mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah syarikat asing yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang negara lain boleh jika dibenarkan oleh undang-undang negara itu, memohon kepada Pendaftar untuk didaftarkan sebagai Syarikat Luar Pesisir seakan-akannya diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 tanpa menjelaskan entitinya.

Rang Undang-undang ini juga membenarkan sebuah Syarikat Luar Pesisir yang diperbadankan di bawahnya untuk memindahkan pemerbadanannya ke negara lain, jika undang-undang negara itu membenarkan perpindahan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga membuat peruntukan supaya sesebuah syarikat asing boleh didaftarkan sebagai Syarikat Luar Pesisir asing. Walau bagaimanapun hanya syarikat yang belum didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1955 sahaja akan dibenarkan berbuat demikian. Kecuali bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan perniagaan bank atau insurans luar pesisir, sesebuah syarikat asing itu tidak perlu memohon kelulusan daripada mana-mana pihak berkuasa untuk didaftarkan sebagai sebuah Syarikat Luar Pesisir asing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pemerbadanan, pendaftaran dan pentadbiran syarikat luar pesisir dan

syarikat luar pesisir asing dan mengenai perkara-perkara berkaitan dengannya dibacakan buat kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 149 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT AMANAH LABUAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.56 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran syarikat sebagai syarikat amanah di Labuan, mengenai penetapan kuasa-kuasa dan tugas-tugas syarikat amanah itu dan mengenai perkara-perkara yang

berkaitan ataupun bersampingan dengannya dibacakan buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan Wilayah Persekutuan Labuan mencapai status Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang berjaya, perkhidmatan-perkhidmatan sokongan profesional, dengan izin, professional support services adalah perlu. Bagi menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan profesional itu dan bagi mengawasi mereka yang memberi perkhidmatan profesional itu kepada syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan (IOFC) Rang Undang-undang ini digubal dan dibentangkan untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit penjelasan mengenai perkara-perkara penting berkaitan dengan Rang Undang-undang ini. Umumnya Rang Undang-undang ini akan membolehkan syarikat tempatan ataupun asing yang diperbadan ataupun didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 memohon kepada Pendaftar Syarikat untuk didaftarkan sebagai sebuah Syarikat Amanah di Labuan.

Pendaftar Syarikat akan meluluskan pendaftaran jika syarat-syarat asas daripada segi modal dan latar-belakang pegawai-pegawainya dipenuhi. Syarikat-syarikat amanah yang didaftarkan sedemikian adalah diharapkan boleh menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan dan sulit seperti perkhidmatan profesional perakaunan, pengarah, kesetiausahaan, amanah, pejabat berdaftar kepada mereka yang menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir di Labuan. Syarikat-syarikat amanah ini juga bertanggungjawab untuk memastikan pelanggan-pelanggannya mematuhi kehendak-kehendak perundangan dan peraturan-peraturan di Labuan IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 1 dan 2*, Bahagian I Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara permulaan termasuk takrif-takrif tentang perkataan-perkataan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 menghendaki sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 mendaftar dengan Pendaftar Syarikat, dengan membayar yuran pendaftaran tertentu untuk menjalankan syarikat amanah di Labuan. Untuk mendaftar, syarikat-syarikat itu perlu mempunyai modal dibenarkan sebanyak \$500,000 dan sekurang-kurangnya \$150,000 merupakan modal telah dibayar serta men-depositkan dengan Akauntan Negara sekuriti bernilai \$100,000.

Fasal 5 memberi kuasa kepada Pendaftar untuk meluluskan permohonan pendaftaran dengan apa-apa syarat tertentu.

Fasal 6 membuat peruntukan mengenai kehendak tambahan yang perlu dipatuhi oleh suatu syarikat amanah.

Fasal 7 menyatakan bahawa peruntukan Akta Syarikat 1965 masih terpakai kepada syarikat amanah yang didaftarkan di bawah Rang Undang-undang ini dan *Fasal 8* melarang syarikat amanah memberi perkhidmatan kepada pemastautin Malaysia.

Fasal 9 menghendaki syarikat amanah mengemukakan maklumat, data dan penyata-penyata yang ditetapkan oleh Pendaftar. Pendaftar pula diberi kuasa untuk memeriksa buku, rekod, baucer, dokumen, wang tunai dan lain-lain bagi mana-mana syarikat amanah di bawah Rang Undang-undang ini.

Fasal 10 memberi kuasa kepada Pendaftar untuk membatalkan pendaftaran di mana prosedur bagi pembatalan dijelaskan dengan terperinci.

Fasal 11 adalah mengenai pengumpulan sesuatu syarikat amanah berbangkit daripada pembatalan pendaftaran di atas.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II adalah mengenai kuasa-kuasa sesuatu syarikat amanah. *Fasal 12 hingga 17* Rang Undang-undang ini menjelaskan kuasa-kuasa serta tanggungjawab syarikat amanah yang didaftarkan untuk bertindak sebagai wasi, pentadbir, pemegang amanah tunggal, pemegang amanah bersama dengan pemegang amanah lain dan perwakilan kuasa kepada syarikat amanah lain oleh suatu Syarikat Amanah.

Sementara Bahagian III adalah mengenai perkara-perkara pelbagai seperti komisen, fee, caj dan perbelanjaan-perbelanjaan yang dikenakan oleh syarikat amanah dan sekatan-sekatan. Kawalan terhadapnya adalah sama dengan sekatan, kawalan ke atas syarikat amanah, wasi, pentadbir dan pemegang amanah lain. Hal-hal ini dibincangkan dalam *Fasal 18 hingga Fasal 23*. Ia juga memperuntukkan perkara-perkara berkaitan dengan kerahsiaan maklumat ataupun larangan pendedahan maklumat-maklumat berhubung dengan apa-apa amanah, estet ataupun harta pusaka oleh Syarikat Amanah kecuali dengan perintah Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini tidak sekali-kali boleh disifatkan menyentuh ataupun mengganggu kuasa Pemegang Amanah Raya yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah Raya, 1950.

Rang Undang-undang ini juga dijangka akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan di mana jumlahnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tempohkan Mesyuarat ini selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 6.03 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.18 petang.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT AMANAH LABUAN

Perbahasan disambung semula.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran syarikat sebagai syarikat amanah di Labuan mengenai penetapan kuasa-kuasa dan tugas-tugas syarikat amanah itu dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan.

6.18 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran

syarikat sebagai syarikat amanah di Labuan, mengenai penetapan kuasa-kuasa dan tugas-tugas syarikat amanah itu dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma berminat tentang syarikat profesional tempatan yang akan didaftarkan untuk mengendalikan syarikat-syarikat mereka bersama dengan syarikat-syarikat luar pesisir nanti. Di antara satu daripada syarat adalah modal dan ini mungkin tidak menjadi masalah, tetapi saya ingin bertanya kepada Kerajaan tentang latar belakang pegawai-pegawai syarikat tersebut, kenapakah ini perlu. Jika ianya sebuah syarikat profesional, seorang akauntan, seorang setiausaha yang bertaualiah dan sebagainya kita yakin bahawa mereka itu adalah anak-anak tempatan kita yang boleh kita percayai yang beramanah dan sebagainya, ianya tidak perlu lagi dibuat kajian latar belakang. Saya khuatir apabila kajian latar belakang pegawai ini dibuat, kemungkinannya pegawai yang membuat penyiataan latar belakang pegawai ini akan menyalahgunakannya. Maklumlah pegawai-pegawai profesional yang setaraf ini biasanya bersaing di antara mereka sama mereka itu begitu hebat sekali. Sungguhpun kita nampak persahabatan mereka itu baik di antara mereka pada tiap-tiap hari tetapi apabila mereka menulis biasanya ianya meragukan. Jika ia ada salah faham dengan kawannya maka mungkin rekomendasinya tidak sebegitu kuat bagi membolehkan syarikatnya didaftarkan syarikat yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini juga dikehendaki mempunyai modal \$¹/₂ juta dan ianya sebahagian syer yang telah dibayar sebanyak \$150,000 dan ada pula deposit kepada Akauntan Negara sebanyak \$100,000. Apakah perlunya deposit terpaksa disimpan oleh Akauntan Negara tetapi

menjalankan syarikat profesional di negara ini tidak perlu diadakan deposit ini. Kenapa istimewa pula tentang hendak mengendalikan syarikat-syarikat luar (offshore) ini maka syarikat yang hendak menjaga di Labuan ini terpaksa pula mendeposit sebanyak \$100,000 kepada Akauntan Negara.

Saya menyokong berkenaan dengan rahsia maklumat itu seperti yang dikehendaki di dalam Rang Undang-undang ini supaya ianya tidak boleh dibuka oleh sesiapa sahaja melainkan diperintah oleh mahkamah. Ini amat baik sekali bagi kepentingan negara kita dan juga kepentingan syarikat-syarikat luar itu supaya mereka turut berkembang di dalam negara kita ini dan insya Allah, Labuan akan menjadi sebuah Wilayah Persekutuan yang maju dan akan mendapat manfaat kepada negara kita.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:
Tak ada lagi? Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.23 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada beliau oleh kerana menyanjung tinggi hasrat atau usaha Kerajaan untuk memajukan Labuan sebagai IOFC ataupun pusat kewangan luar pesisir antarabangsa. Faedah-faedah yang akan dibawa kepada negara kita ini adalah jelas. Rang Undang-undang Syarikat

Amanah Labuan ini adalah diperlukan supaya memastikan bahawa usaha Kerajaan untuk memajukan Labuan itu sebagai IOFC ataupun pusat kewangan luar pesisir antarabangsa akan dapat dijalankan dengan licin dan bahawa nama negara kita ini dapat dijaga oleh kerana ada soalan-soalan orang ramai ataupun parti-parti Pembangkang bahawa ada kemungkinan jikalau Kerajaan kita ini memajukan Labuan ini ataupun mengadakan IOFC supaya kita bersaing dengan IOFC-IOFC lain yang telah maju dan terkenal di dunia. Kita dengan sengaja ataupun tidak sengaja menarik wang yang kotor ke Labuan, ini akan memusnahkan nama baik negara kita ini. Jadi, Kerajaan telah dan sedang membentangkan Rang Undang-undang ini di Dewan yang mulia ini dan salah satu keperluan di bawah Rang Undang-undang ini adalah untuk mengetahui latar belakang pegawai-pegawai syarikat-syarikat amanah yang akan didaftarkan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang berhasrat untuk membangunkan Labuan sebagai IOFC dan oleh itu Kerajaan hendaklah memastikan bahawa sokongan profesional yang diberikan, misalnya melalui syarikat amanah hendaklah diberikan kepada mereka dan mereka ini haruslah mempunyai kelayakan dan pengalaman yang cukup dan juga tidak mempunyai rekod-rekod yang buruk. Jika tidak, Kerajaan tidak dapat menjamin bahawa pemastautin-pemastautin Malaysia ataupun pemastautin negara kita ini tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mengapa modal \$500,000 ini diperlukan, modal ini diperlukan adalah untuk memastikan syarikat amanah mampu mengadakan perkhidmatan moden dan juga mampu

membayar kos-kos bagi pihak perdagangan. Kerajaan menganggap bahawa modal \$500,000 ini bukanlah tinggi sangat dan ini adalah diperlukan seperti apa yang saya sebutkan tadi dan Kerajaan berasa bahawa keperluan ini adalah munasabah. Jadi dengan meluluskan Rang Undang-undang ini termasuk apa yang telah dibangkitkan, kemungkinan Ahli Yang Berhormat itu bimbang, tetapi dengan kelulusan ini Kerajaan akan dapat memajukan Labuan sebagai IOFC, sebagai satu pusat perniagaan yang sihat. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Mesyuarat akan disambung pada hari esok, Khamis, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.